



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, Rabu 10 November 2010

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,

DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)
(Menunaikan Fardu Haji)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

En Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
PELAPOR PERBAHASAN

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Wrt. Brt.* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat bagi mesyuarat ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke 12. dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER: Telok Datuk

SETIAUSAHA DEWAN: Soalan 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN PBT

30. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan PBT yang masih mengalami defisit dan PBT yang mengalami defisit berjaya bertukar kepada surplus pada tahun 2009.
- b) Apakah kaedah-kaedah utama yang digunakan membolehkan PBT tersebut berjaya bertukar dari defisit kepada surplus?

TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker. Telok Datuk ingin nak tahu tentang kedudukan kewangan PBT. Berdasarkan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. terdapat 5 PBT berada di dalam kedudukan Defisit. Iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam. Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Bagi Majlis Bandaraya Shah Alam jumlah defisit Majlis telah meningkat daripada RM600,000 kepada RM1.3 juta. 3 PBT mengalami perubahan daripada kedudukan sebelas kepada defisit iaitu Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Majlis Perbandaran Selayang berubah dari RM114.15 juta defisit RM7.68 juta. Majlis Perbandaran Sepang daripada RM112.96 juta kepada defisit RM1.72 juta. Manakala Majlis Perbandaran Hulu Selangor berubah daripada RM112.33 juta kepada defisit RM3.66 juta. Perubahan kedudukan 11 kepada defisit adalah disebabkan tambahnya belanja susut nilai aset-aset yang mana bukan merupakan belanja operasi PBT. Majlis Perbandaran Klang pula telah menunjukkan pengurangan pada jumlah defisit iaitu daripada RM7.83 juta kepada RM2.43 juta sahaja. PBT yang mengalami Defisit berjaya bertukar kepada 11 pada 2009 pula adalah Majlis Perbandaran Subang Jaya yang berubah daripada kedudukan defisit RM7.04 juta kepada RM11.68 juta.

Kaedah-kaedah yang digunakan PBT bagi membolehkan mereka memperbaiki daripada kedudukan defisit kepada 11 adalah dengan menyediakan bajet 11 di mana hasil dianggarkan melebihi daripada anggaran perbelanjaan. Dengan adanya bajet 11, PBT perlu menjalankan pemantauan yang ketat terhadap prestasi kutipan hasil semasa dan perbelanjaan agar hasil

dapat dikutip dengan maksimum dan perbelanjaan dibuat dengan penuh berkhemah dan tidak melampaui bajet yang diluluskan.

Selain itu PBT juga dapat memperbaiki kedudukan defisit mereka dengan melipat gandakan kutipan tunggakan cukai, lesen dan juga kompaun. Kedudukan defisit juga dapat diperbaiki jika PBT berusaha untuk mendapat pelbagai punca hasil yang baru bagi menambah pendapatan.

Tuan Speaker, kedudukan kewangan PBT tidak dapat dicerminkan hanya berdasarkan pada bajet 11 ataupun defisit. Kita harus meneliti angka-angka seperti nisbah semasa, nisbah pencairan, simpanan tetap dan wang dalam bank dengan cagaran atau pun deposit yang dimiliki pihak lain seperti pemaju. Saya ingin ucapkan tahniah kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang dan juga Majlis Perbandaran Ampang Jaya kerana kedudukan kewangan mereka dianggap baik dan kukuh. Saya bagi contoh Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2008 nisbah semasa 2.6 tetapi sampai 2009 nisbah semasa menjadi RM2.85. nisbah kecairan pada tahun 2008 2.16 tetapi sampai 2009 menjadi 2.52 dan simpanan tetap kekal pada tahap RM136 juta dan wang di bank dan di tangan pun berubah pada 2008 wang di bank dan di tangan hanya 0.41 juta tetapi sampai 2009 menjadi 27.7 juta. Jadi jumlah wangnya adalah 163.70 juta. Jadi kalau kita tolak cagaran RM47.39 juta. Jadi perbezaannya RM116.31 juta. Ini bermakna Majlis Bandaraya Petaling Jaya menggunakan 116.31 ini untuk memberi bantuan pada warga kota Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Keadaan sedemikian juga berlaku di Kajang mereka juga menunjukkan prestasi yang baik dan kukuh. Ampang Jaya pun sudah meningkat prestasinya. Jadi yang lain-lain PBT yang masih tidak dianggap kukuh, mereka haruslah berusaha dengan semua kerjasama semua pegawai dan juga Ahli Majlis dengan cara ini kita harap mudah-mudahan semua PBT yang lain yang masih belum dianggap kukuh boleh meningkatkan prestasi mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang. Soalan tambahan.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingin bertanya adakah dengan kedudukan kewangan PBT-PBT yang ada sekarang ini terutamanya PBT-PBT yang kedudukan kewangannya masih lagi dalam keadaan tenat. Adakah PBT ini mampu untuk mengendalikan gerai-gerai, kedai dan bengkel yang diserahkan daripada Pejabat Daerah kepada Majlis Daerah untuk pengendalian terutamanya membaik pulih dan sebagainya. Kalau tidak mampu apakah perancangan Kerajaan pada hari ini untuk membaik pulih dan sebagainya mengutip cukai atau pun tunggakan cukai dan tunggakan-tunggakan sewa yang saya kira cukup banyak selama ini. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Sijangkang. Sebenarnya kita ambil tindakan dan kita juga sudah memberitahu semua YDP ataupun Datuk Bandar di mana mereka harus mengutamakan prioritiya sebab kita percaya kalau kita harus berkhemah kita menghadapi perbelanjaannya dengan baik kita boleh cari wang yang cukup untuk menangani masalah-masalah seperti gerai-gerai yang uzur ini. Jadi kita akan ada perbincangan dengan teliti dengan semua PBT supaya mereka dapat mengutamakan prioritiya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu:

YB TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker, terima kasih. Soalan saya, apakah langkah untuk memperbaiki pendapatan dari Majlis seperti di Hulu Selangor. Pada pendapat saya pembayaran elaun pada Ahli Majlis itu begitu tinggi kalau membandingkan masa di Barisan Nasional dan lebih kurang 5 kali ganda lebih. Kedua untuk kebanyakan *Billboard* pada masa

Barisan Nasional kita disewa kan untuk iklan pada syarikat. Tetapi pada hari ini nampak semua *Billboard* hanya untuk mempromosikan Menteri Besar sahaja. Itu juga satu langkah boleh kita bertambah pendapatan daripada Majlis. Saya minta apakah langkah sewajarnya. Sekian.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, kepada soalan daripada Kuala Kubu Baharu sebenarnya apa yang diperkatakan itu adalah tidak benar. *Billboard-billboard* yang kita gunakan itu merupakan *billboard* yang kosong. Bukan semata-mata kerana kita nak *billboard* untuk promosi apa-apa tajuknya kita sengaja gunakan *billboard* itu dan untuk Hulu Selangor masalah kewangan tidak kukuh sehingga hari ini bukan kerana Ahli Majlis bukan kerana kita membelanjakan lebih wang untuk Ahli Majlis. Perbelanjaan Ahli Majlis memang sudah bertambah tetapi itu untuk tujuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan mereka kepada penduduk di tempat itu. Jadi apa salahnya kita berbelanja untuk *office*, untuk *allocation* dengan izin dan sebagainya dan tempat macam Hulu Selangor kita telah minta mereka berusaha tetapi di Hulu Selangor kita perlu faham tempat seperti itu susah hendak komersial, susah hendak ada industri kerana lokasinya kalau berbanding dengan PBT yang lain kurang memuaskan terlalu jauh. Jadi kita faham benda itu.

Jadi walau bagaimanapun, saya tidak bercadang katakan Hulu Selangor tidak perlu berusaha lagi. Cuma saya ingin memberitahu semua ada sekatannya, ada kerumitannya tetapi kita masih mahu semua pegawai dan Ahli Majlis Hulu Selangor untuk berusaha lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan.

YB TUAN MAT SUHAIMI B. SHAFEI : Tuan Speaker, saya ingin bertanya soalan tambahan kepada YB Pandamaran. Sebentar tadi YB ada mengatakan yang defisit kepada Majlis Bandaraya Shah Alam meningkat kepada 1.3 juta. Jadi baru-baru ini, Majlis telah mengadakan program sempena 10 tahun Majlis Bandaraya yang mana saya lihat program ini berjalan hampir lebih kurang 10 hari. Banyak aktiviti yang dijalankan. Jadi apakah rasional di pihak Majlis dan juga apakah tindakan daripada Kerajaan Negeri untuk menasihatkan Majlis yang mempunyai defisit ini untuk menjimatkan perbelanjaan hanya semata-mata untuk meraikan 10 tahun atau pun 20 tahun penubuhan Majlis yang terlibat.

Jadi saya minta penjelasan itu kerana pada saya kalau kita dalam keadaan defisit kenapa kita hendak belanja sehingga 10 hari atau 12 hari. Walaupun program itu mungkin kecil, tetapi ianya melibatkan kos.

TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, teguran Sri Muda memang adalah berasas. Maksud saya kita tidak ada halangan mana-mana PBT untuk mengadakan *celebration* atau sambutan ulang tahun dan sebagainya, tetapi kita harus belanja berkhemahlah. Tadi bagi Shah Alam, saya ingin memberitahu, walaupun mereka masih tidak kukuh, tetapi mereka telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mempertingkatkan kedudukan kewangan mereka. Jadi ada nampak nisbah semasa ada *improvement* nisbah kecairan pun *improvement*, simpanan tetap pun sudah ada tambah daripada RM20.12 juta kepada RM50.12 juta pada tahun 2009. Walau bagaimanapun MBSA dianggap masih belum kukuh lagi. Pada masa yang lampau mereka telah menggunakan wang dalam cagaran untuk perbelanjaan. Ini satu cara yang tidak sihat dan MBSA dan semua PBT yang mengalami masalah yang sama haruslah mempertingkatkan cara mereka untuk berbelanja dan sebagainya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker Soalan No. 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KEPUPUSAN KELIP-KELIP

31. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 56: "Pada pendapat Audit, aktiviti ekonomi pertanian telah mengakibatkan alam sekitar di Kampung Kuantan telah terancam dan memberi kesan kepupusan kelip-kelip di kawasan ini".

Tidak terdapat ulasan daripada Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan untuk mengatasi masalah ini?
- b) Apakah jenis-jenis aktiviti ekonomi pertanian yang dijalankan di kawasan terbabit?
- c) Apakah polisi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam hal ini?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, soalan ini adalah berkenaan dengan laporan Ketua Audit Negara, aktiviti jabatan dan agensi tahun 2008 muka surat 56 di mana pada pendapat Audit aktiviti ekonomi pertanian telah mengakibatkan alam sekitar di Kg. Kuantan telah terancam dan memberi kesan kepupusan kelip-kelip di kawasan ini. Sehubungan laporan tersebut terdapat empat langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk memastikan perlindungan dan pemuliharaan kelip-kelip dan mereka adalah seperti berikut:

1) Pihak LUAS dengan kelulusan pihak berkuasa Negeri telah mewartakan kawasan Zon Perlindungan melalui pemberitahuan Zon Perlindungan (kawasan yang diisytiharkan dan sekatan 2009) yang telah diwartakan dalam warta No. 2171/2009 berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009 di bawah Seksyen 48 Enakmen LUAS 1999. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembaga Sungai Selangor ia itu pelan IRBM Sungai Selangor 2007 sehingga 2012 yang mana ia menepati polisi ke empat Pemuliharaan Kelip-kelip. Keluasan kawasan Zon Perlindungan ialah 1,104 hektar atau pun 2,728 ekar yang merangkumi kawasan rizab sungai di antara 150 meter sehingga 400 meter kiri dan kanan tebing Sungai Selangor di dalam Mukim Pasangan Daerah Kuala Selangor seperti dalam peta No. PW 1539. Tujuan Zon Perlindungan diwujudkan ialah sebagai langkah pengawalan dan pencegahan untuk melindungi kawasan rizab sungai, zon penampungan dan alam sekitarnya. Termasuk habitat kelip-kelip di dalam kawasan tersebut daripada diterokai, dimusnahkan dan juga mencemarkan sumber air. Di samping itu pihak LUAS juga mengambil inisiatif dengan pemasangan papan tanda pemberitahuan Zon Perlindungan di beberapa lokasi strategik seperti di jeti Kg. Kuantan dan Kg. Bukit Belimbing dalam usaha pemakluman kepada penduduk sekitar dan juga para pelancong akan usaha kerajaan Negeri Selangor memelihara dan memulihara kawasan habitat kelip-kelip.

2) Langkah kedua, pihak LUAS melalui Seksyen 43 (1) Enakmen LUAS 1999 telah memperuntukkan bahawa tiada sebarang aktiviti pengubahan sumber yang boleh dijalankan di dalam Zon Perlindungan melainkan setelah memperoleh kebenaran bertulis daripada Pengarah LUAS. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan ialah yang memberi kesan dari segi kuantiti dan kualiti air serta degradasi alam sekitar seperti aktiviti peletakan atau pun pembinaan mana-mana struktur atau pelaksanaan apa-apa kerja penggunaan atau penyimpanan apa-apa bahan kimia termasuklah racun makhluk perosak, atau baja perubahan kontur tanah yang sedia ada termasuk mana-mana penggredan dan pembinaan jalan raya pembersihan atau penuaian sayuran termasuk penebangan pokok, pembuangan pertumbuhan *riparian* atau penyaliran tanah pengairan dan pembuangan apa-apa kumbahan atau bahan buangan.

3) Di samping yang telah disebut pihak LUAS bertindak sebagai urus setia bagi kumpulan kerja Polisi 4 Pemuliharaan Kelip-kelip Pelan IRBM Sungai Selangor bagi memantau pelaksanaan tiga strategi yang telah digariskan di bawah polisi tersebut. Antara agensi-agensi yang menganggotai kumpulan kerja tersebut ialah UPEN, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor, Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Alam Sekitar Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Tourism Selangor. Pihak LUAS juga menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi teknikal berkaitan serta perbincangan bersama pihak NGO dalam usaha memastikan perlindungan dan pemuliharaan kawasan habitat kelip-kelip. Beberapa siri taklimat telah diadakan bersama Penghulu, Ketua Kampung dan penduduk sekitar bagi memaklumkan berkenaan pewartaan Zon Perlindungan dan mendapatkan kerjasama penduduk kampung.

4) Pihak LUAS juga menjalankan pemantauan secara *telemetry on-line* dengan izin dengan menggunakan stesen pemantauan kadar alih jenis *topler* di Bestari Jaya bagi memastikan pelepasan kuantiti air ke hilir sungai untuk hidupan kelip-kelip termasuk flora dan fauna iaitu 300 JLH atau pun 3.5 meter kiub satu saat selari dengan pemantauan keperluan dalam DEIA Empangan Sungai Selangor *Detailed Environmental Impact Assessment* dengan izin. Jenis-jenis aktiviti ekonomi pertanian yang dijalankan di kawasan terbabit melibatkan aktiviti seperti penanaman pokok kelapa sawit, kebun pisang, pengutipan daun nipah, sagu dan sebagainya. Lanjutan daripada pewartaan Zon Perlindungan pihak LUAS telah membangunkan satu garis panduan kawal aktiviti-aktiviti di dalam Zon Perlindungan. Dalam kawasan yang diisytiharkan dan disekat. Mungkin pasangan Daerah Kuala Selangor. Garis panduan tersebut telah menggariskan beberapa aktiviti di mana Pengarah telah mengisytiharkan aktiviti-aktiviti berikut adalah dibenarkan dan tidak memerlukan kebenaran bertulis Pengarah LUAS sebelum dijalankan di dalam kawasan Zon Perlindungan seperti berikut:

A) Pertanian dan Perhutanan

- i) Pertanian organik yang tidak menggunakan baja bahan kimia dan racun perosak.
- ii) Pertanian secara pasif yang tidak bersifat komersil dan tidak melibatkan penebangan pokok-pokok, dan
- iii) Aktiviti penanaman semula pokok berembang, nipah dan rumbia dan seumpamanya tanpa melibatkan penebangan pokok-pokok hutan paya bakau untuk apa-apa tujuan sekali pun bagi melindungi Zon Perlindungan.

B) Perikanan

Aktiviti menangkap ikan secara tradisional dengan menggunakan bubu, jala, jaring dan hanya menggunakan sampan dan bot berkuasa rendah yang kurang daripada 10 GRT.

C) Eko Pelancongan dan Rekreasi

- (i) Aktiviti eko pelancongan secara pasif seperti menjadi pusat kajian kelip-kelip, taman hutan, memerhatikan burung dan aktiviti pendidikan alam sekitar.
- (ii) Aktiviti menyusuri sungai dan berkayak dengan menggunakan sampan atau bot enjin yang berkuasa kecil, dan
- (iii) Aktiviti memancing dan sama ada secara persendirian atau dalam kumpulan yang tidak melebihi lima orang.

Lain-lain aktiviti yang di fikir wajar mengikut budi bicara Pengarah LUAS, polisi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam hal ini adalah dengan pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor 2007 sehingga 2012 yang mana ia melibatkan empat polisi utama dan salah satunya adalah polisi empat. Pemuliharaan kelip-kelip yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk diguna pakai pada 1 Ogos 2007 dan diwartakan pada 10 September 2009. Terdapat 19 strategi yang digariskan bagi pelaksanaan semua polisi dan tiga daripadanya menjurus kepada pelaksanaan polisi empat dengan kerjasama ahli kumpulan kerja polisi empat seperti berikut:

Strategi Satu

Pembangunan Sanctuary Taman Kelip-kelip. Status perlaksanaannya pihak LUAS telah mewartakan Zon Perlindungan Mukim Pasangan Daerah Kuala Selangor yang melibatkan kawasan rizab sungai, zon penampakan dan alam sekitarnya di jajaran terutama Sungai Selangor termasuk habitat kelip-kelip.

Strategi Dua

Menambah baik program pelancongan kelip-kelip, pembersihan sampah sarap yang terapung di sungai dan pendedahan tentang kitaran hidup kelip-kelip kepada para pelancong. Status perlaksanaannya pihak LUAS mendapat kerjasama daripada pihak JPS dalam memastikan penyelenggaraan berkala bagi *log boom* di bahagian hulu sungai. Di samping itu kerjasama daripada Majlis Daerah Kuala Selangor dan juga Tourism Selangor bagi pengedaran, poster, risalah, tayangan video berkenaan populasi kelip-kelip kepada para pengunjung. Kelengkapan prasarana, infrastruktur di pusat pelancongan kelip-kelip Kg. Kuantan pula disediakan dengan kerjasama pihak Majlis Daerah Kuala Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.

Strategi Tiga

Meneruskan pemantauan dan penyelidikan berkaitan kelip-kelip. Pemantauan terhadap populasi kelip-kelip diteruskan. Pemantauan habitat pokok berembang dan pemantauan hubungan kait pelepasan air tawar terhadap kualiti air di kawasan habitat kelip-kelip. Status perlaksanaannya selaras dengan usaha pewartaan Zon Perlindungan pihak LUAS dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sedang menjalankan kajian pemantauan populasi kelip-kelip di Sungai Selangor daerah Kuala Selangor. Berdasarkan keputusan mesyuarat MTES 8 Julai 2010. Peruntukan kewangan yang telah diluluskan ialah daripada bajet pembangunan UPEN sebanyak 204,880 ringgit untuk tempoh satu setengah

tahun bermula pada September 2010 hingga Februari 2012 oleh pihak FRIM. Ini adalah sebagai langkah jangka masa panjang dalam pemuliharaan habitat kelip-kelip.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER : Ah! Yang Berhormat, saya tidak benarkan soalan tambahan untuk soalan ini sebab ah! Yang Berhormat EXCO sedang menghabiskan hamper lima belas minit untuk membaca soalan. Saya dah banyak kali memberi peringatan waktu soal jawab bukan untuk EXCO menyampaikan dasar atau menyampaikan laporan kepada Dewan. Jadi saya berharap dapat jimatkan masa sedikit dalam perkara ini. Saya pun ada KPI saya. Saya harap setiap sesi ini satu setengah jam dapat saya habiskan lima belas soalan. Supaya semua seberapa banyak soalan dapat dijawab oleh pihak Kerajaan. Jadi, saya berharap pihak Kerajaan janganlah gunakan masa ini untuk menjawab laporan atau dasar. Sebab kita ada dua ratus, dua ratus lebih soalan untuk sesi ini. Kalau kita hanya habiskan dua puluh soalan, itu soalan saya rasa membazirkan usaha semua pihak. Ya! Saya berharap semua pihak bekerjasama dengan saya supaya semua soalan dapat dijawab dengan seberapa banyak yang boleh. Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker, Soalan 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KUPON AIR PERCUMA UNTUK PERUMAHAN PANGSA

32. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan perumahan pangsa yang telah diberikan kupon air percuma ini dan sedang menikmati air percuma sekarang.
- b) Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan usaha melaksanakan pemberian air percuma ini kepada rakyat terutamanya yang menduduki perumahan pangsa kos rendah?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Kota Damansara dan terima kasih kepada Tuan Speaker. Tentang kupon air percuma untuk perumahan pangsa. Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis pemberian kupon air percuma kepada pangsapuri kos rendah bermula di Pangsapuri Sri Tanjung untuk tempoh 3 bulan mulai Jun 2010. Berdasarkan maklum balas positif yang diterima daripada pembeli Pangsapuri Sri Tanjung dan lain-lain kawasan pangsapuri kos rendah. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sejumlah 69 skim pangsapuri kos rendah melibatkan 23,093 pembeli bagi pelaksanaan fasa pertama pemberian air percuma kepada pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal.

Skim pangsapuri kos rendah yang telah dipilih ini adalah berdasarkan keutamaan kepada pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang mempunyai Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) yang aktif atau berpotensi. Kriteria ini ditetapkan kerana Kerajaan Negeri telah mempertanggungjawabkan JMB / MC untuk menguruskan pengedaran dan pengutipan kupon kepada pembeli-pembeli bagi membantu Kerajaan Negeri dalam

memastikan program pemberian air percuma melalui sistem kupon dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Senarai pangsapuri kos rendah terlibat mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, saya akan membacakan jumlah bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Senarai penuhnya akan saya edarkan kemudian kerana ia melibatkan lebih 69 skim pangsapuri kos rendah. Bagi kawasan MBSA sebanyak 2,987 pembeli atau unit kediaman adalah terlibat. Bagi kawasan MBPJ sebanyak 3,304 pemilik ataupun unit kediaman. Bagi kawasan MPSJ sebanyak 5,636. Kawasan MPAJ sebanyak 4,662. Kawasan MPK, 1,277. Kawasan MPKj, 1,822. Kawasan MPS, 2,780. Kawasan MPSp atau Sepang adalah sebanyak 125. Sementara bagi kawasan Majlis Daerah Kuala Langat sebanyak 600 unit kediaman adalah terlibat.

Kerajaan Negeri sedang mempergiatkan usaha untuk mengumpul maklumat skim pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal bagi pelaksanaan fasa kedua pemberian air percuma bagi tahun hadapan. Oleh yang demikian, satu kempen pendaftaran terbuka akan dibuat di semua kaunter-kaunter pejabat Unit Pesuruhjaya Pembangunan ataupun COB di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui kempen pendaftaran terbuka tersebut semua pemaju badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau mana-mana pihak yang sah yang mewakili skim kawasan pemajuan pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor boleh membuat pendaftaran bagi menyertai program pemberian air percuma ini.

Walau bagaimanapun untuk jangka panjang penyelesaiannya adalah bagi kesemua kediaman berstrata yang masih menggunakan meter pukal menukar ke meter individu. Kerajaan Negeri telah mewajibkan semua pemajuan berstrata membuat migrasi daripada meter pukal kepada meter individu. Masalahnya adalah terdapat syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh SYABAS yang susah hendak dipatuhi oleh pemilik-pemilik. Di antaranya adalah kesemua pemilik atau 100% mesti bersetuju kepada migrasi. Yang kedua adalah tentang masalah hutang yang ditanggung oleh penduduk. SYABAS pada mulanya mahu ia diselesaikan 100% sebelum migrasi boleh dilakukan, hutang ya. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengadakan rundingan dengan pihak SYABAS agar kelonggaran diberikan kepada penduduk. Walau bagaimanapun masih terdapat keputusan-keputusan yang tidak konsisten di antara SYABAS di peringkat daerah-daerah. Oleh itu pada 1 Julai lepas saya telah sendiri mengadakan mesyuarat dengan Ketua Pegawai Operasi SYABAS, Ir. Dato' Lee Miang Kooi. Dan hasil daripada mesyuarat tersebut SYABAS telah bersetuju agar hutang penduduk boleh dibayar secara ansuran iaitu dimasukkan ke dalam bil-bil meter individu penduduk. Tetapi ini tertakluk kepada beberapa syarat-syarat yang tertentu.

SYABAS juga telah membenarkan JMB membuka akaun meter individu bagi pemilik-pemilik yang tidak dapat dikesan agar 100% akaun individu dapat dibuka. Sebanyak 161 kawasan yang melibatkan 36,592 unit kediaman telah melakukan migrasi dan sekarang ini pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan juga bersama dengan SYABAS telah merangka satu jalur migrasi dan program turun padang ke daerah-daerah untuk memastikan kesemua projek perumahan terutamanya kos rendah dapat bertukar kepada meter individu dan akhirnya mendapat ataupun mendapat air percuma yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuang.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Tuan Speaker, soalan 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH

33. Terdapat aduan bahawa sampah tidak terurus dan dilonggokkan di tempat yang tidak sepatutnya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berikan statistik aduan masalah pengurusan sampah mengikut PBT?
- b) Kenapa masalah ini berlaku dan apakah langkah diambil oleh PBT – PB untuk memastikan perkara ini diatasi?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Kuang ingin bertanya mengenai pengurusan sampah. Tuan Speaker, kalau mengikut statistik melalui Sistem STARS PBT dan juga e-Aduan. Aduan masalah pengurusan sampah adalah seperti berikut :

Aduan-aduan termasuk masalah am kutipan sampah, kutipan sampah tidak mengikut jadual, sampah haram dan juga sisa binaan dan sebagainya. Mengikut statistik-statistik yang ada sekarang, secara umumnya, aduan telah menurun tetapi masalah sampah haram dan juga sisa bahan binaan nampaknya masalah ini masih ada dan juga masih kekal tidak menurun. Tetapi aduan-aduan yang lain seperti kutipan tidak mengikut jadual ataupun masalah am telah menurun. Saya bagi contoh. Bagi MBSJ, dia ada masalah am sebanyak 1,133 pada tahun 2009. tetapi sampai Mei tahun ini, ia menurun sampai 156 kes sahaja. Dan kutipan tidak mengikut jadual tidak ada aduan. Untuk sampah haram, bagi 2009 untuk MPSJ dia ada 665 kes tetapi sampai tahun ini, Mei hanya 351 kes. Dan juga bagi MPK yang sentiasa dikatakan tidak berkesan itu. Pada tahun 2009, aduan adalah sebanyak 1,389 kes tetapi sampai 2010 mengikut e-aduan dan juga STARS PBT, tak ada aduan, tak ada aduan. Tetapi kutipan tidak ikut jadual pada tahun 2009 tidak ada tetapi tahun ini bertambah pula jadi 33 kes. Jadi kita haraplah, kita harap semua PBT dan juga Alam Flora harus meneliti data-data yang sedia ada dan saya akan minta semua PBT untuk memberi juga kepada kita aduan-aduan melalui telefon dan sebagainya. Jadi saya akan minta mereka bagi.

Kenapa masalah ini berlaku dan sebagainya Tuan Speaker, langkah-langkah tindakan dan pengawalan di setiap PBT dalam aktiviti kegiatan pembuangan sampah haram di Selangor adalah berbeza. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Daerah Kuala Langat misalnya, dengan melakukan operasi membanteras kegiatan pembuangan sampah haram. Ia selaras dengan tindakan di bawah Undang-undang Kecil, Mencegah kekotoran MDKL. Manakala Majlis Bandaraya Petaling Jaya, MBPJ mereka caranya adalah dengan menubuhkan unit *flying squad* yang dibentuk pada 20hb. Februari, 2006 dan Majlis Perbandaran Sepang pula dengan melakukan aktiviti pemantauan berkala secara bersepadu dengan bahagian penguatkuasaan. Selain dari itu, ganjaran dan insentif turut diberikan kepada mereka yang memberikan maklumat yang betul dan tepat. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker, soalan No.34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK: BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi JMB yang telah ditubuhkan setakat ini?
- b) Apakah langkah bagi memastikan JMB yang dibentuk mendapat kerjasama penduduk?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Paya Jaras. Terima kasih kepada Tuan Speaker. Sehingga kini sejumlah 1,087 Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah berjaya ditubuhkan di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, didapati 575 JMB adalah beroperasi secara aktif. Walau bagaimanapun, JMB yang ditubuhkan telah menghadapi beberapa cabaran seperti berikut:

- i) Isu peruntukan kewangan untuk menyenggara dan mengurus bangunan tidak mencukupi akibat daripada peratusan kutipan caj yang rendah di kalangan pembeli;
- ii) Isu kerenah pembeli yang tidak mahu mengambi berat mengenai tanggungjawab untuk membayar caj penyenggaraan serta menjaga harta bersama;
- iii) Isu pemaju yang enggan untuk memulangkan lebih wang kepada JMB atau telah membelanjakan semua wang akaun penyenggaraan bangunan dan kumpulan wang penjelas;
- iv) Isu kecacatan bangunan yang tidak dibaikpulih semenjak dari tempoh liabiliti kecacatan serta bangunan dan harta bersama yang tidak di senggara dengan baik oleh pemaju; dan
- v) Isu JMB tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran mengenai perundangan, pengurusan dan penyenggaraan harta bersama.

Terdapat juga sebahagian kawasan pemajuan strata yang masih gagal menubuhkan JMB kerana pembeli tidak sanggup atau tidak bersedia dan takut untuk menjadi ahli jawatankuasa kerana permasalahan-permasalahan sedia ada di pangsapuri mereka.

Dalam memastikan JMB ditubuhkan mendapat kerjasama penduduk, Ahli Jawatankuasa Bersama (JMC) yang dilantik untuk mengendalikan JMB hendaklah mengamalkan sikap ketelusan dan pro-aktif agar pembeli menaruh kepercayaan pada setiap urusan perbelanjaan yang dilaksanakan JMC serta memahami bahawa tanggungjawab menjaga harta bersama adalah tanggungjawab bersama. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah meminda dalam prosesewartakan pindaan Jadual Pertama Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] supaya lebih jelas bertujuan memastikan pengurusan yang dilaksanakan JMC mengikut peruntukan Akta 663.

Bagi mewujudkan semangat kekitaan serta kerjasama di antara pembeli dan JMB, Kerajaan Negeri telah meneruskan Program Kempen 'Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni' di kawasan perumahan bertingkat khususnya perumahan kos rendah yang turut membawa mesej

penghargaan kepada pembeli yang telah menjelaskan bayaran caj penyenggaraan mereka. Matlamat dan objektif kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada komuniti perumahan bertingkat terutamanya perumahan bertingkat kos rendah. Ia bertujuan supaya setiap pembeli mempunyai inisiatif sendiri dan bertanggungjawab untuk menjaga kawasan masing-masing. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri program kempen 'Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni' iaitu di Pangsapuri Seri Kembangan, Bukit Beruntung pada 24 April 2010 dan Pangsapuri Sri Perantau, Pelabuhan Klang pada 27 Jun 2010.

Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan Akta 663 terdapat 3 kaedah punitif (*punitif mekanisme*) yang menghukum mereka-mereka yang tidak melaksanakan tanggungjawab mereka seperti membayar yuran-yuran penyenggaraan. Di antaranya adalah

- i) JMB boleh membuat prosiding ke mahkamah;
- ii) JMB boleh membuat permohonan kepada Pesuruhjaya Bangunan untuk membuat penahanan harta alih; dan
- iii) Tindakan pendakwaan oleh Pesuruhjaya Bangunan.

Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk menubuhkan Unit Penguatkuasaan Pesuruhjaya Bangunan yang dijangka akan beroperasi pada 2011 dan memastikan penguatkuasaan Akta 663 dapat dilaksanakan dengan baik termasuk pendakwaan kepada pembeli-pembeli yang enggan membayar caj. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan satu himpunan perdana JMB seluruh Negeri Selangor pada 31 Oktober lepas. Himpunan ini yang telah mengumpul lebih 1,700 orang yang mewakili lebih 700 JMB adalah bertujuan untuk mendidik dan membekalkan mereka-mereka yang mentadbir rumah-rumah kos rendah ini dengan kepakaran-kepakaran perundangan dan juga bagaimana hendak berhadapan atau menangani masalah-masalah yang mereka akan hadapi bersama dengan penduduk-penduduk mereka. Terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BI ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Tuan Speaker. Kita, Bangi ingin mengetahui Apakah selama ini sudah mengambil tindakan undang-undang di atas apa kerenggangan penghuni-penghuni di rumah pangsa ini daripada menunaikan bayaran-bayaran. Pengalaman kita di Sungai Ramal Luar biasanya mereka ada tiga (3) melibatkan tiga (3) golongan pemaju, penghuni pemilik dan penghuni penyewa. Penghuni penyewa ini agak liat tak mahu bayar di Sungai Ramal Luar hutangnya sampai RM400,000 dan peralatan Dewan Orang Ramai terbengkalai kerana tidak ada peruntukan untuk dibaiki. Bila terjadi masalah apa ini rosak meter air, api terbakar dan sebagainya masalah ini menjadi perkara besar dan terlibat kita sama PBT, Wakil Rakyat dan sebagainya ertinya untuk mengatasi memang rumit dan sukar kewangan tak ada, penduduk tak mahu bayar kerana tak ada yang mereka dikenakan hukuman. So perkara ini berterusan macam itu dan penguatkan berterusan sehingga saya tak terduga sehingga RM400,000 so kita jangka nak bantulah kalau boleh beri RM5,000, RM6,000 duit ADUN tapi kalau RM400,000 nak ambil duit mana. So sedikit banyak tempat yang berlaku macam mana, macam ini, jadi kalau tindakan tak diambil tetapi kalau dia ambil mungkin boleh diatasi. Masalah ini berterusan. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Bangi. Masalah atau pun pungutan yuran penyelenggaraan atau *maintenance fees* ini dengan izin adalah tugas dan tanggungjawab JMB atau Perbadanan Pengurusan. Ianya bukan tugas Kerajaan. Apa yang Kerajaan telah buat adalah kita mengadakan kursus untuk mendidik atau menunjuk ajar akan JMC atau pun JMB ini cara-cara nak menangani dalam pungutan dan sebagainya. Kita adakan kursus, kita adakan baru-baru ini himpunan, ini yang boleh kita buat dalam kita untuk mendidik atau membimbing JMB atau JMC bagaimana hendak memungut yuran-yuran yang tertunggak. Selain daripada itu, berkenaan dengan Peraturan-Peraturan seperti penyitaan dan sebagainya Pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan beberapa kaedah-kaedah, cara-cara bagaimana JMB atau JMC ini hendak melakukan penyitaan sekiranya mereka yang sepatutnya membayar yuran ini tidak membayar yuran tersebut. Inilah dua (2) perkara yang kita telah lakukan. Kalau kita mengambil iktibar dari Singapura atau pun Pulau Pinang mereka yang tidak membayar JMB seperti di Singapura kalau tidak membayar *Maintenance Fees* dengan izin ianya ada *criminal* adalah satu kesalahan jenayah boleh masuk *jail* tetapi bukan di Malaysia, bukan di Malaysia dan di Pulau Pinang juga telah dilakukan di mana yang tidak membayar *Maintenance Fees* rumah mereka akan di sita tetapi sebelum lagi di Negeri Selangor kaedah-kaedah baru kita luluskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sabak.

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL : Terima kasih, Tuan Speaker soalan No. 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK: PROGRAM RUMAH PRIHATIN

35. Kerajaan negeri menyediakan RM6 juta bagi tahun 2010 untuk program Rumah Prihatin.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik bilangan rumah dibina dan penerima tahun 2010 mengikut kaum dan daerah?
- b) Apakah mekanisme yang telus digunakan untuk memilih penerima rumah yang layak?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih, Sabak untuk soalan. Ini tentang rumah prihatin.

- a) Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri memperoleh sumbangan sebanyak RM4.1 juta daripada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk membiayai Program Kerajaan Prihatin. Statistik bilangan rumah yang dibina dan menerima tahun 2010 mengikut kaum dan daerah adalah seperti berikut:-

b)

		BINA BARU			BAIK PULIH			
		Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India	
1	Hulu Langat	5	-	2	9	-	-	16
2	Petaling	4	-	-	5	-	-	9
3	Sepang	5	-	1	16	-	-	22
4	Sabak Bernam	1	-	2	6	-	1	10
5	Kuala Selangor	14	2	1	15	1	1	34
6	Gombak	-	2	-	8	-	-	10
7	Klang	12	1	1	9	-	1	24
8	Hulu Selangor	5	2	2	4	-	1	14
9	Kuala Langat	16	-	2	15	-	-	33
Jumlah		62	7	11	87	1	4	172

c) Pemilihan penerima yang layak untuk menerima bantuan di bawah Program Kerajaan Prihatin adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin yang di pengurusan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin. Setiap borang yang diterima akan ditapis dan di siasat oleh pihak Pejabat Daerah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Mesyuarat Jawatankuasa dianggotai dan di wakili oleh semua wakil daripada daerah dan agensi-agensi berkaitan. Pemilihan penerima adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan pertimbangan oleh Ahli Jawatankuasa yang bersidang.

TUAN SPEAKER : Taman Medan

YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Terima kasih, Tuan Speaker, soalan no. 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : **KAJIAN DAN PENYELIDIKAN BERKAITAN PBT**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Senaraikan kajian-kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan dalam tempoh 2008 – 2010 oleh Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan. Nyatakan peruntukan yang dibelanjakan.

b) Bagaimana kajian-kajian yang telah dilakukan bermanfaat?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan tambahan Taman Medan adalah mengenai Kajian dan Penyelidikan dari tempoh 2008 hingga 2010. Sejak mengambil alih pemerintahan negeri Selangor Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan telah membuat 12 kajian. Antara kajian yang dilakukan adalah:-

- 1) Kajian Projek Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.
- 2) Kajian Mengenai Hak Menteri Besar Selangor untuk Mende sorry minta maaf Mengklasifikasikan Dokumen.
- 3) Kajian Impak Sekitaran Perlombongan Emas di Raub.
- 4) Kajian Program Pravasi Bhrtiya Bhawan, di New Delhi.
- 5) Kajian Impak Sosial Ke Atas Projek Pembinaan LRT Jajaran Kelana Jaya, Putra Height, Seksyen 27, Shah Alam; dan
- 6) Kajian Organisasi dan Projek Rintis Pembangunan Strategik Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
- 7) Kajian Tinjauan Berkala Sosiopolitik Di Kalangan Rakyat Selangor.
- 8) Kajian Cadangan Program Pungutan Suara dan Pendapat oleh Merdeka Center Terhadap Pelaksanaan Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya.
- 9) Kajian Pesawah Padi di Negeri Selangor.
- 10) Kajian Keperluan Pembinaan *Council Homes* di Negeri Selangor.
- 11) *Research* bagi menyediakan Selangor *Blueprint* dari 2011-2013
- 12) Penyelidikan bagi Penggubalan Rang Undang-Undang Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010.

Tuan Speaker, setiap kajian yang telah dilakukan bermanfaat bukan sahaja kepada Kerajaan negeri mahupun pihak berkuasa tempatan malah memberi manfaat kepada rakyat negeri Selangor bergantung kepada kajian yang dilakukan.

Bagi kajian seperti Selangor *Blueprint* 2011-2013, ia adalah satu pelan hala tuju dan pembangunan tiga tahun negeri Selangor di mana *blueprint* ini adalah untuk menggariskan kaedah terbaik dalam mengagihkan pendapatan Kerajaan negeri Selangor kepada rakyat berdasarkan kepada Tujuh Teras Utama.

Selangor *Blueprint* adalah lebih telus dan adil dengan mengambil kira pandangan holistik dari segenap lapisan masyarakat di negeri Selangor tanpa kepentingan pihak-pihak tertentu dan semata-mata untuk keharmonian dan kesenangan rakyat negeri ini pada masa akan datang.

Ia juga menjadi bukti bahawa Kerajaan negeri Selangor sentiasa menambah baik pentadbirannya dengan mendengar nasihat dan teguran dari peringkat bawahan dan akar umbi.

Manfaat bagi Kajian Sosioekonomi Pesawah Padi ialah dapat mengenal pasti status sosioekonomi pesawah padi di mana hasil kajian mendapat bahawa 60% petani berada di bawah garis kemiskinan dengan pendapatan di bawah RM1,000.00 sebulan. Penemuan ini akan digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi merangka program pembasmian kemiskinan yang khusus kepada para petani seperti program meningkatkan pendapatan dan meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Selain itu, kajian ini dapat memahami kegiatan sekunder pesawah padi di mana pesawah padi sangat bersetuju sekiranya kerajaan negeri dapat mewujudkan pekerjaan sampingan kepada pesawah padi untuk mendapatkan pendapatan tambahan di mana pada masa ini para pesawah turut menjalankan aktiviti sampingan lain seperti berkebun, mengambil upah sebagai buruh, berniaga, menjalankan aktiviti penternakan, berniaga serta mengambil upah sebagai buruh kelapa sawit untuk menambah pendapatan.

Kajian ini juga memberi manfaat dengan memahami isu-isu yang dihadapi oleh pesawah padi. Antara isu utama adalah seperti masalah kewangan yang tidak mencukupi, masalah kesihatan, kos sara hidup yang tinggi serta masalah yang berkaitan dengan aktiviti penanaman padi seperti masalah serangga perosak, serangan penyakit terhadap tanaman dan sistem pengairan sawah yang tidak sempurna.

Manfaat lain yang diperoleh hasil dari kajian tersebut telah dapat mengenal pasti program-program yang boleh meningkatkan status ekonomi dan pendapatan pesawah padi.

Manfaat bagi Kajian Organisasi dan Projek Rintis Pembangunan Strategik Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor pula mendapati Pihak pengurusan PBT lebih memahami kehendak dan keperluan masyarakat setempat yang semakin mencabar. Masyarakat setempat juga boleh mengutarakan pandangan dan komen yang membina untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan PBT di masa akan datang. Selain itu, hasil kajian juga dapat membantu Ahli Majlis dan pihak pengurusan PBT dalam memahami peranan masing-masing dan mengenal pasti golongan sasaran yang tepat untuk diberikan perkhidmatan secara optimum serta dapat membangunkan kerangka strategik untuk digunakan sebagai panduan kepada organisasi bagi melaksanakan perubahan.

Bagi Kajian Tinjauan Berkala Sosiopolitik Di Kalangan Rakyat Selangor adalah untuk meninjau pendapat pengundi di Selangor berkenaan program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan negeri. Di samping itu, kajian turut bertindak untuk mengenal pasti isu dan masalah yang berlaku di peringkat tempatan di seluruh negeri Selangor. Tinjauan ini penting untuk melihat sejauh mana penyampaian program-program Kerajaan negeri di terima oleh rakyat Selangor dan menilai prestasi Kerajaan serta perbandingan dapatan penemuan lepas terhadap beberapa isu berbangkit.

Jadi Kajian ini juga meliputi tahap kepuasan PBT yang mana agak positif namun ia berbeza mengikut PBT kawasan responden dan prestasi PBT mula menunjukkan peningkatan ke atas perkhidmatan yang disediakan.

Jadi secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan banyak memberi manfaat kepada Kerajaan negeri dalam menentukan hala tuju dan perancangan pembangunan yang akan datang. Selain itu, Kerajaan negeri juga dapat merangka dasar baru meliputi keseluruhan rancangan yang dirangka sendiri oleh rakyat negeri Selangor. Terima kasih

YB TUAN NG SUEE LIM : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan no. 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR (PKPS)

37. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan projek-projek yang sedang dijalankan oleh pihak PKPS bagi memajukan sektor pertanian di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah? Sila berikan butir-butir.
- b) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini dan prestasi pencapaian ladang-ladang kelapa sawit milik PKPS?
- c) Sila senaraikan butiran terperinci mengenai prestasi pencapaian terkini anak-anak syarikat milik PKPS? Sila berikan butir-butir.

YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAFARI : Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Sekinchan berkaitan dengan PKPS. Yang pertama projek pengeluaran buah kelapa sawit di ladang-ladang seperti berikut:

- i) ladang Sungai Panjang di Sabak Bernam, Ladang Jelutong Jati di Sabak Bernam, Ladang Kerling daerah Hulu Selangor, Ladang Editas daerah Gua Musang, Ladang Irat, Daerah Kinabatangan, Sabah, Ladang Jagoharmoni, juga di Kinabatangan, Sabah
- ii) Projek pengeluaran benih ikan air tawar khususnya ikan keli dan tilapia yang di kendali oleh PKPS Bukit Tinggi Fish Farm Sdn. Bhd., di Daerah Gombak.
- iii) Penternakan ikan tilapia untuk pasaran tempatan dan Singapura. Di kendali oleh PKPS Farm Mart Sdn. Bhd., juga di Gombak.
- iv) Penyewaan lot peniagaan ikan, daging, sayur dan buah-buahan kepada orang ramai. Jumlah lot ialah 310 lot, oleh PKPS Agro Industries Sdn. Bhd., Kompleks Pasar Borong Puchong.
- v) Penternakan lembu pedaging secara integrasi di dalam ladang kelapa sawit bagi mengurangkan kos makanan ternakan dan penyelenggaraan ladang. Jumlah lembu 450 ekor. Projek Lembu Integrasi, Daerah Sabak Bernam.
- vi) Pemprosesan dan pembungkusan makanan kesihatan berasaskan herba dan madu. Merangkumi pengeluaran produk jenama sendiri, pembungkusan kontrak dan "*trading*". Di kendalikan oleh POLENS (M) Sdn. Bhd., Daerah Petaling.
- vii) Pengeluaran buah-buahan tropika yang mempunyai permintaan di pasaran domestik dan antarabangsa oleh SOPIC Sdn. Bhd., Daerah Gombak.

- viii) Penanaman tanaman kontan untuk membekalkan bahan mentah kepada pengusaha IKS dalam industri makanan ringan. Projek Tanaman Kontan, Daerah Kuala Selangor dan Sepang iaitu untuk tanaman ubi kayu, nanas dan tebu.
- ix) Menjalankan aktiviti kursus untuk peserta dalam teknik penternakan ikan air tawar iaitu di Pusat Latihan Akuakultur PKPS, Daerah Gombak.
- x) Penternakan ayam daging dengan kerjasama Syarikat Chareon Pokphand iaitu syarikat kedua terbesar di dunia dalam industri penternakan ayam. Kapasiti pengeluaran ialah 672,000 ekor setahun iaitu kira-kira 96,000 ekor setiap pusingan. Projek Ternakan Ayam Daging, Daerah Sabak Bernam.
- xi) Penternakan 116 ekor lembu tenusu bagi membekalkan susu segar ke pasaran tempatan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Projek Ternakan Susu, juga Daerah Sabak Bernam.

Bagi soalan kedua, PKPS mempunyai enam (6) buah ladang kelapa sawit iaitu Ladang Sungai Panjang, Ladang Jelutong Jati, Ladang Kerling, Ladang Irat, Ladang Jagoharmoni dan Ladang Editas. Selain daripada itu, PKPS daripada itu PKPS sedang membangunkan dua (2) buah ladang baru pada tahun ini iaitu Ladang Bukit Tamu, Daerah Hulu Selangor dan Ladang Tanjung 12, Daerah Kuala Langat.

Untuk makluman Dewan yang mulia, ada dua (2) buah ladang besar yang telah dijual oleh PKPS, oleh kerajaan terdahulu iaitu Ladang SOPIC, Ladang Rich Lee Corporation Sdn. Bhd., di Maran, seluas 2,140 hektar. Ekoran dari penjualan ini PKPS kerugian RM16.5 juta setahun. Yang kedua ialah Ladang PKPS di Lot 56, Sawai Land District, Ulu Niah, Miri, 3,390 hektar. Ekoran penjualan ini juga, PKPS kerugian RM 26.3 juta setahun.

Prestasi ladang-ladang, bagi soalan kedua, apakah perkembangan terkini dan prestasi pencapaian ladang-ladang kelapa sawit. Sejak mengambil alih pentadbiran negeri Selangor pentadbiran baru PKPS telah berusaha untuk memulihkan ladang-ladang yang ada yang ketika itu nampaknya ladang-ladang ini terbiar, tidak terurus dengan baik. Pertama prestasi ladang sehingga September 2010 seperti berikut :

i. **LADANG SUNGAI PANJANG, SABAK BERNAM**

Pendapatan, RM2.49 juta, perbelanjaan RM1.70, keuntungan RM0.79juta, dan perahan telah meningkat daripada 9.7 per hektar kepada 15.1.

ii. **LADANG JELUTONG JATI, SABAK BERNAM**

Keuntungan RM2.16 juta, juga perahan telah meningkat 14.5 kepada 15.7

iii. **LADANG KERLING, HULU SELANGOR**

Keuntungan 0.07

iv. **LADANG IRAT, LAHAD DATU**

Keuntungan RM2.14 juta, juga perahan telah meningkat daripada 11 kepada 15 peratus.

v. **LADANG JAGOHARMONI, LAHAD DATU**

Keuntungan kini ialah RM2.43 juta.

vi. **LADANG EDITAS, GUA MUSANG**

Keuntungan kini RM0.47 juta

Bagi soalan ketiga, pada tahun 2009, PKPS memiliki sebanyak tujuh buah anak syarikat, dan pada tahun 2010 bilangan tersebut telah berkurangan kepada lima buah syarikat sahaja, ini berikutan daripada tindakan PKPS menutup dua buah syarikat kerana tidak mempunyai prospek perniagaan yang cerah. Anak-anak syarikat yang masih beroperasi adalah seperti berikut :

- i) SOPIC Sdn. Bhd, iaitu ladang buah-buahan, projek ayam daging, projek lembu tenusu dan getah balak. SOPIC sehingga September 2010 mengalami kerugian RM1.3 juta.
- ii) POLENS (M) Sdn. Bhd., kilang memproses dan pembungkusan produk, sehingga kini keuntungan ialah RM5,268.00.
- iii) PKPS Agro Industries, Kompleks Pasar Borong, untung sehingga September 2010 ialah RM879,676.00.
- iv) PKPS Farm Mart, kerugian RM1.478 juta.
- v) PKPS Bukit Tinggi Fish Farm Sdn. Bhd., untung RM164,349.00.

Berdasarkan jadual di atas, faktor kerugian SOPIC Sdn. Bhd sebanyak RM 1.37, adalah disebabkan ladang kelapa sawit milik syarikat telah diambil alih oleh PKPS , manakala Ladang Selangor *Fruits Valley* dalam proses baik pulih. Maknanya SOPIC tutup, serah pada PKPS. Projek ayan daging masih dalam proses pembangunan dan dijangka mula menjana pendapatan pada akhir tahun 2010.

Faktor kerugian PKPS Farm Mart Sdn. Bhd., pula iaitu sebanyak RM1.478 Juta adalah didorong oleh serangan penyakit yang melanda industri penternakan ikan tilapia di seluruh negara pada akhir tahun 2009. Syarikat ini dalam proses baik pulih kerana pusingan ternakan ikan tilapia daripada peringkat telur sehingga penjualan ikan mengambil masa selama 8 bulan. Ini bermakna penjualan ikan akan mula pulih mulai Oktober 2010.

TUAN SPEAKER : Meru.

YB TUAN DR ABD RANI BIN OSMAN : Speaker, soalan nombor 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : **PENGURUSAN AIR DI SELANGOR**

38. Umumnya pertikaian antara Syabas dan Kerajaan Selangor mengenai konsesi air belum dapat diselesaikan sehingga kini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah perundingan mengenai pengurusan air di Selangor ini mendapatkan kerjasama dari Kerajaan Persekutuan ?
- b) Apakah halangan-halangan yang telah diletakkan oleh Kerajaan Pusat untuk membolehkan syarikat kroni mereka terus menindas rakyat Selangor untuk kepentingan saku-saku mereka ?
- c) Apakah langkah-langkah seterusnya yang akan di ambil oleh Kerajaan Selangor bagi memastikan kes penguasaan air di Selangor ini dapat dimanfaatkan bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Selangor sendiri ?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Yang Berhormat dari Meru, yang meminta penjelasan mengenai pengurusan air di Selangor. Untuk maklumat Yang Berhormat dari Meru, pada tahun 2004 satu perjanjian ditandatangani di antara kerajaan Selangor dengan Kerajaan Persekutuan dan pemilik saham, SYABAS, iaitu Puncak Niaga, untuk menyerahkan pengurusan air di Selangor yang pada masa itu diurus oleh Perbadanan Urus Air Selangor kepada SYABAS. Perjanjian itu, antara lain memberikan perjanjian bahawa tarif air boleh dinaikkan oleh SYABAS walaupun mesti mendapat kelulusan Kerajaan Negeri boleh dinaikkan oleh SYABAS, dengan kadar-kadar berikut :-

Pada tahun 2009, tahun lepas sepatutnya tarif air dinaikkan sebanyak 37 peratus dan perjanjian itu seterusnya bersetuju untuk menaikkan tarif air sebanyak 25 peratus lagi pada tahun 2012. Kemudian perjanjian itu bersetuju menaikkan tarif air kepada 120 peratus pagi pada tahun 2015. Kiraan ini menunjukkan kalau perjanjian ini dilaksanakan air yang termurah sekarang berharga 57 sen satu meter padu. Kalau kenaikan itu dilakukan ia menjadi 1.17 sen satu meter padu. Demikian, kenaikan ini ada dalam perjanjian. SYABAS, Kerajaan Negeri berjanji walaupun ada terma-termannya untuk melaksanakan perkara ini. Namun, Kerajaan Negeri Selangor selepas tahun 2008 tidak bersetuju terhadap kenaikan ini sebab kenaikan ini adalah satu kenaikan yang sangat tinggi dan Kerajaan Persekutuan juga memahami perkara ini.

Oleh sebab perjanjian itu dimeterai pada 2004, Kerajaan Persekutuan cuba menyelesaikan masalah ini dengan mengadakan satu undang-undang baharu yang dipanggil WASIA - Water Industri Air. WASIA itu untuk menyusun semula semua operasi air tiap-tiap negeri termasuk negeri Selangor. Dengan penyusunan semula ini, perjanjian dengan SYABAS dan syarikat-syarikat yang menjalankan penswastan air di Selangor dapat dirombak semula, dan dapat disusun semula, supaya kita dapat menentukan harga air tidak naik semula sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan dan pemilik saham SYABAS, iaitu Puncak Niaga pada tahun 2004.

Apakah yang berlaku sekarang? Kerajaan Negeri Selangor berunding dengan Kerajaan Persekutuan supaya penyusunan semula industri air di Selangor dapat dibuat mengambil kira supaya tidak dilaksanakan tarif air yang begitu tinggi untuk masyarakat di Selangor. Walaupun kita bersetuju operasi-operasi air ini mestilah mendapat keuntungan tetapi keuntungan itu tidaklah semestinya dilahirkan dengan kenaikan air yang banyak. Kita sudah membuat perundingan dan mengatakan kepada kerajaan Persekutuan, Kerajaan Selangor sanggup membeli semua konsesi yang ada sekarang daripada ABBAS, daripada SPLASH, daripada SYABAS dan daripada Puncak Niaga, dengan harga RM5.7 bilion. Harga tersebut memberikan pulangan kepada semua pemilik konsesi tersebut dengan pulangan tidak kurang 12 peratus setahun. Maknanya, jika konsesi yang dilakukan sekarang seperti SYABAS rugi -- mereka

memang rugi -- tetapi Kerajaan Selangor bersetuju untuk membeli konsesi tersebut dengan harga mengambil kira dia untung 12 peratus tiap-tiap tahun.

Bagaimanapun, tawaran Kerajaan Negeri itu ditolak kerana tidak lumayan ataupun agak rendah. Maka, Kerajaan Persekutuan mencadangkan beberapa harga daripada RM5.7 bilion ia cadangkan pergi kepada RM9.3 Bilion. Kerajaan Negeri Selangor mengatakan kita hanya boleh menawarkan harga asal jika harga air ini tidak dinaikkan kepada melebihi 15%. Maknanya, yang sekarang saya katakan tadi 27, 25, 20 hanya 15% dan kalau itu boleh dilakukan dengan harga yang diberi, kita sanggup melaksanakan. Mengikut kiraan kita, walaupun SYABAS rugi dengan harga yang ditawarkan 9.3 bilion itu, namun pemilik saham SYABAS boleh mendapat keuntungan 70% setahun.

Pada masa ini, perbincangan masih berlangsung dan Kerajaan Negeri boleh bertolak ansur daripada segi kenaikan harga air sebab kenaikan harga air yang ada sekarang pun merupakan antara yang tertinggi. Tetapi kalau saya ambil contoh di Pulau Pinang, tarifnya 31 sen 1 meter padu, di Terengganu 52, tapi kita tidak boleh ambil Sabah hanya 0.9 sen dan dan Perak 0.73 kita di Selangor 0.77. Jadi, kita mengambil keputusan tersebut dan kita mempunyai rancangan untuk menemui rakyat untuk menerangkan apa yang saya terangkan tadi supaya rakyat faham mengapa Kerajaan Negeri Selangor tidak menerima cadangan supaya penjualan ataupun pembelian aset-aset itu dibuat yang boleh menyebabkan kenaikan harga.

Bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor tidak bersetuju dengan pelaksanaan perjanjian yang dibuat antara SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan yang menyatakan kenaikan harga ini sebab Laporan Audit Negara menunjukkan terma-terma yang dijanjikan dalam perjanjian tersebut tidak dilaksanakan oleh pihak SYABAS. Malah, Kerajaan Negeri Selangor juga bersedia ke Mahkamah untuk menentukan sikap Kerajaan Negeri itu benar ataupun tidak. Kita sanggup ke Mahkamah! Kerana kita tidak hendak perkara ini nanti dikatakan oleh Rakyat Negeri Selangor sebagai tidak menjaga kepentingan mereka. Kedua, Kerajaan Negeri Selangor berpendapat perkara yang besar adalah penyusunan semula industri air. Air dari Pahang yang dijanjikan untuk disalurkan ke Selangor yang boleh menghasilkan tidak lebih daripada 20% penggunaan air di negeri di Selangor, kita tinggalkan dahulu supaya kita dapat selesaikan dahulu masalah pokok yang sedang kita hadapi...

... Masalah pokok adalah rakyat Selangor dalam pemerintahan Pakatan Rakyat tidak menerima kenaikan harga yang sangat tinggi yang menghasilkan keuntungan melampau kepada konsesi-konsesi air dan tidak mengambil kira bahawa mereka juga mestilah mempunyai tanggungjawab sosial untuk menentukan kita mampu melaksanakan pengeluaran air yang mencukupi.

TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIM : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : **PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR (PADAT)**

39. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan program yang telah dilaksanakan sejak pelancaran PADAT?
- b) Apakah struktur dan organisasi PADAT untuk mencapai objektifnya?
- c) Senaraikan perbelanjaan PADAT.

YB DR. DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima Kasih Tuan Speaker, soalan ini adalah akan saya jawab bersama-sama dengan soalan 119 daripada Jeram dan soalan 128 daripada Sijangkang. Tuan Speaker, soalan yang ditanya lebih kurang mengenai tentang perancangan PADAT dan peruntukan kewangannya serta bagaimana PADAT dalam usahanya mengembangkan adat dan kesenian dan sebagainya di negeri Selangor ini dapat diterima oleh rakyat. Pertama sekali tentang PADAT ini setelah baru sahaja dilancarkan dan ditubuhkan. Kita sedang merangka dan memprogramkan coraknya ada dua iaitu satu program jangka panjang dan satu lagi program jangka pendek. Program-program jangka panjang ini merangkumi program-program yang berkaitan terus dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PADAT dan dari dasar-dasar tersebut kita akan kembangkan mengikut program-program dan projek-projek yang inilah yang diusahakan oleh Kumpulan-kumpulan pekerja dari warga PADAT, dibantu oleh pakar-pakar rujuk daripada universiti-universiti, budayawan-budayawan, sasterawan-sasterawan dan sebagainya yang telah kita himpulkan untuk membantu kita untuk mengerakkan proses melahirkan satu identiti adat, budaya, kesenian yang mencerminkan adat Selangor. Yang Kedua, tentang mengenai jangka masa pendek atau pertengahan, kita sedang menuntut program-program mengikut apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam majlis pelancaran tersebut. Ada lima (5) *area* yang Baginda dititahkan oleh PADAT di antaranya menjalin hubungan yang rapat dengan institusi-institusi sekawan yang setara dalam dan luar negara, ini sedang diusahakan kemudian juga Baginda meminta supaya PADAT dapat memikirkan untuk mengadakan gerbang-gerbang, pintu gerbang di pintu masuk di negeri Selangor ini, di utara, di selatannya. Dan ketiga, yang saya ingat ialah apa yang telah dititahkan pada kita supaya diadakan di desa-desa adat, desa-desa budaya dan sebagaimana yang terdapat banyak di negara-negara seperti di Taiwan ada, di negeri China ada, di Jepun ada, di Indonesia ada, di Thailand ada. Kita teropong jauh-jauh sana di Afrika pun, banyak di negara-negara Afrika yang dapat memaparkan adat istiadat mereka melalui dikatakan desa budaya. Kita sedang mengusahakan titah Tuanku itu dan jawatankuasa khusus untuk meneliti untuk menentukan apa yang dititahkan itu bersesuaian dan bertempatan dengan kehendak latar belakang budaya di negeri Selangor ini sebab itu banyak mesyuarat-mesyuarat yang perlu dilakukan. *Recesses-recesses* dilakukan sama ada *remorseless* ataupun sama ada *recesses-recesses library* yang perlu di lakukan bagi mempraktikkan titah Tuanku. Kemudian, dari sudut apa yang kita lakukan tentang perbelanjaan PADAT dalam setahun diberikan dalam sekitar 4 Juta untuk dibelanjakan dan sekarang ini program pembaikpulihan sekarang ini sedang dijalankan bagi membaiki muzium yang lama itu, yang didapati bocor sekian lamanya dan memerlukan pembaikan. Kewangan telah diperoleh untuk membaiki kebocoran tersebut. Selain daripada itu, pembaikan-pembaikan pembangunan sedikit dan juga kebanyakannya mengurus untuk menguruskan PADAT yang mengandungi 81 pekerja-pekerja tenaga bantu untuk bantu PADAT dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Selain daripada itu Tuan Speaker, PADAT mengikut yang ditanyakan oleh wakil daripada Sijangkang Ada tak adat-adat Melayu yang bertentangan dengan syariat. Bagaimana hendak menangani adat-adat yang bertentangan dengan syariat. Sudah tentulah pasukan-pasukan pengkaji yang kita pun kena merujuk kepada Pejabat Mufti misalnya, terdapat kelakuan turun temurun yang dijalankan yang berlaku di antara datuk nenek moyang kita sampai sekarang ini, kemungkinan ada di antara kelakuan-kelakuan yang ada sekarang bertentangan dengan syarak. Yang ini sudah tentulah perlu kajian yang

lanjut. Dan di PADAT sendiri tiada kepakaran tentang itu, kita telah boleh melakukan, kajian *library*, kajian-kajian dokumentasi pada masa saya kita perlu pendapat daripada para ulama dan pakar-pakar rujuk untuk menentukan bahawa sesuatu perlakuan itu bersesuaian atau tidak bersesuaian, selari atau tidak selari dengan peruntukan syariat. Selain daripada itu, soalan daripada Jeram soalan tambahan yang ditanyakan daripada soalan ini ialah langkah memasyarakatkan adat dan nilai-nilai baik pada rakyat. Apa yang sebenarnya berlaku kalau kita lihat yang lepas-lepas, permasalahan mengenai adat, kesenian, kebudayaan dan sebagainya di negeri Selangor ini tidak ada satu agensi yang bertindak secara sentral, tidak ada satu agensi bertindak sebagai juru penyalaras yang menyalaraskan perlakuan-perlakuan, yang menyalaraskan tulisan-tulisan, yang menyalaraskan aktiviti-aktiviti mengenai adat, warisan dan sebagainya. Kebanyakannya berlaku secara berselerak, secara *solute* dan kita tidak mengetahui antara satu persatuan-persatuan, satu pertubuhan-pertubuhan. Dengan adanya PADAT ini Tuan Speaker kita dapati melalui *state run* maknanya *state* mengambil cara utama untuk melihat bahawa adat dan segala bentuknya, sama ada dalam bentuk dokumentasi, penulisan ataupun etifik-etifiknya ataupun perlakuan-perlakuan dan juga apa yang dilakukan oleh masyarakat kita, masyarakat di Selangor ini yang berkaitan dengan adat itu dapat di kumpul, dapat dikaji, dapat dipersembahkan dengan cara yang lebih *coordinate* (dengan izin). Inilah saya rasa fungsi PADAT. Itu dengan apa yang kita beritahu beberapa kali dalam persidangan ini kita hendak mencari satu identiti di Selangor. Inilah perkara sebenar perkara yang kita cari di Selangor ini yang dititik beratkan di PADAT sebab di Selangor dari segi keseniannya pun banyak kesannya adalah tiruan-tiruan yang kita tidak tahu sebenarnya. Yang mana keseniannya yang kita boleh *trand mark* kan, dicopkan, di *brand* kan sebagai Selangor punya. Seperti makanan, ini makanan Selangor. Pakaian, ini pakaian Selangor. Tarian, ini tarian Selangor. Sebenarnya itu tidak ada, sebab itulah sebagai rakyat dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita merasakan perlu kita mewariskan kepada rakyat. 5 Juta kepada rakyat di Selangor ini sesuatu identitinya adalah di Selangor, seperti di Kelantan jelas, makanan jelas identitinya, yang manis itu Kelantan, yang apa itu Kelantan. Terengganu misalnya jelas, makanannya nasi dagangnya dengan ikan tongkolnya, itu Terengganu. Johor, misalnya Laksa Johor tapi kita tidak dengar pula Laksa Selangor dan sebagainya. Itulah sangat perlu benda-benda ini. Kemungkinan ada teman-teman yang mengatakan remeh tapi sebenarnya ini adalah budaya, inilah manusia, inilah keinsanan, inilah kehidupan, inilah budaya, inilah tamadun, sebab itu bagi saya perkara ini amat besar kerana mungkin tidak besar pada zaman kita tapi sangat besar pada zaman generasi pengganti pada akan datang. Sebab itu Jeram kita tengah mengambil langkah-langkah, apa yang kita ambil langkah, kita bawa bengkel sesuai dengan *mentality* akar umbi, membengkelkan perkara-perkara yang berkaitan dengan adat-adat, menggunakan bahasa-bahasa. Dalam masyarakat Jawa, Jawa itu lebih diterima difahami bengkel dalam bahasa Jawa. Kalau dalam bahasa Minang, bengkel dalam bahasa Minang, dalam bahasa Bugis tapi apa pun isi dan *content* nya mestilah membayangkan tradisi adat dan warisan negeri Selangor ini. Jadi, akhirnya saya ingatkan ada banyak detail ditanyakan program, perbelanjaan dan sebagainya. Sebagaimanaya Speaker mengatakan kita tidak perlu beri laporan, tapi yang *detail* itu Tuan Speaker, saya rasa saya akan berikan dalam bentuk tulisan kepada ketiga-tiga yang memberikan soalan. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, soalan No. 41

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : CUKAI TAKSIRAN DALAM KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(PBT)**

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan kadar jumlah kenaikan cukai taksiran mengikut jenis-jenis premis pemilikan harta dalam Kawasan PBT dalam tahun 2009 dan 2010.
- b) Apakah asas-asas dan rasionalnya cukai taksiran dinaikkan?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Sungai Burong ingin nak tahu sebenarnya apakah kadar jumlah kenaikan cukai taksiran dalam tahun 2009 dan 2010. Saya minta maaf kerana kerajaan yang prihatin kita tidak langsung menaikkan kadar cukai taksiran pada tahun 2009 dan 2010. Memandangkan keadaan ekonomi tidak berapa sihat. Bagaimana pun buat masa ini walaupun kita tidak menaikkan cukai taksiran di kawasan PBT tetapi ia tidak menjejaskan kedudukan kewangan PBT masing-masing dari segi kutipan kesemua PBT menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Perbandingan kutipan cukai taksiran PBT Selangor adalah seperti berikut: MBSA sehingga September 2009 seratus dua puluh sembilan perperuluhan sembilan puluh lima juta. Bagi sehingga September 2010 meningkat kepada seratus tiga puluh empat perperuluhan lapan lima juta. MBPJ sehingga September 2009 seratus empat puluh perperuluhan tiga empat juta. September 2010 meningkat jadi seratus empat puluh tiga perperuluhan empat lima juta. MPK dari seratus empat belas perperuluhan enam belas juta naik kepada seratus empat belas perperuluhan empat satu juta. MPAJ dari enam puluh lima perperuluhan dua enam juta jadi enam puluh enam perperuluhan lima empat juta. MPSJ dari seratus dua puluh lapan perperuluhan dua sembilan juta naik jadi seratus tiga puluh enam perperuluhan lapan, lapan juta. MPS dari enam puluh enam perperuluhan sembilan satu naik minta maaf dari enam puluh enam sembilan satu juta jadi enam puluh sembilan perperuluhan satu, satu juta. MPKJ dari lima puluh tiga perperuluhan dua lima juta jadi lima puluh tujuh perperuluhan tujuh enam juta. MP Sepang naik dari tiga puluh tiga perperuluhan tiga belas juta jadi tiga puluh lima perperuluhan tujuh lima juta. MDKS naik dari tujuh perperuluhan sembilan lima juta jadi sembilan perperuluhan enam, enam juta. MDSH dari tujuh belas perperuluhan sembilan belas juta jadi lapan belas perperuluhan dua lima juta. MDKL dari lima belas perperuluhan lima dua juta jadi lima belas perperuluhan enam dua juta. MDSB Sabak Bernam dua perperuluhan enam tujuh juta jadi dua perperuluhan lapan lima juta. Jadi kalau kita tambah semua tafsiran bagi tahun 2009 kita terdapat lebih kurang satu perperuluhan empat bilion satu tahun. Lebih kurang sama dengan pendapatan negeri. Cukai tafsiran dikenakan ke atas sesuatu hartanah ataupun pegangan tanah adalah bagi membiayai kos operasi, urusan perkhidmatan, pembangunan, penyelenggaraan serta pentadbiran kawasan pihak berkuasa tempatan yang mana tujuan akhirnya untuk memberikan kemudahan, keselesaan dan kesejahteraan kepada penduduk di kawasan tersebut. Walau bagaimana pun dalam keadaan tertentu cukai tafsiran bagi sesuatu hartanah atau pegangan akan dinaikkan atau dibuat pindaan kepada senarai nilai sekiranya hartanah tersebut iaitu bangunan atau kediaman dibuat pengubahsuaian yang melibatkan perubahan luasan lantai. Selain itu perubahan perancangan di sesuatu kawasan turut mempengaruhi akan cukai tafsiran contohnya kawasan pertanian yang telah diubah menjadi kawasan perumahan. Cukai tafsiran yang dikenakan terhadap tanah-tanah kosong turut akan meningkat sekiranya tanah-tanah kosong tersebut dibangunkan. Begitu juga dengan

perubahan pembangunan *sorry* begitu juga dengan perubahan penggunaan pada sesuatu hartanah atau pegangan sebagai contoh hartanah jenis kediaman digunakan sebagai pusat asuhan kanak-kanak. Tetapi sebagai Kerajaan yang prihatin kalau kita mendapati pusat asuhan kanak-kanak bukan semata-matanya mencari keuntungan bagi diskaun seperti apa yang berlaku di Serdang satu rumah kediaman jadi pusat asuhan tetapi apabila Sri Kembangan membawa isu ini kepada PBT kita bagi diskaun. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan sudah tamat, urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan rang undang-undang pembekalan 2001, 2010

III. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) 2010 (Sambungan)

TUAN SPEAKER: Teratai. Yang Berhormat sudah berucap semalam jadi dua hari jadi minta pendekkan masa, kawalkan masa.

YB PUAN LEE YING HA: Ya saya sepuluh minit sahaja berbanding dengan setengah jam.

TUAN SPEAKER: Tetapi dua hari cakap dah. Sila-sila.

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Teratai untuk melanjutkan perbincangan dalam usul anggaran peruntukan pembangunan 2011. Jadi malam Teratai sudah membangkitkan isu mengenai perjawatan di MPAJ yang mana pegawai yang mempunyai gred yang tinggi tidak di duduk tempat sebagai pengarah Pemangkunya dengan gred yang lagi rendah menjadi pemangku pengarah ia terlibat tujuh jabatan iaitu Jabatan Khidmat pengurusan, Jabatan Belia dan Kemasyarakatan dan Jabatan Perkhidmatan dan Perbandaran dan Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan dan Seni bina, Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Perlesenan. Secara keseluruhannya terdapat dua belas Jabatan di MPAJ tetapi tujuh jabatan di antaranya memangku atau pegawai yang tidak memenuhi gred atau kepakaran tersebut dipangku oleh pegawai yang tidak memenuhi gred atau kepakaran tersebut. Itu sudah melebihi lima puluh persen jawatan pengarah. Teratai berasa hairan kenapa ada kekosongan sebanyak tujuh jabatan, kekosongan ini jawatan ini tidak diiklankan di mana-mana laman web MPAJ ataupun di surat khabar. Kenapa meletakkan dua pegawai yang mempunyai ijazah undang-undang di bawah Jabatan Undang-Undang tetapi dalam penguatkuasa dan perlesenan masing-masing. Dengan dua jabatan ini penguatkuasa dan perlesenan ia tidak perlu kelayakan yang tertentu apakah undang di sebalik batu. Saya boleh dapat jawapan dalam gulungan EXCO saya juga meminta EXCO berkenaan PBT, EXCO perjawatan boleh menyasat kes ini dengan serta merta. Sebab sudah bertahun-tahun saya menjadi ADUN dua tahun bulan tetapi jawatan ini semua tidak diisi, masih dipangku oleh pegawai yang tidak cukup kelayakan. Jadi kalau cukai rakyat dibayar kepada pegawai yang duduk dikerusi yang tidak sesuai sudahlah tentu system penyampaian tidak dapat ditambah baik. Kalau tidak saya akan cadangkan supaya kes ini dirujuk ke jawatankuasa pilihan mengenai PBT untuk siasatan lanjut atau mengadakan pendengaran awam.

Tuan Speaker setiap PBT membentangkan laporan kewangan setiap tahun tetapi apa yang kita tidak dapat ialah juruaudit untuk pengurusan PBT, kita hanya ada kewangan audit sahaja tetapi pengurusan audit tidak ada. Maksudnya setiap projek yang telah siap atau barang-barangan yang dibeli oleh Majlis harus disemak oleh *internal auditor* tetapi sampai hari ini dalaman tidak

ada apa-apa kerja dalam Majlis terlalu senang. Jadi kalau katakan Kerajaan Negeri kita berarah ke satu negeri yang bersih semua akaun pengurusan haruslah disemak setiap hari, kalau kita baca laporan Ketua Audit Negara kita boleh nampak kerja-kerja atau projek-projek dijalankan sebelum atau selepas agaknya sama. Bermaksud tidak ada kerja tetapi wang sudah keluar jadi kita tidak boleh tunggu ahli-ahli majlis yang duduk di jawatankuasa audit kerana ahli-ahli majlis bukan berpakar dalam bidang ini, mereka bukan bekerja sepenuh masa di dalam majlis. Dalam penyelidikan dalam dua tahun yang lebih ini terdapat hanya Majlis yang mencalonkan ahli majlis yang tidak aktif atau tidak ada pengalaman dalam akaun sebagai jawatankuasa audit. Ini bermaksud tidak perlulah ada mesyuarat.

Tuan Speaker untuk menaikkan ketulusan dalam sistem pentadbiran negeri Selangor, satu institusi yang berkesan haruslah di wujud Kerajaan tidak boleh menunggu Ahli-Ahli Majlis PBT atau ADUN untuk memantau kerana kita ada had sendiri dan hak masa untuk membuat pemantauan setiap hari. Institusi yang pernah saya cadangkan di dalam sidang dewan yang lalu untuk mewujudkan satu juruaudit. Juruaudit di setiap PBT dipindah ke SUK supaya memastikan tidak ada kepentingan peribadi di mana-mana PBT dan setiap bulan SUK menghantar juruaudit yang berlainan menyemak akaun PBT masing-masing tetapi nampaknya mungkin Menteri Besar atau Senior EXCO terlalu sibuk, selalu hilang diri dalam sidang dewan yang mulia ini, saya amat kecewa dengan keadaan yang begitu. Dan saya rasa ini haruslah diperbaiki kerana mereka tidak faham, dan tidak akan mungkin yang rugi adalah rakyat. Jelata di Negeri Selangor. Selain daripada itu satu jawatan kuantiti *surveyor* haruslah ditambah di setiap PBT kerana jawatan ini amat penting untuk mendapatkan sebut harga yang munasabah kepada Majlis. Supaya Majlis boleh menggunakan dana dengan berkesan dan kurangkan pembaziran.

Tuan Speaker inilah tahun ketiga Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan terdapat banyak program yang memang manfaat kepada masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah tetapi dari segi pentadbiran kakitangan awam agaknya lemah. Orang yang mencari makan atau menentang ADUN masih memegang jawatan Kita Pakatan Rakyat boleh menjadi Kerajaan kerana hasrat perlukan reformasi. Tetapi setelah kita menjadi Kerajaan semangat reformasi semakin rendah, rakyat telah menanti-nantikan perubahan dari segi institusi dan bukan berapa program atau projek. Kita kerap penyokong Kerajaan akan menyokong sepenuhnya perubahan dari segi institusi sekiranya MB dan pihak EXCO sudi mendengar suara rakyat di dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker sistem pemantauan *one stop centre* adalah untuk menolong pelaburan asing malangnya tidak mendapat sebarang jawapan yang positif dari pihak EXCO dalam sesi soal dan jawab. Jawapan yang saya terima ialah keberkesanan OSC adalah berlainan daripada PBT ke PBT. Teratai berpendapat pihak EXCO haruslah menyediakan satu sistem pemantauan atau penilaian dengan mendapatkan pandangan dari pihak-pihak yang pernah menggunakan perkhidmatan supaya OSC bukan sahaja satu kaunter hiasan tetapi betul-betul boleh menolong pelaburan asing. Dan isu ini sudah diketuk oleh Ketua Audit Negara dalam Buku untuk tahun kedua 2009. Faham sebagai Kerajaan negeri kita mendapat banyak kekangan terutama daripada Kerajaan Pusat. Tetapi ada sebahagian dari kekangan ini kita boleh mengatasi dengan peruntukan bajet yang sepenuhnya contohnya untuk kawasan perindustrian ringan. Permintaan mereka adalah lampu jalan, jalan yang tidak berlubang sahaja. Saya mengesyorkan supaya EXCO boleh melawat setiap PBT keperluan para peniaga setempat.

Akhir sekali Teratai ingin mengesyorkan supaya satu jalan yang bernama V. David sebagai bekas Ahli Parlimen merangkap junenjis yang sudah meninggal untuk dinamakan di satu jalan

terutama di Petaling Jaya. Kerana jasa beliau di dalam sistem demokrasi dan masyarakat amatlah penting pada zaman itu dan sekarang juga. Kalau EXCO ada satu Bandar tidak melakukan atau tidak setuju silalah beri satu alasan kenapa ini tidak boleh terjadi sebab V. David bukan seorang biasa ataupun ahli samseng tetapi ia memang pengalaman dan junenik kawasan dia beliau adalah di kawasan Puchong pada masa itu. Sekian, sahaja ucapan saya terima kasih.

TUAN SPEAKER : Jeram

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Terima kasih Tuan Speaker beri peluang pada Jeram untuk sama-sama ambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Tuan Speaker, sejak Pakatan Rakyat memerintah Selangor satu persatu anak syarikat kerajaan negeri mengalami perubahan yang mendadak. Perubahan ke arah kebaikan kami turut mengalu-alukan. Tapi jika sekadar menanggung beban dan mengalami masalah keyakinan dalam tadbir urus ini tentulah akan mengecewakan rakyat Selangor keseluruhannya. Kami mendapat maklum balas dan maklumat yang amat negatif berhubung dengan status tadbir urus dan prestasi Yayasan Selangor. Yang pertama masalah pelantikan seperti jawatan-jawatan tertinggi dan pengurusan kanan dalam Yayasan Selangor. Menteri Besar telah memilih dan melantik Ilham bin Marzuki sebagai Pengurus Besar Yayasan Selangor yang baru di Gred VU6 iaitu mata gaji tertinggi dengan kontrak selama 2 tahun dan mula melapur diri pada 15 April 2010. Beliau mempunyai kelayakan akademi dalam bidang kejuruteraan elektrik dan juga elektronik serta pernah menguruskan syarikat vendor TNB. Persoalannya Tuan Speaker, apakah ini kelayakan yang sesuai untuk dilantik sebagai Pengurus Besar Yayasan Selangor yang berfokuskan kepada bidang pembinaan modal insan serta Sumber Manusia. Adakah pemilihan ini melalui cara yang telus menerusi iklan dan cadangan daripada jawatankuasa pemilihan SUK jika ada. Kemudiannya tuan Speaker, Pengurus Besar yang baru ini melantik pula calon Pengarah Kewangan seperti yang telah disarankan oleh Pejabat SUK dengan meminda jawatan sebagai Pengurus Kanan Aset dan Pelaburan N54 dengan tangga gaji yang tinggi kepada En. Mohd. Nizam, Mohd Saiful Sarifuddin bin Sulaiman dengan kontrak 2 tahun dan mula melapur diri pada 3 Mei 2010. Beliau mempunyai kelayakan akademi *Bachelor in Accountancy* daripada UiTM dan berpengalaman dalam beberapa syarikat swasta. Persoalannya lagi sekali tuan speaker bagaimana beliau yang baru berusia 31 tahun dengan pengalaman tidak sampai 10 tahun bekerja diberikan amanah jawatan yang besar perannya dalam anak syarikat kerajaan negeri Selangor.

Berikutnya pula, Pengurus Besar telah melantik Puan Sabariah Ahmad ke jawatan Pengurus Kanan Pembangunan Pendidikan juga N54. sedangkan dari sumber yang didapati beliau pernah dibuang daripada berkhidmat dengan Yayasan Selangor kerana pernah menghancurkan Sistem Perakaunan Yayasan Selangor semasa dilantik sebagai Pengurus Kewangan pada tahun 1998. jika benar bagaimana kakitangan yang sama menimbulkan masalah boleh dilantik semula ke jawatan dalam badan yang sama. Rumusnya tuan speaker pelantikan mereka ini boleh dipertikaikan kelayakan dan mungkin kesilapan dalam pengurusan sumber manusia Yayasan Selangor. Akibatnya tuan speaker berlakulah pembaziran dan juga kelalaian atau kelemahan dalam pihak pengurusan Yayasan Selangor. Antaranya Tuan Speaker belanja untuk sambutan ulang tahun Yayasan Selangor berjumlah RM300,000.00 dengan melantik Syarikat Enterprise (RifZ Enterprise). Belanja untuk meraikan ulang tahun ke 40 Yayasan Selangor. Tarikh yang dirancang adalah pada 15 November 2010. tapi bayaran telah dibuat lebih awal sebanyak 2 kali kepada syarikat atau syarikat pengurusan majlis bayaran pendahuluan iaitu sebanyak 142,500.00 diikuti dengan bayaran kedua 128,500.00.

Persoalannya Tuan Speaker kenapa bayaran dibuat sedangkan majlis belum bermula. *Advance*.

TUAN SPEAKER : Apa itu *advance*?

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : *Advance*. Saya ikut bahasa jawa. Saya ikut bahasa Sabak tadi. Fasal kami orang kampung. Menteri Pertanian Tuan Speaker. Belanja bagi perbekalan baju rasmi lelaki dan wanita berjumlah 120,000.00 dan belanja raya berserta sampin berjumlah 80,000.00 kepada kakitangan Yayasan Selangor dengan melantik satu syarikat enterprise yakni PL Tinala Enterprise. Berikutnya Tuan Speaker, belanja untuk majlis berbuka puasa Yayasan Selangor adalah berjumlah 170,000.00 termasuk belanja tambahan VO sebanyak RM29,000.00 dan ia diserahkan kepada Syarikat Enterprise juga Rahah Enterprise. Keputusan mortem atau post mortem dengan izin tuan Speaker meminta KIV bayaran kononnya kerana makanan tidak mencukupi tetapi arahan mengatakan bayaran harus dibayar segera semasa program dijalankan. Yang berikutnya tuan Speaker belanja untuk sambutan hari raya, tadi puasa, ni hari raya pula Yayasan Selangor sejumlah RM320,000.00 kepada Syarikat Konsultan SDF Media and Event. Saya tak tau la Tuan Speaker Deepavali berapa pula lepas ini. Berikutnya Tuan Speaker kalau saya silap betulkan pihak pengurusan negeri nanti akan buat juga membeli kereta secara tunai untuk kereta Pengurus Besar. Kereta jenis Toyota Camry 2.4 berharga RM187,000.00 dan juga Toyota Fortune RM191,000.00. Kedua-duanya difahamkan akan dipakai oleh Pengurus Besar Yayasan Selangor. Mengalahkan EXCO Tuan Speaker. 2 kereta dapat. Itu keadaannya. Jadi Tuan Speaker, saya beranggapan kita perlu melihat secara fokus dari segi pelaksanaan adakah pelantikan dan tindakan ini mengikut peraturan kewangan Yayasan Selangor. Begitu juga Tuan Speaker tentang salah laku bayaran bonus Yayasan Selangor. Pengurusan Yayasan Selangor telah memberikan bonus 2 bulan kepada kakitangan Yayasan Selangor sempena hari raya tahun 1431H. Kelulusan Lembaga dengan persetujuan Resolusi yang menjelaskan bahawa pemberian penuh bonus kepada kakitangan yang telah genap setahun berkhidmat dengan Yayasan Selangor. Itu keputusan mesyuarat. Tapi tindakan tak sama. Tindakannya ialah kenapa ada bayaran tambahan melalui semakan bonus pada surat bilangan yang berikutnya bilangan YSSM03 Jld.111 Bertarikh 30 Ogos 2010 yang membenarkan bayaran tambahan perbezaan kepada En. Ilham bin Marzuki sebagai Pengurus Besar sebanyak RM5990.86 tunai. Dan kepada En. Mohd Sarifuddin bin Sulaiman RM5292.00. pembayaran ini adakah dengan kelulusan lembaga pengarah Yayasan Selangor. Selepas mesyuarat yang pertama memutuskan yang kakitangan genap setahun perkhidmatannya untuk menerima bayaran bonus. Begitu juga dalam konteks yang sama banyak perkara salah laku yang dipersoalkan antaranya juga ialah berkaitan dengan salah laku belanja kerja. Salah laku belanja kerja antaranya di sini adalah tindakan salah laku pengurusan yang membenarkan kewangan Yayasan Selangor kepada pihak swasta untuk mengendalikan asrama YS Ampar Tenang yang dikenal pasti bahawa telah disewakan kepada Maahad Tahfiz Kiblah iaitu syarikat milik dot dot dot dalam Yayasan Selangor. Dan kini Yayasan Selangor meminta untuk mengeluarkan belanja awalan RM20,000.00 daripada jumlah RM40,000.00 kepada konsultan SDF Media and Event SB juga milik kawan dot dot dot Yayasan Selangor untuk menguruskan majlis perasmian asrama iaitu untuk membantu Maahad Tahfiz Kiblah. Adakah patut tuan rumah yang meraikan bangunan asrama yang dilakukannya sendiri sedangkan duit itu boleh digunakan untuk pendidikan pelajar-pelajar dalam negeri Selangor. Sekali lagi kami mohon penjelasan dalam perkara ini.

Berikutnya Tuan Speaker, kita juga melihat di sini yang mana kerajaan negeri Selangor telah melancarkan satu program yang baik iaitu program SPIES. YB EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Modal Insan Selangor telah merangka satu program yang saya rasa cukup baik

walaupun dengan kos yang tinggi. Program ini menekankan untuk aspek yang baik dan membina kemajuan sebuah negeri kerana individu kita adalah aset yang penting untuk menjadi batu loncatan atau batu asas bagi melahirkan insan dan masyarakat yang cemerlang di masa hadapan. Persoalan saya, kenapa perkara yang diharapkan dalam program SPIES ini tidak diamalkan di kebanyakan jabatan-jabatan dan anak-anak syarikat kerajaan negeri. Termasuklah Yayasan Selangor ini.

Tuan Speaker saya percaya panduan dan tadbir urus dalam perkhidmatan ini khususnya dalam Yayasan Selangor YAB Tan Sri Dato' Menteri Besar yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Amanah Yayasan Selangor. Kita nak tau apakah peranan dan tindakan Tan Sri bagi membolehkan atau mengelakkan atau mencegah masalah ini dari terus berleluasa. Kerana kalau SPIES telah wujud dengan baik, untuk perkara yang baik dirangka dengan baik saya rasa pelik kerana dalam satu mesyuarat Lembaga Pengarah Amanah Yayasan Selangor pada bulan Jun 2010 EXCO Pendidikan juga dalam mesyuarat itu telah diperlekehkan berkenaan dengan isu penghantaran pelajar menyambung pengajian keluar negara yang dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Minta laluan. Terima kasih Tuan Speaker kerana ucapkan tahniah kepada Jeram kerana Jeram telah memberi pengiktirafan kepada Kursus SPIES. Saya nak minta pandangan YB Jeram sama ada modul SPIES yang dikatakan baik dan dipuji ini boleh digantikan dengan BTN yang banyak masalah. Suruh balik China la. Macam-macam. Setuju tak Jeram?

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Setuju dalam diam. Namun ada signifikannya Sekinchan. Saya akan menyentuh tentang ini juga tentang PLKN ini.

Tuan Speaker, saya sebut tadi yang baik kita kena sokong dan kita kena puji. Tapi apa gunanya dasar yang baik kalau pelaksanaannya tidak diamalkan oleh anak syarikat atau yayasan negeri. Saya juga nak bertanya tentang pembaziran yang juga ketara iaitu tentang pembinaan kolam PLKN yang saya difahamkan menelan belanja sebanyak RM3.5juta. sedangkan ia hanya untuk program PLKN yang banyak di perkecilkan oleh pihak pembangkang akhir-akhir ini.

TUAN SPEAKER : Apa itu PLKN?

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Pusat Latihan Khidmat Negara. Jadi saya nak tau bila dalam satu sudut kita memperkatakan tentang perkara yang sama seolah-olah kita mengiakan satu kolam dengan harga RM3.5juta. Hanya untuk kolam yang mungkin bertaraf dunia. Saya pun tak pasti. Jadi Tuan Speaker dan rakan-rakan semua ADUN Barisan Nasional dan semua rakyat Selangor prihatin dengan nasib rintihan pendidikan anak-anak Selangor melalui Yayasan Selangor mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri untuk perkara yang saya bangkitkan sebentar tadi. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum wbt.* Dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Ketua-Ketua Jabatan yang saya hormati sekalian. Saya ingin menyertai perbahasan belanjawan 2011 Selangor Darul Ehsan yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada hari Isnin yang lalu. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Deepavali *nal valtekal* kepada semua rakyat negeri Selangor yang meraikan hari

Deepavali dan juga salam Aidiladha kepada umat Islam. Yang Berhormat Tuan Speaker, hari Deepavali atau *Diwali* merupakan satu perayaan cahaya menandakan kemenangan menegakkan keadilan dan menentang kezaliman. Manakala Aidiladha menuntut kita untuk patuh kepada tuhan, tuntutan Allah SWT dan bersedia berkorban tanpa keraguan seperti yang ditunjukkan oleh nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail. Atas semangat inilah kita berhimpun di dewan yang mulia ini iaitu untuk patuh kepada Tuhan, berkorban dan berjuang untuk menegakkan keadilan. Dan menentang kezaliman UMNO dan Barisan Nasional. Inilah tanggungjawab yang digalas oleh Menteri Besar pada hari ini. Kedudukan dan amanah ini adalah *taklifun wala tashrifun* iaitu tanggungjawab dan bukan keistimewaan. Menjadi Menteri Besar adalah untuk menjalankan tanggungjawab kepada rakyat bukan membina mahligai 24 juta ringgit. Keupayaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengurus ekonomi Negeri Selangor dengan telus dan bertanggungjawab telah dicemburui oleh Sungai Panjang. Semakin lama saya mendengar perbincangan Sungai Panjang semakin celaru perwatakannya. Sungai Panjang memuji bajet Najib yang dibentangkan pada pertengahan bulan Oktober 2010 dengan menyatakan sebagai bajet peduli rakyat. Persoalannya rakyat mana yang dipedulikan oleh Kerajaan Pusat.?

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Ekonomi tidak boleh dipacu dengan hanya menghapuskan cukai seluar dalam berjenama. Ekonomi tidak boleh dipacu dengan menghapuskan cukai pewarna rambut. Ianya tidak memberikan manfaat kepada rakyat yang terbanyak. Dalam dewan yang mulia ini pun saya tidak pasti ada di antara kita yang memakai seluar dalam berjenama. Siapa? Boleh buka? Saya tak tau Sekinchan berjenama atau tidak. Jadi siapa yang pakai seluar dalam berjenama, baju tidur berjenama, pewarna rambut yang diberikan penghapusan cukai. Siapa? Rosmah? Saya tak tahu, saya yang itu saya tak tahu. Yang tak tahu saya tak tahu, saya tak mahu membuat fitnah. Tetapi pokoknya prinsip bajet yang dibentangkan oleh Najib itu tidak langsung memberikan manfaat kepada rakyat terbanyak. Membina sebuah bangunan 100 tingkat dengan kos 5 bilion ringgit. Apakah itu memberikan manfaat kepada rakyat yang terbanyak. Dalam keadaan ekonomi yang baru sedang pulih kerajaan pusat langsung tidak memberikan keutamaan untuk menggunakan sedikit peruntukan yang ada itu untuk memberikan manfaat kepada rakyat yang terbanyak. Sedangkan kita tahu ruang pejabat yang masih kosong di Kuala Lumpur menjelang 2012 akan mencecah 15 juta kaki persegi, dengan pembinaan Menara Warisan ini pastinya akan menyebabkan *the office space* di Kuala Lumpur dan Lembah Klang dan ianya akan memberikan kesan kepada industri yang sedang diperkembangkan pada hari ini. Namun saya bersyukur dan berbangga dengan kekuatan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam membentangkan bajet 2011 telah memberikan keutamaan untuk mengangkat martabat rakyat di Negeri Selangor. Ekonomi akan hanya berkembang sekiranya pimpinan mempunyai upaya ataupun *political wheel* untuk perangi rasuah, memulihkan keyakinan awam terhadap badan kehakiman dan urus tadbir kerajaan yang telus dan baik. Meningkatkan daya saing bagi menarik pelabur asing dan juga pelaburan dalam Negara. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor juga telah memberikan perhatian khusus kepada prinsip-prinsip urus tadbir kerajaan yang baik. Konsep *value for money*, pendemokrasian rakyat Selangor termasuk meluluskan akta kebebasan maklumat, program kepedulian rakyat termasuk skim *credit micro* yang terkandung dalam fasa ke- 3 Merakyatkan Ekonomi Selangor. Sungai Panjang cuba mengelirukan dewan dengan menyatakan bahawa Negeri Selangor mengalami defisit sebanyak 10%. Saya ingin merujuk kepada lampiran 5 Penyata Akaun Hasil disatukan yang terkandung dalam halaman 97 Laporan Ketua Audit Negara. Belanjawan 2009 adalah 1.4 bilion ringgit manakala perbelanjaan sebenar mencatatkan 1.9 bilion ringgit. Dalam laporan ini defisit bagi tahun 2009 yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara ialah 65.9 juta ringgit. Jumlah ini tidak mewakili 10% defisit seperti yang didakwa oleh Sungai Panjang. Sungai

Panjang juga mendakwa bahawa Kerajaan Negeri terlalu kerap membawa bajet tambahan dalam dewan seolah-olah Sungai Panjang tidak mengamalkan pendekatan yang sama. Saya sendiri pernah menegur Kerajaan Negeri supaya unjuran yang dibuat untuk bajet perlulah menepati prinsip dan amalan urus tadbir kewangan yang telus dan bertanggungjawab. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri perlu berbelanja secara berhemah, mengikut bajet yang diluluskan dan perlu menyediakan kertas EXCO mengikut jadual yang ditetapkan dan bukannya secara tergesa-gesa. Walau bagaimanapun nasihat saya ini tidak boleh menutup dosa-dosa yang turut dilakukan oleh Sungai Panjang. Pada tahun 2007, Sungai Panjang meluluskan peruntukan tambahan berjumlah 202 juta ringgit dengan pecahan belanja mengurus berjumlah 127 juta ringgit berbanding dengan belanja pembangunan hanya 74 juta ringgit. Wahai Sungai Panjang, cermin muka kamu dahulu sebelum menyerang Dato' Menteri Besar. Merujuk kepada fakta yang tidak boleh dipadamkan, pada tahun 2008, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memohon peruntukan tambahan berjumlah 178 juta ringgit tetapi dengan pecahan belanja mengurus hanya 27 juta ringgit berbanding dengan belanja pembangunan untuk rakyat Negeri Selangor melonjak kepada 158 juta ringgit. Sungai Panjang sekali lagi mengelirukan dewan dengan menyatakan Kerajaan Negeri tidak berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang menyalurkan bantuan kewangan kepada Sekolah Rendah Agama di Negeri Selangor. Memang benar Kerajaan Pusat menyalurkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Rendah Agama di Negeri Selangor. Apa yang tidak dijelaskan oleh Sungai Panjang ialah Kerajaan Pusat menyekat bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara atas alasan Sekolah Agama Rakyat atau SAR ini adalah sarang ekstremis yang mendidik anak-anak membenci UMNO. Tak payah kita didik anak benci UMNO, memang rakyat keseluruhan meluat dengan UMNO dan Barisan Nasional. Tanggapan..tanggapan jahat dan sempit Dr. Mahathir yang disokong oleh UMNO pada ketika itu menyebabkan kemajuan anak-anak Islam di sekolah agama rakyat disekat dan dizalimi.

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker minta sikit penjelasan.

YB PUAN SPEAKER : Silakan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa saya sebagai Ahli Yang Berhormat bukan Islam ini, saya sedikit *confuse* tentang ucapan perbahasan daripada Yang Berhormat yang mengatakan Barisan Nasional yang kononnya mempertahankan Islam tetapi tidak memberi sokongan dan peruntukan kepada sekolah Agama Rakyat. Apakah hukum yang ada di dalam Islam ini?

YB TUAN MOHAMED AZMIN ALI : Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya tidak ada autoriti dalam keluarkan fatwa. Saya akan rujuk kepada Datuk Mufti selepas ini tetapi untuk hari inilah sebelum kita keluarkan fatwa, hukumannya senang sahaja. Dalam pilihan raya yang akan datang kita rudumkan UMNO dan Barisan Nasional. Maka atas kesedaran inilah bahawa pendidikan agama dan kerohanian adalah asas kepada kemajuan sesebuah tamadun maka Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan sokongan teman-teman seperjuangan dari PAS dan DAP telah meluluskan peruntukan tahunan berjumlah 6 juta ringgit untuk Sekolah Agama Rakyat di seluruh Negeri Selangor. Ia memerlukan DAP untuk menyokong bantuan bagi Sekolah Agama Rakyat yang ditolak oleh UMNO dan Barisan Nasional. Saudara... maaf, Ahli-ahli Yang Berhormat.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Speaker, mohon laluan.

YB PUAN SPEAKER : Kuang minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN ALI: Faham tak apa yang saya cerita ini?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Antarabangsa tentang agama ini tang mana yang Kerajaan Pusat halang? Setahu saya guru KAFA yang mengajar sekolah agama di Negeri Selangor ini dibayar RM 1000 oleh Kerajaan Pusat. Berapa yang Kerajaan Negeri bayar kepada guru KAFA ini?

YB TUAN MOHAMED AZMIN ALI: Yang Berhormat Kuang mungkin dia tidak faham sejarah yang memulakan pengiktirafan kepada guru-guru KAFA ini adalah Kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar, jadi tapi tak apalah kalau Kerajaan Pusat ikut Kerajaan Pakatan Rakyat, Alhamdulillah. Itu kita terima. Kemudian dakwaan bahawa Kerajaan Pusat lebih bermurah hati dengan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat melalui peruntukan MARRIS juga adalah tidak berasas dan cuba mengelirukan rakyat. Pertambahan peruntukan PARIS..MARRIS dalam tahun-tahun kebelakangan ini adalah ekoran skop kerja dan kategori jalan yang bertambah dengan memasukkan juga jalan-jalan pertanian dan jalan-jalan kampung. Pada hari ini saya nak merakamkan penghargaan dan tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah berusaha untuk membentangkan belanjawan berimbang 2011 untuk 3 tahun berturut-turut yang tidak dapat dicontohi dan diteladani oleh Najib dan Kerajaan Pusat. Pada tahun ini tema bajet hasil negeri untuk rakyat bukan untuk isteri dan menantu. Keupayaan Kerajaan Negeri menguruskan ekonomi dengan baik dan bertanggungjawab memungkinkan kita untuk meneruskan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dalam fasa ke-3 dalam penumpuan diberikan kepada 3 perkara :-

- 1) Skim *Credit Micro*
- 2) Skim Kesihatan Wanita, dan;
- 3) Takaful Orang Kelainan Upaya

Bagi fasa ke-3 MES, peruntukkan 57 juta ringgit untuk skim kredit *micro* ataupun skim sel yang bakal memberi fokus kepada kumpulan sasar di luar bandar. Skim kredit *micro* miskin bandar atau member bakal dibentuk peruntukan 20 juta ringgit. Peruntukan satu juta ringgit untuk membantu kaum wanita menjalani pemeriksaan kanser payu dara secara percuma manakala Skim Takaful bakal dimasukkan bersama Skim Mesra Usia Emas bagi meluaskan capaian skim ini. Saya juga tertarik dengan cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang merangka 4 strategi dalam usaha untuk merealisasikan pengagihan kekayaan negeri secara adil kepada rakyat Negeri Selangor. Strategi memantau pengurusan perbelanjaan yang cekap adalah prinsip bertanggung jawaban ataupun akauntabiliti ataupun asas kepada Kerajaan Negeri. Saranan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri besar untuk membenarkan syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor membuat pelaburan di luar negara adalah langkah yang *forward looking* sebagai satu pendekatan yang boleh meningkatkan hasil Negeri Selangor. Namun perlu juga dipantau Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya tidak berulang amalan khianat dan salah guna kuasa seperti yang dilakukan oleh Sungai Panjang dan pentadbiran yang lama. Sebagai contoh, pembelian hartanah Al Marwa Tawa Makah, Saudi Arabia oleh Perbadanan Selangor Berhad, PNSB di bawah pengurusan yang lama dengan jumlah transaksi melebihi 25 juta ringgit bagi pembelian 12 unit pangsapuri hartanah. Hanya pada hari ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menyelesaikan perkara ini dan mengembalikan ke semua hartanah tersebut kembali kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya menyambut baik langkah kerajaan negeri menggalakkan sektor industri kecil dan sederhana. Dengan mewujudkan pusat pengumpulan produk dan pengenalan produk melalui projek satu kampung satu produk. Latihan

keusahawanan untuk meningkatkan kemampuan masyarakat dalam hal ehwal pemasaran pengurusan akaun pembungkusan memproses juga merupakan langkah pro aktif kerajaan negeri. Namun saya ingin menganjurkan supaya IKS ini bukan ditumpukan takrifannya kepada industri kampung sahaja tetapi IKS yang berasaskan kepada teknologi maklumat, sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan *call center out sourcing* industri komponen untuk sektor pembuatan. Skim payung yang diperkenalkan oleh YB Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika Menteri Kewangan adalah satu konsep yang dapat dicontohi oleh kerajaan negeri untuk membantu usaha IKS berkembang maju. Ini akan melibatkan syarikat besar seperti GLC dengan kedudukan kewangan dan kepakaran yang tinggi membantu menyelaraskan operasi dan pemasaran serta latihan, kemahiran dan pengurusan kepada IKS. Taiwan dan Korea Selatan mampu menghadapi krisis kewangan Asia pada tahun 1997, 1998 kerana industri sokongan IKS yang kukuh. Tindakan proaktif Taiwan yang memperkenalkan *statued for small and medium enterprise development* yang meliputi soal pembangunan ekonomi, sumber manusia, kestabilan sosial dan pembangunan perkhidmatan awam merupakan asas utama untuk pembangunan IKS yang mampan.

Perkembangan IKS berkait rapat dengan polisi ekonomi, sosial dan pendidikan. Sehubungan dengan itu, kerajaan Negeri Selangor harus berusaha untuk meningkatkan iklim pelaburan ke dalam negeri dan meningkatkan teknologi IKS sebagai sebuah negeri maju, Negeri Selangor akan kehilangan *competitive age* dalam industri yang *labour intensif*. Justeru itu, kerajaan negeri harus bersiap siaga dengan perubahan paradigma IKS dan mula mengambil pendekatan untuk pemodenan dan peningkatan IKS. Insentif berbentuk pelepasan cukai, penggalakan R&D, latihan sumber manusia, *automation of production* dan pemuliharaan alam sekitar merupakan tunjang utama untuk pembangunan masa hadapan IKS di Negeri Selangor.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, dalam sesi yang lalu saya telah bangkitkan rungutan rakyat mengenai prestasi perkhidmatan yang tidak memuaskan oleh Alam Flora. Perbahasan saya telah disambut oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang mengesahkan bahawa maklum balas diterima dari rakyat melalui sesi rundingan awam untuk menggubal agenda rakyat Selangor mendapati rungutan rakyat adalah terhadap mutu perkhidmatan buruk oleh Alam Flora dalam kutipan sampah. Apa yang dinanti oleh rakyat Selangor hari ini adalah penyelesaian untuk masalah ini yang sudah berlarutan terlalu lama. Sudah sampai masanya saya ingin tegaskan sekali lagi kontrak Alam Flora dengan PBT dihentikan dan tidak dilanjutkan lagi. Saya mencadangkan kerajaan negeri supaya Worldwide Holdings Berhad mengambil alih segera Alam Flora dan memberikan perkhidmatan yang memuaskan berdasarkan konsep *value for money*. Saya dimaklumkan bahawa Worldwide Holdings Berhad telah pun mengkaji beberapa teknologi baru pelupusan sampah yang selamat dan berjaya dilaksanakan di beberapa buah negara yang maju. Kerajaan negeri perlu segera memberikan komitmen kepada Worldwide Holdings Berhad untuk memulakan operasi bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Selangor. Kerajaan negeri telah melancarkan skim *Credit Micro* yang dikenali sebagai *skim sell* dengan peruntukan RM50 juta bagi yang memberi fokus kepada kumpulan sasar di luar bandar. Saya difahamkan bahawa pelaksanaan skim ini telah dimulakan di Sabak Bernam. Saya ingin mendapatkan penjelasan bilakah skim ini dapat dilaksanakan di daerah-daerah yang lain setelah hampir sembilan bulan skim ini dilaksanakan, hanya tumpuan diberikan di Sabak Bernam. Saya berharap pelaksanaan skim ini dapat disegerakan untuk membantu kumpulan sasar di daerah-daerah lain memajukan perniagaan kecil masing-masing. Saya juga difahamkan peruntukan lebih setengah juta ringgit telah pun disalurkan oleh Menteri Besar Perbadanan untuk maksud ini. Saya juga menyambut baik usaha Y.A.B. Dato' Menteri Besar memberikan peruntukan tambahan RM20 juta untuk menangani isu kemiskinan dalam bandar melalui program mimbar Selangor. Namun saya terkejut apabila difahamkan skim ini akan hanya dilancarkan pada awal tahun 2011. Saya amat berharap supaya amalan birokrasi

dapat diminimumkan dan penyaluran skim ini kepada kumpulan sasar di bandar dapat dilakukan segera tanpa perlu ada acara-acara perasmian dan pelancaran yang lebih berbentuk *ceremonial* dan pembaziran.

Dewan ini telah berulang kali dimaklumkan bahawa kerajaan negeri telah mengenal pasti aset dan hartanah syarikat Kumpulan Talam bernilai RM392 juta sebagai penyelesaian hutang syarikat berkenaan kepada kerajaan negeri. Daripada hutang inilah sejumlah RM70 juta diperuntukan untuk skim sell dan mimbar Selangor. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri daripada jumlah keluasan tanah yang telah dikenal pasti yang dilaporkan bernilai RM392 juta berapa peratuskah daripada aset ini akan dijual sendiri oleh syarikat Kumpulan Talam dan berapa peratus oleh kerajaan negeri. Saya tidak bersetuju sekiranya syarikat Kumpulan Talam membebankan sepenuhnya kepada kerajaan negeri untuk mengenal pasti pembeli-pembeli hartanah untuk menyelesaikan hutangnya kepada negeri sedangkan syarikat berkenaan hanya berpeluk tubuh. Yang kedua saya juga ingin mengetahui apakah isu nilai tanah yang didakwa oleh syarikat Kumpulan Talam bernilai RM392 juta ini telah selesai dan disahkan oleh pihak yang berwajib. Memandangkan maklumat awal yang saya terima terdapat nilai tanah lebih tinggi daripada pasaran.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, kejayaan kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor melaksanakan dasar-dasar kepedulian rakyat semakin mendapat sambutan daripada rakyat Negeri Selangor. Isu yang mendepani kita pada hari ini yang turut dibahaskan dengan panjang lebar adalah mengenai bekalan air di Negeri Selangor. Kajian Nasional Water Resource Study (NWRS) berdasarkan kaedah Economic Growth Projection mendapati bahawa pengguna di Lembah Klang menggunakan lima ratus liter kapita sehari. Angka ini jauh lebih tinggi daripada bandar maju seperti London hanya seratus liter, Sydney dua ratus empat belas liter dan Singapura tiga ratus dua puluh lapan liter. Ketepatan angka ini perlu dikaji semula untuk mengelakkan tanggapan bahawa Negeri Selangor akan menghadapi krisis air. Inilah isu yang dicanangkan oleh kerajaan pusat semata-mata untuk menjustifikasikan cadangan mereka untuk menganugerahkan kontrak-kontrak yang besar ini kepada kroni-kroni mereka. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri memulakan usaha untuk meningkatkan kapasiti air di Negeri Selangor bagi menampung permintaan per kapita dan juga permintaan industri. Antara langkah yang perlu diberi perhatian ialah membangunkan sumber air baru termasuk teknologi baru untuk mendapatkan air di bawah tanah dan juga air sungai. Untuk maksud ini kerajaan negeri perlu menjalankan kajian secara komprehensif mengenai kapasiti air dan angka permintaan sebenar di Negeri Selangor dan tidak berdasarkan kajian yang dilakukan oleh NWRS. Program penjimatan air melalui kempen konservasi air atau pun penyimpanan air termasuk mempromosi kegiatan tadahan air hujan merupakan langkah yang baik. Pengurangan pembaziran air juga dapat dilaksanakan dengan mempromosikan kitar semula air mengumpul dan memproses air hujan. Langkah pemasangan CCTV atau *Close Circuit Television* dan lampu-lampu jalan di kawasan kediaman yang memadai serta *Safety Marries* menyebabkan kadar indeks jenayah telah menurun sebanyak 43.4 peratus di kawasan sekitar Majlis Bandar raya Shah Alam. PBT harus bekerjasama dengan pihak polis untuk menubuhkan *bit base police*, polis bergerak dan pasukan penguat kuasa kerajaan tempatan untuk memantau kawasan-kawasan *hot sport* dengan kadar jenayah yang tinggi seperti di bandar-bandar besar seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya dan sebagainya.

Inisiatif MBPJ membentuk khidmat polis tambahan harus dipanjangkan kepada PBT-PBT yang lainnya untuk mewujudkan pembaharuan menangani kes jenayah. Saya menyambut baik usaha kerajaan negeri untuk memperuntukkan sejumlah RM6 juta kepada kerajaan tempatan bagi tujuan pemasangan CCTV dan meningkatkan pencerahan di kawasan yang dikenal pasti. Saya ingin bertanya mengenai status pemasangan CCTV di lokasi bersesuaian di setiap PBT

daripada peruntukan RM3 juta ringgit yang diluluskan menerusi Bajet 2011. Saya juga ingin mengetahui sama ada CCTV tersebut sudah beroperasi dan adakah ianya membantu menurunkan kadar jenayah di lokasi-lokasi yang terbabit. Saya difahamkan kerajaan negeri telah menganugerahkan kontrak melalui tender terbuka untuk projek pemasangan CCTV bersepadu di seluruh Negeri Selangor. Kontrak ini telah dianugerahkan hampir setahun yang lalu tetapi masih belum dilaksanakan ekoran kegagalan pihak yang berwajib untuk menyediakan kontrak *agreement* bagi kepentingan kerajaan negeri dan pihak yang dianugerahkan kontrak yang berkenaan. Saya ingin mendapatkan maklum balas daripada kerajaan negeri berhubung status kontrak ini memandangkan keselamatan rakyat tidak boleh di kompromi dan usaha meningkatkan keselamatan rakyat tidak boleh dilengah-lengahkan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat melihat perkembangan terbaru pasaran hartanah di Selangor dan Lembah Klang yang melonjak naik. Dalam satu tulisan dan kajian seminggu yang lalu, menunjukkan harga-harga rumah kediaman semakin mahal sehingga rakyat tidak mampu memiliki rumah sendiri untuk keluarga masing-masing. *Landed property* menjadi terlalu mahal ekoran kekurangan tanah untuk dibangunkan khususnya di Lembah Klang dan Kuala Lumpur . Maka industri pembangunan hartanah berpindah ke negeri Selangor untuk meninjau peluang-peluang pelaburan bagi industri hartanah. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri mengambil sikap yang proaktif untuk memberikan kelulusan segera untuk sruata *development* bagi menangani masalah pasaran hartanah yang tidak mampu dikuasai oleh rakyat biasa. Usaha ini akan dapat menurunkan harga rumah-rumah kediaman, yang semakin melonjak tinggi dan tindakan ini juga akan menyediakan rumah-rumah mampu milik untuk rakyat negeri Selangor. Pasti nya usaha ini dapat menjana aktiviti ekonomi dalam negeri Selangor dan meningkatkan hasil bagi PBT memandangkan cukai pintu untuk pangsapuri dan kondominium secara umumnya lebih tinggi daripada *landed property*. Manakala PBT juga dapat menjimatkan kos operasi penyelenggaraan kerana ianya akan ditanggung oleh JMB. YB Timbalan Speaker, projek pemuliharaan dan pembangunan sungai Klang merupakan projek utama dalam pakej rangsangan ekonomi negeri Selangor , projek jajaran sungai sepanjang 120 kilometer, yang mana 80 kilometer berada dalam negeri Selangor akan memacu pertumbuhan, pusat perdagangan, komersial , ekonomi, serta pembangunan sosial. Empat syarikat telah dianugerahkan kerja-kerja untuk pembersihan dan pemuliharaan Sg.Klang iaitu TSS Mikro Engineering Sdn Bhd, GJA Engineering & Contraction, Vesak Water Air Berhad Konsortium dan DPZ Asia Sdn Bhd melalui inisiatif PPF seperti yang tercatat dalam surat penganugerahan kontrak. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri berhubung status pelaksanaan projek ini yang telah pun dirasmikan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor untuk membuka *new group area* , dalam sektor tanah dan pelancongan bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri Selangor. Apakah benar, kerajaan negeri telah membuat keputusan untuk mengubah kaedah pembiayaan projek ini daripada PPF ataupun *Public Private Funding* kepada PFI *Private Find..Funding Inisiative* sehingga menyebabkan syarikat-syarikat yang terlibat menghadapi masalah kewangan untuk membiayai projek ini. YB Timbalan Speaker, kejayaan kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor , melaksanakan dasar-dasar kepedulian rakyat sejak Mac 2008 adalah kerana dokongan yang cukup kuat daripada penjawat-penjawat awam di negeri Selangor. Penjawat-penjawat awam di negeri Selangor telah bekerja dengan kuat dan komited untuk menyokong YAB Dato Menteri Besar dan kerajaan negeri bagi melaksanakan agenda reformasi dalam pentadbiran kerajaan negeri demi kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Selaku pengerusi kelab penyokong-penyokong kerajaan, saya amat hargai sokongan besar penjawat-penjawat awam di negeri Selangor dalam melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan di dewan yang mulia ini. Maka kerajaan negeri perlu terus memberikan galakan dan dorongan kepada penjawat-penjawat awam untuk bersama-sama membangunkan negeri Selangor . Untuk maksud ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya

memberikan insentif kepada penjawat-penjawat awam khususnya pegawai-pegawai daerah di negeri Selangor . Saya difahamkan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui waran perjawatan memberikan gred PTD M54 kepada semua pegawai-pegawai daerah, berbanding dengan gred lama dengan dua aras iaitu M1 Gred M54, bagi daerah-daerah besar dan M2 ataupun Gred M48 untuk daerah-daerah yang lebih kecil. Penyelarasan skim gaji ini disambut baik namun bagi daerah-daerah metropolitan, yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan melebihi 1juta orang, pastinya beban tugas dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh pegawai-pegawai daerah adalah terlalu besar dan mencabar. Di atas beban tugas yang mencabar untuk mentadbir daerah metropolitan seperti Gombak, Petaling dan Hulu Langat saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri memberikan insentif kewangan tambahan berdasarkan perbezaan skim gaji di antara gred M54 dan JUSA C. Sementara , kita bersidang dalam keadaan yang aman dan damai pada pagi ini, bagi pihak kelab penyokong-penyokong kerajaan saya ingin mengambil kesempatan untuk menzahirkan rasa sedih dan simpati kita kepada ratusan ribu rakyat di Perlis, Kedah, Kelantan yang dilanda musibah banjir semenjak beberapa minggu yang lalu. Saya mengucapkan tahniah kepada YAB Dato Menteri Besar dan kerajaan negeri yang telah meluluskan sumbangan berjumlah lebih 100ribu ringgit kepada kerajaan negeri Kedah sebagai bantuan untuk mangsa banjir bagi meringankan bebanan mereka. Kita juga bersimpati dengan malapetaka yang menimpa keluarga kita dan rakyat di Indonesia ekoran letupan gunung berapi, gunung Merapi di Jawa Tengah yang mengakibatkan ratusan ribu rakyat terpaksa dipindahkan dan kehilangan nyawa. Saya menyeru agar beberapa syarikat-syarikat, anak kerajaan negeri dapat turut membantu meringankan bebanan mangsa-mangsa dalam musibah yang mereka hadapi pada hari ini. Akhirnya saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada YAB Dato' Menteri Besar yang telah menggubal satu belanjawan memberikan manfaat dan kebaikan terus kepada rakyat berbanding dengan kerajaan pusat yang dikuasai oleh UMNO. Hari ini propaganda undi Barisan Nasional untuk pembangunan sudah menjadi mitos. Rakyat tidak lagi percaya dengan propaganda murahan yang dianjurkan oleh UMNO. Lihat saja apa yang berlaku di Batu Sapi, jambatan pun runtuh sehingga menyebabkan calon kita terjun ke dalam laut 2 kali. Untuk makluman dewan yang mulia ini, jambatan di kampung Gas Bt. Sapi yang runtuh telah dibaiki oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Negeri Selangor. Ini menunjukkan rakyat hari ini memerlukan kepimpinan Pakatan Rakyat untuk memberikan pembangunan kepada mereka. Mudah-mudahan , sesi kali ini dapat mengukuhkan lagi istiqamah kita di dalam perjuangan untuk membela rakyat negeri Selangor. Terima kasih YB Timbalan Tuan Speaker.

YB TUAN LEE KIM SIN : Puan Speaker.

TIMBALAN PUAN SPEAKER : Ok. Silakan Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Kajang.. Terima kasih kepada Puan Speaker, Timbalan Puan Speaker. Kajang ingin kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet 2011. Timbalan Puan Speaker...Kajang mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dan juga ucap terima kasih kepada YAB Menteri Besar yang telah membentangkan bajet yang berimbang bagi kali ke-2 di dewan yang mulia ini dan kali ini bertema hasil negeri untuk rakyat. Bajet yang berimbang ini bermaksud, membawa maksud perbelanjaan secara berhemah dan kita tidak membentangkan satu bajet yang deposit kerana kita tidak ingin berbelanja kan berlebihan supaya ia tidak membebankan rakyat di Selangor . Dan jumlah , jumlah hasil yang kita dapat ialah 1430juta yang sebenarnya kita nampak tengok pada nilai ini , sebenarnya negeri Selangor harus dapat lebih lagi kerana kerajaan pusat ataupun di federal tidak menurunkan 3.2billion iaitu yang merupakan 20% daripada cukai pendapatan yang kita bayar kepada kerajaan federal. Bukan sahaja untuk 2011, tetapi pada tahun lepas iaitu tahun ini, kerajaan persekutuan masih tidak menurunkan peruntukan yang

seharusnya dibayar pada negeri Selangor. Kita nampak keadaan sebegini dan kita memang meminta dan menyeru pihak rakan kita di sebelah Barisan Nasional untuk membantu negeri Selangor menuntut balik wang yang bernilai 3.2 billion supaya ia akan membangunkan negeri Selangor dengan lebih maju dan lebih mantap lagi. Dan Kajang juga ingin meminta YB-Y.B daripada Barisan Nasional jangan membenarkan pengkhianatan kerajaan Barisan Nasional Persekutuan berlaku dan jangan kerana dia dapat peruntukan daripada ICU, SDO, ADO...dengan izin *State Development Office*, pejabat pembangunan negeri bawah persekutuan melalui JKKP dan oleh kerana dapat duit-duit ini maka mereka senyap dan terus membiar pengkhianatan ini terus dilakukan. Saya ibaratkan ini sebagai satu kelakuan, misalnya, satu misalan rumah, rumah kita sudah ambil alih, ya.. rumah Pakatan Rakyat sudah ambil alih, tuan sudah bertukar, dan tuan yang lama yang sudah ditolak oleh rakyat dia tidak puas hati, dia buka, dia sambung, paip air, ya, paip air yang merupakan bekalan oleh..peruntukan untuk pembangunan negeri disambung satu paip secara haram di luar boleh disalurkan untuk sendiri. Dan ini pula wang peruntukan yang disalurkan melalui ICU, SDO, ke JKKP yang tidak diiktirafkan oleh negeri. Kesemua ini masih kita nampak tidak ada integriti dan tidak ada sapa-sapa satu badan yang menyemak atas perbelanjaan ini. Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin juga ambil kesempatan hari ini untuk merenung kembali pendekatan bagaimana perbelanjaan atau pun strategi pembangunan di Selangor kita ini dibuat. Selangor merupakan satu negeri yang mempunyai status yang paling strategik, kalau di banding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Dan ia mempunyai potensi menjadi satu negeri yang maju dan menjadi satu model atau perintis bagi negeri-negeri lain di Malaysia. Negeri Selangor mempunyai infrastruktur yang memang paling canggih dan juga mempunyai pusat perniagaan, baik perbuatan ataupun perkhidmatan yang paling pesat pertumbuhannya dari segi ekonomi. Seperti yang dinyatakan oleh YAB sewaktu membentangkan bajet iaitu setiap ringgit yang dilaburkan, ia memberi kesan gandaan nilai iaitu *multiplier*, *multiplier effect* iaitu 5 kali ganda. Maka, negeri Selangor haruslah kita bagi tumpuan dalam khasnya dalam perniagaan, pembuatan dan juga perkhidmatan. Dan negeri kita juga merupakan satu pusat pentadbiran tumpuan, kepakaran, profesional-profesional dan juga satu kawasan yang berkepadatan penduduk yang amat tinggi. Jadi kesemua ini merupakan satu keistimewaan, yang ada pada negeri Selangor dan kita mestilah mengeksploitasikan sepenuhnya demi mempertingkatkan lagi kualiti hidup rakyat di Selangor.

Justeru itu, kita harus dan strategik kan pembangunan kita dan mengoptimumkan sumber-sumber dan menggandakan nilai nya iaitu seperti yang disebut *multiple... multiplier effect* iaitu *multiple added value*. dengan izin. Puan Timbalan Speaker, kita, seperti yang kita maklum, visi negeri Selangor kita bawah Pakatan Rakyat kita hendak mencapai satu negeri idaman, maju dan berkeadilan. Dan dengan ini kita kalau kita melihat kembali kepada perancangan dalam menstrategik kan bajet kita, kita harus memberi tumpuan, memberi tumpuan kepada beberapa sektor yang merupakan, *key trust area* (dengan izin), ataupun kekunci tumpuan di mana ia merupakan satu *co- confident*. Iaitu di Selangor kita nampak sektor perkhidmatan merupakan 60.5% daripada KDNK dan sektor pembuatan merupakan 32.4% KDNK. Dan jumlahnya merupakan 92.9% daripada KDNK pada negeri Selangor. Jadi kedua-dua sektor ini merupakan teras kita untuk kita bangunkan. Dan juga ia merupakan keistimewaan yang ada pada negeri Selangor. Kalau kita lihat, kita lihat dari segi, aa...pembangunan di negeri Selangor, kita boleh zon kan kepada 3 zon iaitu zon yang amat pesat membangun, iaitu merupakan pusat atau pun terasnya. Zon yang luar daripada pusat yang teras ini ialah yang *sub-urban* (dengan izin), kemudian yang luar sekali ialah luar bandar. Di pusat ataupun teras dalam zon ketiga-tiga zon ini, pusat haruslah dijadikan hub khidmat dan komersial. Industri perkhidmatan harus ditumpukan di pusat dan industri kewangan, kesemua ini merupakan *co-confident* (dengan izin) bagi perniagaan atau aktiviti di pusat. Dan pusat kita ini harus kita *banded marking* (dengan izin) menjadi suatu hub nasional ataupun antarabangsa. Di luar daripada pusat juga kita ada

sub urban. Di situ kita harus menzonkan menjadi kawasan kediaman atau *residential* di mana penduduk-penduduk di *sub-urban* ini akan pergi ke pusat untuk bekerja dan juga meng.... pergi ke pejabat-pejabat mereka , dan apabila mereka balik ke *sub-urban* maka mereka ada hidup kekeluargaannya sendiri , ada hiburan , tumpuan hiburan, kegiatan riadah dan juga beli-belah di kawasan *sub-urban*. Sistem pengangkutan juga amat penting di antara *sub-urban* ke pusat untuk memudahkan mereka yang duduk di *sub-urban* di tempat kediaman untuk sampai ke tempat kerjanya di pusat atau teras. Dan di kawasan *sub-urban* ini harus juga merupakan industri, kawasan , industri pembuatan ringan iaitu IKS yang tidak mencemarkan alam sekitar kerana *sub-urban* ini , oleh sebab *sub-urban* ini kawasan ini merupakan kawasan tumpuan untuk kediaman maka kualiti hidup mestilah dijaga. Jadi infrastruktur-infrastruktur seperti jalan dan juga perancangan dari segi bandar dan desa, kawasan-kawasan lapang, kawasan-kawasan riadah , mestilah mencukupi untuk kawasan *sub-urban* ini. Dan zon yang ketiga ialah zon luar bandar di mana luar bandar ini merupakan perkampungan dan juga tumpuan aktiviti ekonomi seperti pertanian, pelancongan dan juga IKS. Industri-industri kecil dan sederhana. Di luar bandar ini, kita merupakan aktiviti, kita dapati ada aktiviti-aktiviti ini dan tumpuan aktiviti ini di luar bandar akan membantu pembangunan di luar bandar. Jadi dengan meneliti 3 zon pembangunan ini, Kajang ingin mengemukakan atau mencadangkan pendekatan yang kita harus , diambil, kita harus ambil dalam menangani pengurusan bajet kita ataupun kewangan kita . Dalam keadaan kita sekarang ini, yang kini kita nampak jabatan-jabatan kita dalam kerajaan termasuk portfolio-portfolio EXCO , kesemuanya berasingan. Tidak ada kita nampak integrasi , atau bekerja secara bersepadu. Dan kita nampak kewujudan sistem yang berasingan atau pun bertindak berasingan ini, ia tidak akan ada pertindihan atau pun perkongsian sumber-sumber yang kita ada pada kerajaan. Maka dicadangkan satu sistem , yang merupakan sistem yang mempunyai mekanisma metrik iaitu bertindih dan berkongsi ada jaringan-jaringan antara jabatan-jabatan yang bersepadu dan interaktif diamalkan. Maka dicadangkan portfolio-portfolio EXCO yang kini ada pertindihan dari segi tugas dan juga yang lebih merupakan kerajaan yang lebih mementingkan kebajikan dan juga untuk pembangunan yang asas ditransformasikan menjadi satu kerajaan EXCO yang mempunyai portfolio-portfolio untuk pembangunan moden dan juga untuk mencapai hidup yang berkualiti di negeri Selangor . Dan orientasi kerajaan kita juga harus menghala ke arah pertumbuhan ekonomi dan juga nilai yang bertambah. Bukan sahaja setakat memberi kebajikan misalnya, kalau kita ambil contoh , kalau kita bagi mikro kredit atau kita bagi bantuan-bantuan untuk sebagai subsidi kita harus, tidak harus bagi subsidi sebagai kebajikan. Ia harus dipandang sebagai satu insentif keusahawanan . Misalnya mikro kredit yang kita bagi untuk aa...pembangunan di desa dan juga di bandar. Kita tidak harus mengambil persepsi bahawa kesemua kemudahan ini diberi sebab itu merupakan kebajikan. Ia harus dipandang sebagai insentif dan juga kemudahan untuk keusahawanan di bandar dan juga di kampung. Selain daripada itu kita akan melihat golongan-golongan yang di luar bandar dan juga yang dipinggirkan. Kumpulan-kumpulan ini merupakan kumpulan kemiskinan di bandar iaitu *urban poor* (dengan izin), *poor* , kemiskinan di desa , orang asal ataupun orang asli, masyarakat komuniti OKU, masyarakat ibu tunggal , warga tua dan juga anak muda yang tercicir daripada pendidikan. Kumpulan-kumpulan ini merupakan kumpulan yang kurang mempunyai daya saing iaitu kerajaan kita harus memberi kemudahan dan juga bantuan dalam konsep '*affirmative action*' (dengan izin). Jadi kemudahan-kemudahan dan bantuan yang kita boleh sampaikan seperti yang sedia ada kita amalkan dan juga dicadangkan iaitu mikro kredit , perumahan berkemampuan (..... *housing*) , bantuan kewangan seperti apa yang kita amalkan iaitu MAS, JKM, jabatan kebajikan masyarakat dan juga skim mesra usia emas. Tapi untuk skim mesra usia emas ini, Kajang mempunyai satu cadangan iaitu untuk mencapai hidup yang berkualiti , orang tua ataupun usia emas sekarang ini kita hanya beri bantuan kepada keluarga bila warga usia emas sudah meninggal. Dicapangkan memang , memang dapat pendapat-pendapat yang banyak cadangan-cadangan yang banyak daripada rakyat bahawa skim ini harus meliputi pemberian

insentif ataupun bantuan pada warga usia emas sewaktu mereka masih hidup . Dan bantuan-bantuan yang lain seperti bantuan pembelajaran seperti SAR, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan juga tuisyen rakyat merupakan bantuan ataupun kemudahan pembelajaran bagi membantu mereka yang memang perlukan atau dipinggirkan selama ini. Latihan kemahiran seperti institusi INSPENS, dan juga kursus-kursus kemahiran termasuk kursus-kursus untuk aa...petani-petani di luar bandar untuk meningkatkan pendapatan mereka iaitu seperti ternakan-ternakan air tawar dan juga kemahiran memproses makanan dan juga kraf-kraf harus diberi kepada mereka supaya mereka dapat mempunyai daya saing yang lebih tinggi. Dan untuk masyarakat orang asal, orang asli, pada takat sekarang kerajaan negeri Selangor mempunyai satu jawatankuasa tindak tanah untuk orang asli. Tetapi ini tidak menyeluruh kerana ia hanya berfungsi untuk memfokuskan , mendapatkan tanah ataupun menuntut hak tanah bagi orang asal. Kajang lebih mencadangkan, kerajaan negeri tubuhkan satu jawatankuasa ataupun satu badan khas menangani bukan sahaja masalah tanah, masalah seperti ekonomi, masalah budaya, kesihatan dan pendidikan yang memang satu masalah yang amat runcing yang dihadapi oleh orang asal di negeri kita ini.

TIMBALAN PUAN SPEAKER : Y.B Kajang..jam sudah menunjukkan pukul 1.00 Kita sambung semula. Ahli-ahli Yang terhormat sekalian, masa sudah menunjukkan 1 tengah hari. Dengan itu saya menanggungkan dewan hingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Disambung semula, Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker, Kajang akan sambung perbahasan Bajet 2011

TUAN SPEAKER : Tolong kawal masa ya tadi dah cakap 20 minit. Tolong kawal masa sikit...

YB TUAN LEE KIM SIN : Ya ... mungkin dalam masa yang agak singkat saja sudah hampir habis. Sebentar tadi Kajang telah menyatakan kumpulan-kumpulan yang terpinggir atau pun kumpulan sasaran di mana *formative action* dengan izin perlu dipertimbangkan untuk kumpulan ini. Dan kumpulan perlu kita beri perhatian ialah kumpulan orang asal di mana jawatankuasa tindak tanah ini wujud tapi diperluaskan skop. Di cadangkan satu badan yang lebih menyeluruh ditubuhkan untuk menjaga kebajikan dan hak orang asal di Negeri Selangor. Kita ambil satu contoh di mana bila kita ada pilihan raya kecil yang berlaku di Hulu Selangor dan juga baru-baru ini di Galas. Kumpulan orang asal telah diperalatkan atau pun telah di kawal ketat oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bawah kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan undi mereka bagi menyokong Barisan Nasional. Jadi kita nampak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam keadaan ini tidak bertindak secara berkecuali. Mereka telah diperalatkan untuk menjaga hak dan juga kebajikan orang asal di Negeri Selangor, Negeri Selangor kerajaan kita harus menubuhkan satu badan berasingan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang betul-betul dapat menjaga masyarakat orang asli ini. Selain daripada aspek meningkatkan produktiviti kita harus juga memberikan tumpuan kepada kualiti hidup masyarakat rakyat di Negeri Selangor. Beberapa aspek akan dibawa iaitu mula dengan keselamatan. Aspek keselamatan ini memang penting dan kita nampak ada banyak komuniti yang mempunyai pagar dan juga ada gate dan kesemua ini merupakan satu psikologi di mana kita terasa tak selamat di Selangor dan juga Kuala Lumpur ini. Dan kita juga dapati sudah ada program bandar selamat ada CCTV, laluan pejalan kaki dan juga untuk OKU dan juga lampu jalan seperti juga yang disebutkan tadi. Kerajaan juga cadang sokong sangat dengan rondaan dari pihak Berkuasa Tempatan iaitu Penguat kuasa di bawah setiap PBT juga menjalankan tugas sebagai pengawal atau pun pengawas di komuniti-komuniti. Walau pun kita telah mencadangkan kepada Ketua Polis Negara untuk mewujudkan *Oxdinary Police* atau pun Polis Bantuan di Selangor tapi cadangan ini telah ditolak. Tapi kita nampak ini agak tidak adil, kerana

di Rawang apabila berlakunya satu kekecohan di mana polis bantuan di bawah TNB memang diberi polis bantuan dan juga ada syarikat-syarikat polis bantuan tapi Negeri Selangor sebagai kerajaan negeri tak dapat kebenaran untuk menubuhkan polis bantuan ini.

Dari sektor aspek keagamaan, peruntukan dan kewangan memang sudah negeri kita setelah diberi kepada masyarakat berbagai agama ini memang satu yang memang diterima baik dan memang daripada masyarakat berbagai agama memuji akan Negeri Selangor atas tindakan ini. Apa yang masih kekurangan satu aspek di mana dialog atau pun satu *ex-change understanding* dengan izin antara agama untuk mempromosikan keharmonian masyarakat memang masih kekurangan. Dan Kajang ingin mencadangkan di bawah EXCO di wujudkan satu jawatankuasa untuk mempromosikan dialog atau pun satu jawatankuasa yang mengendalikan pemahaman antara agama. Dari aspek kebudayaan dan seni memang kita nampak ada dicadangkan di bawah PADAT akan ada kegiatan-kegiatan walau pun belum dilaksanakan, sudah ada banyak kajian-kajian yang dibuat tapi kita nampak memang masih kekurangan aktiviti yang telah dijalankan di kalangan masyarakat. Teater yang diwujudkan di Shah Alam iaitu teater Diraja masih dalam keadaan yang tenat dan kita harus meneliti dan mempercepatkan prosesnya supaya ia dapat digunakan oleh karyawan-karyawan dan seniman-seniman di dalam Negeri Selangor. Kajang ingin mencadangkan kerajaan negeri harus juga menimbangkan mewujudkan teater yang kecil-kecilan bukan sebesar seperti yang di Shah Alam yang kecil-kecilan atau pun dewan ada peralatan yang asas untuk pementasan dan juga sebagai satu teater kecil di setiap kawasan PBT.

Kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan Negeri Selangor kerana ingin mewujudkan pusat budaya untuk Melayu, Cina dan India di bandar Klang yang menelan belanja seperti yang ternyata di dalam penyata Bajet iaitu RM20 juta tapi kemasyarakatan orang asli memang kita tidak pertimbangkan. Bagaimana dengan masyarakat yang terpinggir ini dan memang budaya mereka, warisan mereka memang tidak terjaga. Jadi Kajang mencadangkan pusat-pusat budaya dan juga warisan orang asli atau orang asal memang boleh diwujudkan secara *in citty two* di mana ada perkampungan orang asli di situ lah wujudnya satu pusat warisan orang asal seperti di Pulau Carey, di Dengkil, di Gombak dan juga Hulu Langat. Dari aspek sukan dan riadah merupakan satu aspek yang perlu meningkatkan kualiti hidup. Memang diwujudkan banyak tempat-tempat untuk sukan tapi kesemua ini tapak-tapak sebegini lebih mementingkan tapak yang cukup besar, kita harus ada konsep di sentralisasi di mana padang-padang mainan di taman-taman kediaman kemudahan ini dipertingkatkan khasnya alat-alat atau pun kemudahan untuk warga emas. Baru-baru ini Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah turun ke Kajang untuk menyaksi satu perhimpunan yang beribu-ribu warga emas yang mengadakan persembahan senaman tai-chi dan keadaan ini memang amat mempesonakan. Dan kita nampak warga emas memang sentiasa tertinggal apabila terlibat sukan dan riadah. Jadi Kajang mencadangkan di setiap PBT harus wujud satu pusat komuniti atau pun pusat aktiviti yang disediakan untuk kegiatan warga emas.

Dari segi aspek keilmuan pula, Kajang mencadangkan konsep sentralisasi sama juga untuk perpustakaan. Perpustakaan walau pun sudah wujud di setiap daerah tapi memang perlu sangat rakyat di bawah di desa kampung-kampung baru yang memerlukan kemudahan sebegini. Jadi di cadangkan setiap desa atau kampung memang wujud satu pusat sumber komuniti yang diselenggarakan oleh jawatankuasa kemajuan keselamatan kampung JKKK yang lengkap dengan komputer dan juga WIFI dan juga diberi bantuan untuk membekalkan surat khabar dan majalah untuk bacaan penduduk di kampung-kampung. Untuk tanah, tapak tanah sekolah kita sudah wujud untuk ada *reserve* tanah untuk sekolah kebangsaan dan juga kita sudah bersedia *mereserve* kan tanah tapak tanah untuk sekolah jenis kebangsaan cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga sekolah rendah agama. Tetapi kesemua ini belum

diwartakan jadi Kajang meminta kerajaan supaya meneliti tapak-tapak simpanan untuk sekolah rendah dan tapak-tapak untuk sekolah agama diwujudkan di setiap komuniti di mana memang di dapati ada keperluannya. Dan akhir sekali untuk meningkatkan kualiti hidup kita memang menghadapi cabaran juga amalan-amalan yang lama seperti ada pasar malam, ada pasar tani, *uptown* atau pun gerai-gerai tepi jalan. Dalam keadaan kita memodenkan masyarakat kita dan juga setiap satu komuniti sudah menjadi satu perbandaran pasar malam, pasar tani, *uptown* dan juga gerai-gerai tepi jalan merupakan satu yang mengganggu dan juga menimbulkan masalah yang agak banyak.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, minta ruang Bangi ingin bertanya Kajang berhubung pasar malam dan masalah-masalah kesihatan dan sampah, adakah Kajang bersetuju dengan pendapat Laporan Ketua Audit Negara yang sedang saya baca ini di halaman 30 ini. Dia mengatakan pengurusan sisa pepejal sampah pasar malam di MPKj adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan, macam-macam kelemahanlah di dalam gambar lori yang teruk-teruk digunakan yang tak mampu dibawa sampah dengan selamat dan sebagainya dan pembuangan sampah secara tidak teratur dan sebagainya so ... bagaimana Kajang pendapat untuk memperbaiki dari segi sistem pungutan sampah-sampah yang dianggap tidak sempurna di Kajang dan juga tempat pembuangan sampah masih yang disebut di Sungai Kumbang masih lagi berlangsung dengan cara tidak teratur. Terima kasih....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, dia Kajang....dia bukan kerajaan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Kajang.....Kajang....

TUAN SPEAKER : Tapi kenapa tanya pula Kajang patut tanya kerajaan.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih kepada Bangi. Mungkin kerana sama-sama duduk di dalam sebagai *Ex-official* dalam MPKj jadi sama-sama prihatin, tukar fikiran jadi (ketawa)

TUAN SPEAKER : Ada kepentinganlah tu....(ketawa)

YB TUAN LEE KIM SIN : Baik ini memang satu masalah ya masalah sampah merupakan masalah yang utama yang dihadapi di pasar malam, pasar tani, *uptown* dan juga gerai-gerai di tepi jalan. Dan ini juga mengajak anjing liar, anjing liar yang sampah-sampah dibuang merata dalam beg-beg plastik tepi jalan, bawah pokok dalam longkang dan kesemuanya ajak anjing liar, tikus dan kesemua ni menjadikan kawasan perumahan dan tempat-tempat itu menjadi tidak selesa dan tidak indah dari segi pemandangan. Dan kesesakan jalan, kesesakan jalan dan juga gangguan sosial dan ketenteraman tempat tinggal di mana adanya pasar malam sentiasa menghantui penduduk setempat. Jadi kita memang mengutamakan komuniti bersih, yang selesa, mesra alam dan aman. Dan ini memang kita harapkan dalam meningkatkan kualiti hidup. Oleh itu, Kajang memang mencadangkan setiap PBT harus meneliti, mengkaji semula kewujudan pasar malam, pasar tani, *uptown* dan gerai-gerai tepi jalan. Sekiranya tidak sesuai, tutupkan kesemua aktiviti ini dan dicadangkan kenal pasti hanya beberapa, beberapa lokasi di mana kemudahan-kemudahannya, tapaknya lebih sesuai, gangguan yang minima dengan PBT membekalkan kemudahan dan juga infrastruktur yang cukup dan pengurusan yang cukup profesional dan ia akan menarik, ia akan menjadi satu tempat yang dapat menarik pelancong. Jadi kita harus kaji semula gangguan-gangguan yang ditimbulkan oleh aktiviti pasar malam, pasar tani, *uptown* dan gerai tepi jalan ini. Dengan ini,

Kajang menyatakan sokongan penuh ya, pada rang.... usul untuk meluluskan bajet 2011. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, sebelum saya mempersilakan Kuang untuk menyertai perbahasan, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kunjungan Senator dari Dewan Negara Malaysia iaitu Y.B. Senator Dato' Haji Ahmad Rosli bin Haji Ibrahim, Y.B. Senator Dato' Mustapha Kamal Mohamad Yusoff, Y.B. Senator Ir. Haji Zamri Yusoff, Y.B. Senator Syed Hussin Ali, Y.B. Senator Puan Mumtaz binti Mat Nawi, Y.B. Senator Tuan Haji Mohd Yusoff Hussin dan Y.B. Senator Dr. S. Ramakrishnan. Selamat datang. Baik, dipersilakan Kuang dan sebelum Yang Berhormat meneruskan perbahasan, sukacita saya memaklumkan juga bahawa saya bercadang untuk membenarkan perbahasan ke atas Rang Undang-Undang ini sehingga hari ini. Jadi bererti perbahasan akan kita selesaikan pada hari ini. Esok pagi, pihak EXCO akan menggulung. Dipersilakan Kuang.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Terima kasih. Y.B. Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Satu Malaysia. 'Hasil Negeri Untuk Rakyat'. Temanya begitu lunak didengar. Izinkan saya, Y.B. Tuan Speaker untuk menyentuh isu tadbir urus baik yang sentiasa digembar-gemburkan oleh Y.A.B. Menteri Besar dalam konteks pengurusan industri pasir dan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang terletak di bawah bidang kuasa Menteri Besar. Diperbadankan atau MBI dan pengurusan Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Sebenarnya isu pasir ini merupakan salah satu episod kegagalan pengurusan pembahagian harta rampasan perang berikutan kemenangan Pakatan Rakyat mengambil-alih pemerintahan negeri Selangor pada Mac 2008. Ini berlaku berikutan ketidakadilan pembahagian harta-harta rampasan perang di kalangan brigid-brigid tentera Pakatan Rakyat. Wujud ke tidak telusan pentadbiran, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan perompakan harta-harta rampasan perang dan kroni-kroni juga komander-komander, bala tentera Pakatan Rakyat dan rasa tidak puas hati di kalangan bala tentera kerana pembahagian harta rampasan yang tidak adil. Apa yang berlaku dalam KSSB sudah tidak terkawal lagi. Ini membuktikan kegagalan Y.A.B. Ijok merangkap Pengerusi dan Menteri Besar yang juga Pengerusi Perbadanan Menteri Besar (MBI) membuat pemantauan berkesan ke atas KSSB walaupun beliau merupakan seorang ahli korporat yang terkenal katanya. Isu ini mungkin tidak begitu hebat kalau tidak dimulakan oleh beberapa orang puluhan kecil dan jeneral-jeneral Pakatan Rakyat sendiri. Ini dimulakan seawal 15 November 2009 oleh Ahli Parlimen Ampang dan ADUN Bukit Antarabangsa seperti yang dilaporkan dalam Harakah Daily pada 15.11.2009. Beliau mendakwa beberapa pihak dari KSSB menjadi dalang kes curi pasir di negeri ini. Ini menjadi isu hangat dan bertambah hangat lagi apabila Ahli Parlimen Kapar mendakwa berlaku penyelewengan dan rasuah dalam pengurusan industri pasir dalam syarikat milik Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang diikuti dengan laporan Polis pada 12 Mac 2010. Malahan salah satu sebab Ahli Parlimen Bukit Bintang barangkali meninggalkan PKR ialah kerana kegagalan Pakatan Rakyat menyelesaikan isu pasir ini. Berdasarkan kepada kontroversi dan beberapa maklumat umum.....

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : (Mencelah). Yang Berhormat.....Yang Berhormat?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : yang kita semua maklum.

TUAN SPEAKER : Ini siapa? Batu Caves mencelah. Silakan.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Nak tanya ni, Ahli Parlimen Bukit Bintang tu siapa?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Takkan Yang Berhormat tak tahu?

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Fakta kena betul.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Takkan Yang Berhormat tak tahu?

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Siapa Ahli Parlimen Bukit Bintang? Tak tahu. Cuba tanya, nak tanya?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Takpalah kalau Yang Berhormat tak tahu, Yang Berhormat duduk. Tengok dalam senarai Ahli Parlimen, siapa? Ok, saya teruskan. Berdasarkan kepada kontroversi dan beberapa maklumat umum yang kita semua sedia maklum, saya ingin membangkitkan empat (4) isu penting untuk dijawab dan seterusnya diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri :-

- i) Penubuhan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri di bawah Menteri Besar di perbadankan, diperbadankan (MBI). Walaupun matlamat penubuhannya baik tetapi pelaksanaan dan pengurusan operasinya sangat mengecewakan. Memang sudah dijangka sebuah syarikat yang dimonopoli, yang monopoli industri pasir di negeri Selangor akan menghadapi masalah besar dan terbuka kepada unsur-unsur penyelewengan, korupsi, penyalahgunaan kuasa jika pihak pengurusannya tidak cekap dan tidak berintegriti. Buktinya pembongkaran kelemahan KSSB baru-baru ini. KSSB terbukti gagal dalam mencapai dua (2) matlamat penting menjana pendapatan RM150 juta setahun pada tahun 2009 dan membanteras aktiviti curi pasir. Fakta ini telah disahkan dalam laporan Ketua Audit Negara 2009 yang telah memeterai bahawa pelantikan KSSB sebagai badan penyelarasan untuk meningkatkan hasil Kerajaan, tidak mencapai matlamat dan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh KSSB juga tidak berkesan. Kemudian pelantikan Ahli Lembaga Pengarah, walaupun Kerajaan Negeri dengan bangga menonjolkan beberapa orang tokoh profesional dan korporat berjaya yang berpengalaman dan berintegriti tetapi pendedahan awam baru-baru ini membuktikan kegemilangan pada masa dahulu tidak menjamin prestasi cemerlang dalam KSSB. Terbukti keputusan dan tindakan-tindakan mereka bertentangan dengan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik. Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Ijok selalu menuduh Kerajaan BN yang lalu mengamalkan kronisme, tapi apa yang berlaku dalam KSSB? Penasihat KSSB, Y.Bhg. Dato' Anuar Mohd Nor dan Pengerusi KSSB, Tuan Haji Shukor Najib adalah sahabat-sahabat baik semasa di Guthrie dan di _____. Latar belakang lain Ahli Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan tidak begitu menonjol tapi atas prinsip ketelusan, saya minta Y.A.B. Ijok mendedahkan latar belakang semua Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan KSSB untuk penilaian rakyat. Ya, ketika isu bonus dan sumbangan KSSB tidak selaras dengan tema perbelanjaan negeri Selangor, 'Hasil Negeri Untuk Rakyat'. Bonus sebanyak RM641,113.89 telah dibayar oleh KSSB sehingga Jun 2009. RM137,500.00 dibayar pada Disember 2008 dan RM503,613.59 dibayar pada bulan Jun 2009. Bonus dibayar antara dua (2) hingga enam (6) bulan gaji.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, fakta-fakta ini adalah fakta-fakta yang diperolehi melalui Pendengaran SELCAT, bukan?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Ya, saya tahu di bawah SELCAT, tetapi.....

TUAN SPEAKER : Nanti belum..... Kalau ikut peraturan, apabila perkara itu masih dalam siasatan Jawatankuasa Dewan, maka ia tidak boleh dibahaskan dahulu sebelum penyata ataupun laporan dibentangkan Dewan. Jadi saya berharap Yang Berhormat ikut peraturan. Saya tidak menghalang sebenarnya, tapi ini sebenarnya fakta yang telah pun diberi semasa Pendengaran Awam tapi memandangkan ada peraturan, jadi kita tangguhkan apabila penyata dibentangkan, maka Yang Berhormat boleh bahas lagi.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Terima kasih, Tuan Speaker. Cuma saya nak mengingatkan supaya rakyat lihat apa yang berlaku, yang dikatakan 'Hasil Negeri Untuk Rakyat' tetapi untuk siapa sebenarnya? Baiklah, saya tidak akan sentuh mengenai perkara pemberian kepada Ahli Lembaga Pengarah dan juga pengurusan dan sebagainya. Cuma saya nak melihat bagaimana kita melihat, bagaimana tokoh-tokoh korporat yang dikatakan boleh mengurus KSSB dengan baik. Setahu saya, daripada untung sebelum cukai KSSB berjumlah RM8.21 juta, hanya RM1.39 juta iaitu 16.9% sahaja diberikan kepada rakyat untuk mengekonomikan rakyat. Daripada jumlah perbelanjaan pentadbiran sebanyak RM4 juta 676 *something something* pada tahun 2009 kalau ditolak dengan RM527,000.00 ataupun 11.31% adalah untuk bayaran Lembaga Pengarah dan Penasihat dan sebagainya. Kerana jumlah ini besar, saya berharap pihak Kerajaan dan juga MBI dapat menyiasat perkara ini. Sidang Yang Berhormat Speaker, saya juga nak sentuh, bukan nak sentuh *figure* lah, tiada, *figure* tak sentuh. Bonus yang dibayar pada berdasar pada unjuran keuntungan syarikat pada Jun 2009, ini bukan amalan urus tadbir yang baik. Mana ada dalam dunia korporat melainkan KSSB, gaji dibayar berdasarkan unjuran keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada kakitangan syarikat yang berkhidmat di bawah Kerajaan boleh dilaksanakan apabila syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Cadangan bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Yang Amat Berhormat.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya bukan nak menghalang. Tapi perkara masih dalam siasatan, bererti pendengaran telah pun diadakan, belum habis lagi, belum ada rumusan. Yang Berhormat sudah bicarakan perkara ini, dah buat rumusan.....

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya..... Yang Berhormat.....

TUAN SPEAKER : Saya belum habis cakap. Jawatankuasa belum buat rumusan. Yang Berhormat dah buat rumusan bagi pihak Jawatankuasa, macam mana? Jadi Jawatankuasa ni bertindak seperti Mahkamah juga, bila di bicara situ, jangan bincang dulu. Lepas apabila.....semua-semua ini fakta, lepas itu rumusan akan dibuat, rumusan akan dibuat oleh Jawatankuasa yang dianggotai oleh ADUN daripada Pakatan Rakyat dan juga daripada Barisan Nasional. Jadi ada peluang biar rumusan biarlah bagilah peluang untuk jawatankuasa itu membuat rumusan kemudian dibentangkan laporan baru Yang Berhormat bicarakan perkara itu. Itu peraturan saya berharap Yang Berhormat mengerti ya.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, tapi saya sebutkan supaya rakyat menilai ini yang dikatakan hasil negeri untuk rakyat. Maka itu saya diganggu 2 kali oleh Yang Berhormat ni, maka *mood* saya untuk bercakap perkara ini pun dah tak ada dah. Namun begitu, tak apa, *mood* saya hilang tapi ini ingatan saya nak bagi tahu, kita tunggu, tunggu keputusan SELCAT tapi jangan sedap cakap hasil negeri untuk rakyat, tapi hasil negeri diberikan kepada rakyat yang rupa bagaimana, apakah rakyat jelata, atau rakyat-rakyat yang terpilih di kalangan tuan-tuan. Ok, tak apa saya tutup kes pasir ini, saya tak mahu bercakap saya nak cerita pasal 2 perkara lagi.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Tuan Speaker, nak mencelah dulu.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : 2 perkara lagi.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat, ya Sri Muda nak mencelah.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Kemudian, kes pasir ni saya tak cakap.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ok, 20 saat sahaja.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Jangan sampai saya cakap pasal pasir lagi.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sri Muda, nanti dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuang dah bersetuju.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya dah tutup pasar pasir. Timbalan Pengurus Besar pasir boleh duduk

TUAN SPEAKER : Ini Speaker cakap ni, duduk dulu, tunggu dulu.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya minta laluan 20 saat sahaja.

TUAN SPEAKER : Tak, bukan soal berapa saat, soal sekarang ni Yang Berhormat Kuang dah bersetuju tangguhkan apa ni perbahasan ke atas Semesta ini selepas penyata SELCAT. Jadi kita tungguhlah.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya setuju Yang Berhormat Speaker, saya cuma nak sebutkan yang fakta yang diberikan oleh Kuang tadi salah, Ahli Parlimen Bukit Bintang itu salah.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Tak apa, kes ini jangan disebut lagi, Tuan Speaker dah beritahu kes ini jangan sebut sedang pun di dalam SELCAT jangan sebut.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Bukan, ini lain. Ini berkenaan Ahli Parlimen, kedudukan ini salah macam mana rakyat nak percaya, jika fakta yang diberikan itu salah.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Cukup Sri Muda. Sri Muda faham tak Speaker cakap, saya faham saya dah tak cakap. Sri Muda yang tak faham.

TUAN SPEAKER : Baik-baik, Speaker cakap ni, kalau Speaker cakap mengikut peraturan semua kena diam dulu. Speaker cakap ya, kita dengar apa yang Sri Muda nak cakap. Tak apa saya nak tau apa yang dia nak tanya dulu. Kalau tak betul saya tak bagi ya. Baik Kuang sila duduk dulu, apa soalnya.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Kuang. Tuan Speaker, saya cuma nak sebutkan fakta yang diberikan oleh Kuang Tadi Ahli Parlimen Bukit Bintang itu salah itu yang cuba disebutkan oleh Batu Caves bukan Ahli Parlimen Bukit Bintang, saya nak sebutkan nak betulkan Ahli Parlimen Wangsa Maju, itu yang sebenarnya.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya saja nak *test* saja, bermakna cekap lah. Speaker saya teruskan, selepas ini tak ada dah. Jangan risau. Oleh kerana, isu ini yang saya sediakan untuk bercakap maka itu tidak diizinkan, maka saya ikut peraturan maka saya tidak sebut lagi, namun itu ingatan kepada KSSB dan juga rakyat melihat dan mendengar, cukup. Ok, perkara yang saya nak sebutkan lagi, iaitu tentang pelancaran Perbadanan Adat Melayu, saya mendapat tahu bahawa majlis pelancaran ini disiapkan perbelanjaannya sekitar RM500,000. Tetapi saya mendapat tahu perbelanjaan melebihi sehingga hampir RM900,000, saya harap EXCO berkenaan dapat jawab soalan ini di mana dibelanjakan begitu banyak sekali perbelanjaan hanya nak melancarkan sebuah ataupun satu program Adat Melayu ataupun PADAT yang dibuat baru-baru ini, dan satu perkara lagi saya dimaklumkan ada juga bayaran pendahuluan, tadi *advance* tersalah tadi, Speaker sebut menegur saudara saya daripada Jeram. Bayaran pendahuluan berbagai kepada pegawai-pegawai PADAT tanpa proses kewangan sebanyak 104,930.00 cekap juga Kuang mendapat *figure* yang tepat tuan-tuan. Bagi tahu dan saya harap EXCO berkenaan jawab. Kemudian, saya sebenarnya bukannya nak menyentuh perkara ini tapi kerana oleh perkara ini sampai di telinga saya, saya selaku rakan ADUN sebenarnya sentiasa mendoakan Damansara Utama cepat segera sihat dan telah pun sihat baru-baru ini, hari pertama hadir. Cuma persoalan saya, RM300,000 perbelanjaan perubatan dibayar oleh Kerajaan Negeri, saya kira patut juga kerajaan bayar semua perbelanjaan Ahli Dewan Undangan Negeri ini kalau berlaku kemalangan dan sebagainya. RM300,000, Tuan-tuan dan puan-puan *sorry* Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kalo RM300,000 itu diberi kepada warga emas di luar sana yang sedang menuntut bayaran perubatan percuma yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, kalaulah seorang belanja RM50.00 bererti kita telah menyejahterakan 6,000 warga emas di luar sana hanya perubatan seorang Ahli Dewan yang kita belanjakan RM300,000 duit Kerajaan Negeri.

YB PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker, minta laluan.

TUAN SPEAKER : Ya, bagaimana Teratai mahu

YB PUAN LEE YING HA : Sikit saja

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Minta maaf, saya nak tutup dah. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tidak mengizinkan kawan sahabat saya Yang Berhormat Teratai. Seperkara lagi, saya nak sebut ialah mengenai gaji Pengurus Besar PKNS. Saya dimaklumkan baru-baru ini bahawa biasanya gajinya RM7,796.66 campur elaun RM16,933.32 dan hari ini saya diberitahu bahawa melalui tawaran yang diberi oleh Y.A.B Ijok Kepada Encik Osman bin Hj Omar gaji ditawarkan gaji pokok sahaja RM40,000 sebulan. Ini dia hasil negeri untuk rakyat dan akhirnya 9 anak syarikat PKNS terpaksa membayar setiap anak syarikat RM2,500 satu anak syarikat untuk menampung gaji seorang Pengurus Besar yang dulunya RM16,000 sama elaun sekarang RM40,000 sebulan hasil negeri untuk rakyat. Tuan-tuan, Yang Berhormat Speaker.

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL : Minta laluan, minta laluan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Yang Berhormat - Yang Berhormat. Saya kira cukup setakat ini, saya akan menunggu jawapan melalui penggulungan yang akan dibuat pada esok hari. Sekian terima kasih. Salam.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Tuan Speaker, mencelah.

TUAN SPEAKER : Ok, Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada semua yang masih ada di dalam dewan. Terima kasih Tuan Speaker diberi peluang kepada Sungai Pelek untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan bajet 2011, selamat petang, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, bunyi bajet 2011 atau tema begitu rupanya *Hasil Negeri Untuk Rakyat* daripada Kuang yang saya dengar sebentar tadi dengar memang sedap, seronok. Tetapi adakah ia benar-benar akan merealisasikan apabila pelaksanaan dijalankan atau tidak masih belum dapat kita membuat satu keputusan di dalam mesyuarat bajet ini. Saya juga teragak-agak terhadap prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus cekap Kerajaan Negeri yang disebut-sebut oleh Kerajaan Negeri, adakah ia akan berjaya ataupun tidak kita tengoklah pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Speaker, saya melihat pelantikan Ahli-Ahli Majlis PBT yang diselubungi kontroversi, kekecohan sehingga boleh mengabaikan perkhidmatan Ahli-Ahli PBT di kawasan PBT masing-masing. Saya lihat di Negeri Selangor, lebih kurang 90% penduduk menduduki kawasan PBT dan melihat isu ini akan mengakibatkan perkhidmatan sebagai seorang ahli majlis itu tidak sempurna dan tidak tepat. Apa yang dijanjikan oleh kerajaan kita bagi menjawat jawatan PBT. Isu yang baru berlaku 2-3 bulan yang lepas dan rasa saya hari ini kita boleh baca surat khabar juga iaitu isu surat, kepala surat dan *exco* rasmi Yang Berhormat, *exco* yang bertanggungjawab di atas PBT yang menyokong seorang ahli majlis yang menyokong yang membuat surat untuk mendapatkan kerja ataupun kontrak untuk ahli keluarga. Bukan sahaja 1 orang ahli majlis yang buat tetapi ada juga 2-3 orang ahli majlis yang kononnya dipilih itu semua bersih, telus, bertanggung jawaban dan tadbir urus dengan baik, tetapi hakikatnya adalah sebaliknya.

Soal, kepala surat ini apabila dibongkar kan menjadi satu isu di Negeri Selangor bahkan di satu Malaysia tetapi ahli majlis itu dipecat bukan daripada PBT tetapi dipecat dulu oleh parti berkenaan. Sebelum PBT ataupun sebelum Kerajaan Negeri mengambil sesuatu tindakan. Bagi Sungai Pelek, ini saya rasa tidak tepat dan salah jika seorang ahli majlis dilantik oleh Kerajaan tetapi dipecat oleh parti. Tak kena-kena dengan cara macam ini. Ini agak pelik sikit walaupun saya datang dari Sungai Pelek lah. Ini *first time* kali pertama saya nampak dan saya baru tahulah orang yang dipilihnya kononnya sebut semua baik-baik belaka, tetapi adalah sebaliknya. Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormat sekalian, Tuan Speaker, maksud hasil untuk rakyat, surat kepala tu bertujuan bermotif untuk mendapatkan kontrak kepada ahli keluarganya, maksudnya hasil untuk siapa, saya rasa tak tepat pada tema bajet 2011 ini iaitu hasil negeri untuk rakyat. Cubalah kita fikir-fikir rasa saya kita semua ini pandai, cerdik, bijak mana yang betul dan mana yang sala dan kita timbanglah pada masa yang akan datang sapa yang akan patut kita pilih semasa menjelangna Pilihan Raya Umum 13.

Tuan Speaker, saya hendak berkongsi bersama dengan rakan-rakan yang ada di dewan ini saya terima satu *e-mail*, tetapi memang ini disiarkan di dalam surat khabar iaitu perbelanjaan PBT. Perbelanjaan disalah sebuah PBT negeri Selangor untuk operasi penangkapan anjing. Yang saya dapat di sini terdapat 2 kontraktor penangkapan anjing dalam sebulan itu, menangkap anjing 20,000 ekor di dalam sebuah PBT hanya di dalam satu kawasan zon saya tak nak sebut PBT mana, zon mana tak nak jangan sentuh ok. 20,000 ekor untuk sebulan dan harga kontrak itu RM700,000. Kira-kira punya kira, 1 bulan 30 hari kalau tangkap anjing itu rasa sayalah kira-kira 666 ekor satu hari. Kira lagi kira saya rasa 1 minit kena tangkap 1 ekor anjing. Munasabah ke tuan-tuan dan puan-puan. Saya hairan, saya hairan macam mana boleh berlaku tetapi ini adalah realiti dan berlaku di tempat itu sehingga *full council*, Mesyuarat Penuh PBT terkeluar berita ni di dalam surat khabar. Bagi saya apa yang dibentangkan dalam bajet supaya Kerajaan Negeri Selangor Pihak Berkuasa Tempatan harus membelanjakan kewangan

kita dengan cara lebih berhemah. Adakah ini berhemah, rasa saya tuan-tuan dan puan-puan boleh fikir sendiri. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

YB TUAN LEE KIM SIN : Yang Berhormat....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat

YB TUAN LEE KIM SIN : Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker dan juga Sungai Pelek. Oleh kerana maklumat yang dinyatakan berkaitan penangkapan anjing liar ini memang *serious* dan kita minta penjelasan yang lanjut, iaitu maklumat yang lanjut berkaitan PBT mana yang terlibat supaya siasatan boleh dilakukan. Terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH : Siapa yang makan cili dialah tahu pedasnya. Rasa saya di dua belas PBT ni bukanlah banyak di Negeri Selangor. PBT itu boleh cuba, baca balik, tengok semula ada tak kontrak dikeluarkan kepada kontraktor penangkap anjing sebulan 20 ribu ekor di satu zon PBT dengan harga RM 700 ribu. Cuba semak-semaklah. Kalau silap saya, mungkin silaplah e-mel ni. Silaplah berita yang dikeluarkan di STAR, silaplah semua para ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dengan apa yang saya katakan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya meragui kemungkinan maklumat itu sengaja diada-adakan dan dihantar secara e-mel bukan hitam putih. Saya ingin dia memungut daripada minit mesyuarat di PBT. Ini secara terima e-mel ni siapa saja boleh berita hantar. Jadi saya juga ragu dengan jumlah yang dikemukakan dan saya fikir kita kena persoal siapa yang membawa maklumat ke dalam dewan ini adakah sah atau tidak. Ini satu yang memalukan kalau sebenarnya. Tidak logik jika satu minit satu ekor. Sekarang kita persoalkan Sungai Pelek pula adakah dia ni betul atau tidak dengan maklumat yang dibawa.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Pelek saya bukan nak ambil bahagian dalam perbahasan. Tetapi saya tengah fikir sama ada kenyataan Yang Berhormat itu melanggar peraturan 36 golongan 6 ke tidak - sangkaan jahat. Sebab kalau Yang Berhormat percaya kepada sumber tersebut sepatutnya Yang Berhormat buat tuduhan supaya mana-mana pihak mana PBT yang dituduh tu dapat menjawab. Sebab Yang Berhormat membuat satu tuduhan begitu umum tidak ada satu PBT yang dapat menjawab jadi tidak adil untuk semua Yang Dipertua Majlis Perbandaran, jadi kalau ada tuduhan ke mana-mana dan Yang Berhormat dilindungi oleh hak kebebasan dewan. Kalau Yang Berhormat percaya kepada sumber tersebut, sebagai seorang Ahli Dewan yang bertanggung jawab sepatutnya menyebut PBT yang mana supaya mereka boleh menjawab. Kalau tidak bagaimana tak kan kita nak 12 orang YDP untuk menjawab. Bukan itu cara kita uruskan urusan kerajaan.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Saya bukan ragu-ragu bersama dengan Bangi. Ada yang saya terima dan saya baca di dalam surat khabar iaitu di PBT Majlis Perbandaran Sepang dan zon Bandar Baru Salak Tinggi yang keluar di dalam STAR ok. Sebenarnya saya tak nak, saya tak nak

TUAN SPEAKER : Bukan soal Yang Berhormat tak nak , tanggung jawab dia.

YB TUAN YAP EE WAH : Ya, ya.. saya terima. Cuma saya jaga maruah PBT supaya perkara ini jangan berlaku lagi. Mungkin kadang-kadang silap pandang ke, tapi apabila ditegur tu boleh cuba, cuba memperbaiki. Yang saya terima dia ucapkan syabas dan tahniah lagi kepada saya. Ini yang saya hairan kenapa ucapkan syabas dan tahniah dia tulis Barisan Nasional sedangkan sekarang bukan pemerintahan Barisan Nasional ini yang saya hairan. Sekarang Kerajaan Negeri Selangor kerajaan Pakatan Pembangkang. Dalam otak ni masih fikir macam tu, dia perli dalam surat ni. New Zealand penuh dengan biri-biri, Negeri Selangor penuh dengan anjing-anjing. Marilah kita makan bukan *bakuteh*, *dokkuteh* sama-sama. Bila saya dengar ni saya tengok ni sakit, sakit hati, memang sakit hati, tetapi apa dayanya ini yang berlaku. So tujuan saya dalam perbahasan ini membangkitkan perkara ini hanya untuk mengingatkan supaya PBT-PBT ini kalau boleh dan saya ingat boleh, memang boleh membelanjakan duit atau kewangan kerajaan kita, rakyat kita dengan lebih berhemah.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli yang Berhormat seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai pusat-pusat hiburan. Bajet 2011 kutipan cukai hiburan 30 juta iaitu meningkat dan tahun 2009, 270, 27 ke 37 juta rasa saya ini merupakan satu hasil yang kurang sihat adalah mengejutkan ada laporan mengatakan ada terdapat lebih kurang 4,000 pusat hiburan yang beroperasi di Negeri Selangor ketika ini termasuk yang halal dan yang haram. Saya menggesa Kerajaan Negeri mengeluarkan statistik pusat hiburan tersebut berapa yang ada lesen, berapa yang tidak ada lesen. Kita bercakap tentang kualiti hidup rakyat yang antaranya mencakupi perihal persekitaran hidup yang kondusif dan bebas dari anasir-anasir yang boleh merosakkan mutu kehidupan kita. Tetapi pusat hiburan demi pusat hiburan ditubuhkan. Ada lesen pun ada tak ada lesen pun ada saya hairan. Kalau kerajaan kita perlu bergantung pada cukai hiburan untuk meningkatkan pendapatan hasil untuk Negeri Selangor demi menggadaikan masa depan terutama golongan muda, golongan muda di Negeri Selangor ini rasa saya ini tidak patut dan kita perlu mengkaji semula.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, saya minta laluan. Minta penjelasan sikit. Nampaknya. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Saya nampak yang Berhormat Sungai Pelek menegur soal bercambahnya pusat hiburan. Bagaimana Yang Sungai Pelek mengenai cadangan mendirikan hub hiburan di Kuala Lumpur yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri satu Malaysia ni. Apa Yang Berhormat setuju, atau dengan pendirian yang kritik di sebelah Pakatan Rakyat, setuju tak di sebelah pusat. Terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH : Bagi saya memang tidak setuju. Memang tidak setuju. Bagi saya tanggung jawab saya duduk di sini berbahas adalah untuk mengemukakan pandangan begini rupanya Ahli Parlimen kita daripada parti pembangkang masuk ke Parlimen, tanggung jawab mereka untuk mengemukakan pandangan mereka. Ok Sekinchan itu jawapan saya. Tuan Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya macam mana. Bagi.

YB TUAN YAP EE WAH : Tak pe

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih yang Berhormat Sungai Pelek. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Pelek adakah sama ada pendirian dengan saya setuju atau tidak bahawa dalam soal pusat-pusat hiburan ini apa yang diperlukan bukan kita mengharamkan tetapi apa yang diperlukan iaitu satu bentuk pengawalan atau dalam bahasa Inggeris *regulate, regulation*. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya.

Apa yang diperlukan bukan penguatkuasaan atau pun penutupan atau pun sebarang bentuk pengharaman. Tapi apa yang penting ialah satu bentuk kawal selia *regulation, regulator*. Kita sebagai kerajaan ialah *regulatory body*. Setuju kah Yang Berhormat dengan saya.

YB TUAN YAP EE WAH : Kalau saya sebut tak setuju, memang Kampung Tunku tak setuju dengan saya. Jadi saya setujulah dengan tu. Kita kena *control* tahap hiburan itu, jangan menghibur sampai ada pelacur pun itu *sorry*lah. Saya memang tidak menyokong hiburan seperti begini. OK puas Kampung Tunku. Terima kasih.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai satu PBT bagi saya kriteria kewangan yang saya bangkitkan ini amat berkait rapat dengan isu cukai dan keupayaan menyediakan sebuah PBT. Itu sebab saya kata duit kita kena belanja dengan berhemah dan kita perlu mengambil berat ambil kira yang perlu kita belanjakan dulu dan mana yang kemudian, kemudianlah kita belanjakan dulu. Sebagai satu contoh yang jelas iaitu bagaimana Kerajaan Negeri terpaksa meluluskan bajet RM 1 juta ringgit Malaysia perbekalan tambahan bagi membiayai kutipan sampah di Majlis Daerah Kuala Selangor pada sidang DUN bulan Julai yang lalu. Ini menandakan kewangan PBT terutama di peringkat Majlis Daerah tidak kukuh malah untuk membiayai kos yang perlu pun tidak mampu. Itu pun nasib baik Kerajaan Persekutuan kita bersikap adil dan saksama dan membantu PBT di Selangor. Mengikut data dari Kementerian Kewangan Kerajaan Persekutuan menyalurkan dua jenis peruntukan. Satu, pemberian kepada PBT geran tahunan berdasarkan kaedah keseimbangan berjumlah 46 juta tahun 2009 dan sama juga tahun 2010 ni. No. Dua pemberian pembayaran bil lampu jalan, lampu isyarat PBT berjumlah 11 juta pada tahun lepas dan meningkat ke 16 juta tahun 2010 ini. Ini adalah kewangan Kerajaan Persekutuan kepada PBT di Selangor dalam bentuk terima bukan hasil yang banyak dan konsisten. Persoalannya bagaimana inisiatif kerajaan untuk menambah pendapatan dan mengawal perbelanjaan. Kita tahu, kita hendak tahu kukuhkan dan kedudukan kewangan setiap PBT. PBT manakah yang boleh berdikari dan PBT manakah yang perlu dibantu, dan diberikan perhatian supaya tema itu iaitu Bumi hasil negeri untuk semua Rakyat, bantulah PBT-PBT yang kekurangan kewangan PBT tidak kukuh supaya penduduk di PBT-PBT tersebut pun dapat menikmati apa yang disebutkan hasil negeri untuk rakyat.

Tuan Speaker, Tuan-tuan dan Puan-puan, satu perkara yang ingin saya sentuh di sini iaitu janji manifesto iaitu Kedai Komersial 10% dan rumah kediaman 20% cukai taksiran akan dikurangkan apabilanya Pakatan Pembangkang memerintah negeri Selangor. Orang cina cakap '*che ting low chi siang pu chin yu ren lai*' maksudnya dengar suara turun tangga tetapi tak ada nampak orang datang, faham ye, saya rasa faham. Dua tahun lebih sehingga sekarang hampir tiga tahun dah saya pun tunggu, saya pun tunggu, Sungai Pelek pun tunggu, tunggu cukai taksiran 20% cukai taksiran sayalah Sungai Pelek boleh turun sikit, bayar pun kurang sikit, kepada peniaga-peniaga. Kegawatan ekonomi 2008, 2009 bahkan 2010 ini cukai taksiran komersial ini bila nak turun, bahkan saya dengar dan saya kesal pada Sidang Dewan yang lepas

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, nak mencelah sikit

TUAN SPEAKER : Ye

YB TUAN NG SUEE LIM : Nak mencelah sikit

YB TUAN YAP EE WAH : Sekejap

TUAN SPEAKER : Sekejap, duduk

YB TUAN NG SUEE LIM : Okey, okey

YB TUAN YAP EE WAH : Ada pula orang sebelah sana apabila rakan saya membangkitkan hal ini saya dengar tu, cuba baca *handset* kalau tak silap saya, memang tak memang tak silap, kita janji tetapi kita tak sebut bila kita laksanakan. Maksudnya apa, apa pun boleh cakap, apa pun boleh cakap, tetapi bila nak laksanakan, kesal saya dengar. Ini pun ada juga yang menang, macam mana dengan rakyat di setiap kawasan tu apabila dengar di sebelah sana hasrat EXCO yang mengeluarkan kenyataan ini tetapi dengan duduklah, bukan bangun dan jawab. Kita tak ada sebut bila nak laksanakan, kita janji, rasa saya ini tidak bertanggungjawab langsung. Saya harap-haraplah manifesto, janji manifesto ini dapatlah Kerajaan Negeri mengambil sesuatu langkah supaya saya rasa semua orang di sini ada rumah, ada kedai, ada komersial, ada tempat komersial, rakyat jelata di Negeri Selangor lagi suka lagi *happy* kalau cukai taksiran 10% dan 20% itu dapat dikurangkan oleh Kerajaan Negeri. Di sebaliknya pula, pada tahun lepas bulan Mac kalau tak silap saya, cukai taksiran tak turun tak apalah, denda lewat pula naik, lima kali ganda, 10 kali ganda, hairan betul ni. Dulu lambat bayar kerana poket ini hari ini tak cukup, lambat sikit kita bayar RM2.00 kita kena denda lewat rumah kediaman. Sejak bulan Mac 2010 RM20.00 kena bayar, denda lewat itu ke Kerajaan Prihatin Hasil Negeri Untuk Rakyat, tak tahulah, fikirlah masing-masing.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini. Saya harap pihak Kerajaan jangan mengulang apa yang sudah berlaku pada masa-masa yang lepas iaitu

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, gangguan. Berkenaan bayaran denda berganda sehingga RM20.00 yang RM2.00 itu sebenarnya memang ada dikeluarkan tetapi sudah ditarik balik hasil daripada desakan pihak kitalah. Ertinya tidak dipraktikkan.

YB TUAN YAP EE WAH : Ini jawapan daripada pihak Kerajaan. Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Takkan Sungai Pelek tak tahu siapa dia? Bangi. (Dewan ketawa)

YB TUAN YAP EE WAH : Patut saya dapat jawapan daripada pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Jangan tanya Speaker, tanyalah Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ini pengalaman kita daripada MPKj. Memang betul ada

YB TUAN YAP EE WAH : Saya ingat Bangi ada rupa dengan saya.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Memang ada denda dan timbul rasa tak puas

YB TUAN YAP EE WAH : Sekarang pula Sungai Pelek keliru

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya sendiri menerima banyak aduan daripada rakyat tentang *double* dari segi denda. Kemudian hasil desakan ditarik balik. Ertinya tidak dipraktikkan.

YB TUAN YAP EE WAH : Ok, kalau macam tu / sokong dan saya dengarlah EXCO yang bertanggungjawab. Bagilah jawapan sebegini rupa. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu perkara lagi, saya kena ulang lagi. Saya haraplah pihak Kerajaan Negeri jangan berulang lagi kesilapan yang berlaku. Saya ucapkan terima kasih bagi sekolah-sekolah yang mendapat bantuan kewangan sekolah di DUN Sungai Pelek kepada Kerajaan Negeri. Baru-baru ini sekolah-sekolah di DUN Sungai Pelek dapat terima sikitlah. Adalah RM20,000.00, RM30,000.00 bantuan kewangan sekolah. Dan saya hendak tegas di sini, saya ucapkan terima kasih walaupun ucapkan terima kasih itu bukan duit dalam poket *U* diri sendiri. Itu duit rakyat, Sekinchan, pandai.

TUAN SPEAKER : Hasil Negeri untuk rakyat.

YB TUAN YAP EE WAH : Itulah, hasil Negeri untuk rakyat. Ini baru tepatlah. Dalam pembentangan bajet yang saya dengar, bantuan kewangan sekolah SRA RM6 juta, SJKC RM6 juta, SJKT RM4 juta. Sungguh seronok bila dengar dan saya haraplah bagi Sungai Pelek sudah terima 21 DUN Barisan Nasional di Negeri Selangor pun bagilah. Hasil Negeri untuk rakyat. Rasa saya kita akan ucapkan terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin fakta Yang Berhormat silap juga sebab saya pun ada menyertai majlis penyerahan cek ini. Semua DUN diberi, 56 DUN diberi.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ia, Tuan Speaker. Awal tahun ini

Y.B. TUAN SPEAKER : Tahun lepas bagi, tahun ini pun bagi. Kalau tak silap saya dari nisbahnya, kawasan DUN di bawah Barisan Nasional dapat lebih agaknya. Dari segi nisbahnya.

YB TUAN YAP EE WAH : Okey, terima kasih Tuan Speaker. Saya masih ingat lagi dalam sidang bulan April yang lalu, saya bangkitkan ini di dalam Dewan ini. Tahun 2009 saya hantar sendiri ke Pejabat EXCO dan letak di atas tangan EXCO yang berkenaan. Satu sen pun *elek*. Rasa saya bukan 56 DUN dapat Tuan Speaker.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, ini bukti semalam kita hadir mesyuarat antara Dr. Halimah. Semua sekolah-sekolah Cina dan Tamil ada di sini, seluruh Selangor.

YB TUAN YAP EE WAH : Tahun 2010 betul tak Bangi? Betul tak?

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tahun 2010.

YB TUAN YAP EE WAH : Yes. Itulah saya ucapkan terima kasih tadi. Apa yang saya cakap tahun 2009 kalau saya tak sebut di dalam Dewan ini rasa saya sampai hari inilah. Ini 21 orang rasa saya tak dapat. Dan duit itu bukan masuk dalam poket saya pun. Sekinchan lagi.

YB TUAN NG SUEE LIM : Minta mencelah sedikit,

YB TUAN YAP EE WAH : Ini Sekinchan dengan Bangi ni

YB TUAN NG SUEE LIM : Sebab saya, apa fakta yang dikeluarkan oleh Sungai Pelek ini mengatakan 2009 tu bulan April dia yang cakap baru kita bagi, semua ni saya rasa itu perkara yang tak betul. Sungai Burong, Sabak sebelum 2009 pun semua dapat, fakta tu ada, jadi yang kenalah ucap terima kasih, hasil rakyat untuk negeri, eh... hasil negeri untuk rakyat (Dewan ketawa)

YB TUAN YAP EE WAH : Tengok, hasil rakyat untuk sendiri Sekinchan yang sebut ni, hasil rakyat untuk sendiri

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Bukan, Tuan Speaker, hasil rakyat untuk negeri bukan sendiri

YB TUAN YAP EE WAH : Dia sebut untuk sendiri

YB TUAN NG SUEE LIM : sendiri tu putar belit, negeri itu terbalik sikit, saya tarik balik yang silap itu.

YB TUAN YAP EE WAH : Oh tarik balik bukan, putar belit

YB TUAN NG SUEE LIM : Ha.. bukan sendiri, bukan sendiri

YB TUAN YAP EE WAH : Tarik balik bukan putar belit ha..

TUAN SPEAKER : Dia proses begini Yang Berhormat, prosesnya begini Barisan Nasional pun pernah jadi kerajaan dahulu, jadi proses tu patut Barisan Nasional tahu, hasil rakyat bayar pada negeri lepas itu Pakatan Rakyat dia teruskan hasil rakyat untuk negeri tu dikembalikan, jadi hasil negeri untuk rakyat, betullah, logik, tak salah.

YB TUAN YAP EE WAH : Tak, saya dengar apa yang Sekinchan sebut hasil rakyat untuk sendiri

TUAN SPEAKER : Oh tidak, tidak

YB TUAN NG SUEE LIM : Okey dah tarik

YB TUAN YAP EE WAH : Okey, *sorry* kalau saya silap saya minta maaf Sekinchan, okey.

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat dah lebih daripada setengah jam

YB TUAN YAP EE WAH : Okey, *last*. Bantuan kewangan sekolah. Saya difahamkan apabila saya memberi sumbangan kepada SJKT di kawasan saya oleh pihak PIBG, mengatakan RM4 juta peruntukan kewangan bantuan kewangan sekolah SJKT itu tidak sepenuhnya diberi kepada sekolah SJKT. Lebih kurang satu juta atau satu setengah juta itu diberi kepada kontraktor untuk memberikan bekalan atau menjalankan seminar untuk SJKT. Kalau begitu rupa rasa saya ini pun tidak betul. Apa yang kita bentangkan di sini RM4 juta, kalau nak lantik kontraktor untuk membekalkan barangan kepada SJKT saya alu-alukan kepada SJKC saya alu-alukan, kepada SRA saya alu-alukan tetapi jangan potong bajet yang sedia ada, tambahlah sejuta ke, satu setengah juta ke untuk bekalan dan menjalankan seminar atau aktiviti yang lain. Ini yang saya dapat maklumat, rasa saya jika kalau benar, saya harap pihak kerajaan dapatlah, dapat mengusahakan mencari jalan untuk mengatasi masalah ini supaya

pembentangan jumlah peruntukan kewangan itu benar-benar sampai ke tangan pihak sekolah-sekolah yang berkenaan.

Yang akhir sekali ialah fasal yang saya nak sebut ialah pengagihan, pengagihan semua, semua peruntukan-peruntukan di dalam bajet ini kepada satu negeri Selangor. Saya ulang sekali, jangan perlu kita ADUN yang duduk di sebelah sini, bangkitkan, baru jalan seperti mana yang saya sebutkan tadi bantuan kewangan sekolah, yang saya nak tekankan di sini peruntukan untuk kampung baru, peruntukan untuk kampung tradisi 5 juta itu tengok-tengoklah kawasan Barisan Nasional di negeri Selangor. Itulah baru berbunyi hasil negeri untuk rakyat. Sekian terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang. Sungai Burong mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul peruntukan belanjawan 2011 yang berjumlah RM1,430ribu juta secara berimbang daripada hasil negeri yang dibelanjakan juga kepada RM830,000juta untuk belanja mengurus dan untuk pembangunan berjumlah RM600,000. Tuan Speaker, ahli-ahli yang berhormat sekalian belanjawan yang dikemukakan ini adalah berasaskan kepada belanjawan berimbang yang memberikan kepada penekanan kepedulian kepada rakyat dan dengan itu Sungai Burong ingin memberikan ingatan bahawa janji-janji untuk mengadakan belanja berimbang ini haruslah dilaksanakan sepenuhnya tetapi jangan hanya bila pada awal bajet dinyatakan sedemikian tetapi di akhir bajet ia telah berubah menjadi perbelanjaan defisit. Sungai Burong ingin membangkitkannya kerana pada pengalaman yang lepas dalam bajet 2009 terdapat defisit sebanyak RM65juta dan 2010 terdapat defisit sebanyak RM194juta di mana terdapat tiga kali peruntukan tambahan. Misalnya dalam 2010 pada bulan Mac 2010 terdapat tambahan peruntukan sebanyak RM69juta, bulan Julai 2010 RM117juta dan dalam bulan November tambahan sebanyak RM8juta yang menjadikan jumlahnya RM194,000juta.

Kalau Y.A.B. Menteri Besar benar-benar merasakan secara telus serta bertanggungjawab, saya harap dapatlah beri jaminan kalau ada penambahan peruntukan bajet ini pada masa depan ia hendaklah dipastikan dengan penambahan peningkatan *revenue* atau hasil bagi mengimbangi penambahan peruntukan yang telah dibentangkan tersebut. Selain daripada itu juga, pagi ini Antarabangsa ada membangkitkan bahawa dalam masa kerajaan Barisan Nasional yang lepas pun ada juga terdapat pertambahan-pertambahan bajet. Tapi saya suka ingin menyatakan bahawa pertambahan bajet yang digemburkan dalam belanjawan berkenaan 2007 dan 2008 yang telah dibangkitkan itu diiringi dengan peningkatan hasil yang menjadikan ia belanjawan yang berimbang untuk dua tahun berturut-turut. Maka ini bahawa dakwaan yang dikemukakan oleh Antarabangsa itu adalah tidak benar. Selain daripada itu juga Antarabangsa juga telah persoalan tentang dasar kerajaan Barisan Nasional yang melaksanakan bajet 2011 dengan memberikan fokus kepada projek-projek mega iaitu pembinaan kepada projek Menara Warisan yang bernilai RM5billion yang dikatakan sebagai projek yang tidak mempunyai ciri-ciri untuk rakyat.

Sebenarnya saya ingin menyatakan bahawa projek berkenaan adalah merupakan projek yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi negara. Dalam bajet yang dikemukakan terdapat sebenarnya unjuran pertumbuhan ekonomi dan berdasarkan kepada unjuran ekonomilah pertumbuhan ekonomi inilah maka ia boleh diagihkan untuk *distribution* kekayaan kepada rakyat. Walaupun begitu, kalau persoalan dikemukakan bahawa kerajaan Barisan Nasional telah melaksanakan bajet pada projek mewah maka saya ingat wajar juga Sungai Burong

persoalkan bahawa kerajaan negeri juga melaksanakan projek-projek yang megah. Y.A.B. Tan Sri Menteri Besar sendiri baru melancarkan projek 'Dotum Jelatek' yang bernilai RM1billion yang merupakan projek mewah. Pembinaan termasuk saya difahamkan pembinaan unit mewah yang bernilai RM1million bagi satu unit, terdapat juga pembinaan hotel-hotel di Keramat yang dilaksanakan oleh PKNS melalui penswastaan. Jadi, kalau begitulah pelaksanaan projek mewah yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui penswastaan saya rasa tidak ada bezanya dengan apa yang dilaksanakan oleh bajet kerajaan pusat yang melaksanakan projek 'Menara Warisan' yang juga dilaksanakan secara penswastaan oleh PNB. Mengapakah perkara ini perlu dipersoalkan? Selain daripada itu juga, Antarabangsa juga telah mempersoalkan tentang penyelewengan pembelian harta di Arab Saudi iaitu di Makkah yang telah diperolehi oleh hartanah anak syarikat negeri Selangor iaitu PNSB dan juga TADV. Dan kemudiannya telah diselesaikan pembayarannya. Tapi melihat dengan pada laporan audit apa yang dipersoalkan ialah mengapa projek-projek itu tidak disewakan. Sebenarnya pada pendapat Sungai Burong pelaburan di dalam apa-apa juga bangunan di Kota Makkah itu adalah satu pelaburan yang cukup baik. Sebenarnya hari ini pun kalau hartanah itu dijual ia dapat memberikan pulangan yang berlipat ganda kepada anak syarikat kerajaan negeri iaitu PNSB dan juga TADV. Saya rasa orang terutamanya masyarakat Islam ataupun Islam yang tahu bahawa harta di Kota Makkah itu adalah menjadi rebutan. Kalau hari ini kita tidak membeli, orang lain akan berebut untuk membelikan harta tersebut kerana mempunyai nilai pulangan yang sangat lumayan dan inilah yang telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional. Apa yang sepatutnya dilakukan dan saya ingin mengesyorkan supaya pastikan ia diuruskan dengan baik.

Kalau kita boleh mengutip sewaan, kalau dilaksanakan dengan pengutipan sewaan kepada orang yang mengerjakan haji, sudah tentu projek ini orang kata bulat-bulatlah dapat untung. Dan ini tidak akan memberikan satu kerugian malah saya ingin menyatakan *react to value for money*. Ini yang merupakan prinsip dengan izin ini yang merupakan prinsip yang diasaskan oleh kerajaan pembangkang di Selangor ini. Jadi, selain daripada itu juga saya sebenarnya dah lepaslah ni ya dia punya *edah* (tutup mulut). Terima kasih Tuan Speaker. Saya Cuma semalam diminta untuk membuktikan. Saya ada buktinya tapi kalau ditutup kes ini, saya tutuplah ya. Sebab saya dapat maklumat semalam Adun Sekinchan kata saya 'bacul' sebab tak memberikan maklumat untuk membuktikan tentang tuduhan atau pendakwaan saya yang buat. Tapi kalau misalnya tutup kes ini, saya tutuplah. Tapi saya ada maklumat itu depan saya. Saya nak bagi tahulah kepada dewan yang mulia ini. Berbalik kepada soal bajet yang dibentangkan, bajet ini menekankan kepada banyak perkara-perkara tentang ketelusan urus tadbir yang baik (*good governments*), transparensi, penanggung jawapan dalam pentadbiran kewangan negeri tetapi kita haruslah memahami apakah itu sebenarnya yang dikatakan sebagai urus tadbir yang baik supaya ia dapat dilaksanakan dan dihayati dengan sepenuhnya dan mungkin ia tidak hanya menjadi slogan sahaja. Ataupun mungkin dilaksanakan tetapi dilaksanakan dengan keadaan *double standard* ataupun tidak menurut keadilan.

Tuan Speaker, saya ingin cenderung menggunakan istilah tadbir urus atau *governments* untuk menilai perjalanan kerajaan negeri. Berilah peluang saya untuk mengemukakan rekod perjalanan beberapa dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam tempoh setahun mulai tahun ini untuk pastikan bahawa ia adalah selaras dengan urus tadbir yang baik. Mengikut definisi *world bank* tadbir urus sebagai penggunaan kuasa politik dan sumber-sumber institusi dalam mengurus masalah dan perkara berkaitan masyarakat. Dalam konteks Selangor, institusi-institusi yang ada kuasa *legalist rive* dan *executive* perlu ada amalan tadbir urus *government* yang baik seperti institusi Dato' Menteri Besar, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga anak-anak syarikat kerajaan negeri. Tadbir urus

adalah penting untuk memastikan institusi yang mendukung kerajaan dan berkhidmat untuk rakyat sentiasa berjalan mengikut kehendak perundangan, peraturan, memenuhi aspirasi rakyat dan objektif penubuhannya. Walaupun tadbir urus bersifat konseptual, tetapi baik dan praktikal bagi teras pegangan prinsip sesebuah pentadbiran kerajaan tapi janganlah kita mendakwa hanya kitalah yang bagus tentang urus tadbir suatu pentadbiran seolah-olah kita malaikat dan kadang-kadang malaikat dan kita mengharapkan orang lain semuanya tak betul. Berasaskan pada ini saya ingin menekankan empat teras elemen dalam menghidupkan amalan tadbir urus yang baik iaitu yang pertama dengan izin transparensi ataupun ketelusan. Yang kedua *accountability* (kebertanggungjawaban), ketiga *participation* (penyertaan) iaitu *state holder* rakyat dan pihak yang berkepentingan turut terlibat dalam proses membuat keputusan. Dan keempat *predictability* ataupun kebolehjangkaan di mana prosedur kerja, peraturan dan aspek perundangan hendaklah jelas, mudah dan paling penting konsisten bagi memenuhi harapan rakyat dan pelanggan. Berdasarkan dengan prinsip ini saya ingin menunjukkan bahawa manifesto pakatan pembangkang rakyat sejak dua tahun lalu sehingga kini telah melihat bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dalam urus tadbir yang baik.

Pertama dari segi janji-janji untuk mengutip hasil pasir yang bernilai RM150juta setahun. Yang ini sangat penting tapi apabila kita telah berjanji ia telah gagal dilaksanakan dan menimbulkan persepsi seperti ia adalah suatu pembohongan. Kedua, Syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang menguruskan industri pasir ini didapati mengamalkan tadbir urus korporat yang tidak baik kerana pemberian bonus yang begitu tinggi berdasarkan unjuran keuntungan. Yang ketiga, kerajaan negeri tidak beretika kerana membeli hutang kepada syarikat korporat Talam Corporation dengan menggunakan wang kerajaan ataupun duit rakyat berjumlah RM39.92juta walaupun Y.A.B. Menteri Besar mempunyai alasan-alasan yang tertentu mengenainya. Keempat, terdapat ugutan kerajaan negeri kepada Yayasan Basmi Kemiskinan atau YBK Selangor untuk tidak meluluskan pembangunan kampus cawangan UiTM di Serendah jika permintaan menstrukturkan lembaga pengarah mereka ditolak.

Jika ini benar, ini merupakan satu tindakan yang tidak bermoral dan beretika. Kerajaan negeri merampas tanah Yayasan Basmi Kemiskinan dan memulangkan bayaran cukai tunggakan berjumlah RM5.7juta yang telah dijelaskan. Kegagalan kerajaan negeri menaikkan manifesto pakatan pembangkang Selangor antaranya gagal menurunkan cukai taksiran sebanyak 20 peratus untuk kediaman dan 10 peratus untuk komersial dan ini juga dilihat sebagai dari satu persepsi sebagai satu pembohongan. Dakwaan wujudnya sehingga lebih 4,000 premis pusat hiburan yang beroperasi di Selangor termasuk yang haram. Pelbagai laporan media tentang operasi mereka yang menyalahi namun tiada tindakan berkesan dari segi kerajaan untuk membanterasnya. Lima orang Adun BN digantung perkhidmatan dan kemudian elauannya ditarik balik kerana menghina SELCAT. Tapi pada masa sama Y.B. Gombak Setia, Y.B. Cempaka dan dari pakatan pembangkang tidak pula dikenakan tindakan walaupun telah mengkritik SELCAT kerana mendakwa sesi penerangan tersebut telah memalukan penjawat awam. Seterusnya Dato' Menteri Besar menggunakan anak syarikat negeri untuk membiayai program 'sedekah lembu korban' untuk surau dan masjid parlimen Bandar Tun Razak. Seterusnya Pegawai Tugas Khas Menteri Besar didakwa menggunakan kepala surat Pejabat Menteri Besar menyokong pembelian kontrak dan tender pembersihan dan kutipan sampah di kawasan Petaling Jaya. Parti Keadilan Rakyat ataupun PKR menggunakan kepala surat Pejabat Menteri Besar Selangor untuk mengutip dana Selangor PKR sewaktu sambutan 100 Hari Pentadbiran 3 parti itu di Selangor. Padahal ini merupakan program kerajaan negeri. YB EXCO Selangor campur tangan dalam tindakan penguatkuasaan Majlis Bandaraya Shah Alam atau MBSA merampas 70 tin dan botol minuman keras daripada sebuah kedai serbaneka 7 *Eleven* di Seksyen 8. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan bahawa SPRM Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia hanya boleh membuat siasatan di pejabat

mereka yang terbabit dalam waktu pejabat sahaja antara pukul 8.00 hingga 6.30 petang. Kerajaan negeri telah mencampuri agensi yang dipertanggungjawabkan menyasiat kes-kes rasuah menjadi hak SPRM untuk membuat siasatan mengikut budi bicara mereka seperti yang termaktub dalam akta. Pengisytiharan Aset EXCO Kerajaan Negeri yang belum dilaksanakan sepenuhnya. Janji asal mahu isytiharkan semua harta kepada rakyat.

Seterusnya reaksi dan tindakan kerajaan negeri kurang responsif apa lagi proaktif terhadap Titah Baginda Yang Maha Mulia Sultan. Baginda telah menegur jangan jadikan masjid dan surau gelanggang politik dengan memperlekeh enakmen-enakmen berkenaan Agama Islam terkini dan melarang Orang Bukan Islam berucap dalam masjid. Dan seterusnya YAB Dato' Menteri Besar tidak membuat laporan Polis terhadap isu intipan berkamera di pejabat beliau. Ini telah menimbulkan tanda tanya kerana Institusi rasmi seperti Menteri Besar tidak dilindungi. Jika benar kerajaan negeri berkata, menjadi hak rakyat untuk tahu berbangga dengan enakmen kebebasan maklumat dan mahu mendukung inspirasi ketelusan, kebebasan maklumat adakah kamera akan dipasang di setiap Pejabat EXCO dan pergerakan mereka boleh dilihat melalui TV Selangor. Dan yang terbaru, selain yang dibangkitkan oleh teman-teman saya di Yayasan ialah tentang surat-surat sokongan kontrak, isu penggunaan kepala surat dan cop rasmi YB EXCO Pandamaran oleh seorang ahli majlis untuk sokongan mendapat kerja kontrak dari Majlis Perbandaran Klang dan isu Pengerusi JKKK Kg. Baru Pandamaran mengeluarkan surat sokongan untuk membolehkan syarikat miliknya mendapat kerja serta penyelenggaraan pembersihan.

Tuan Speaker, pada hemat saya tadbir urus kerajaan negeri Pakatan Pembangkang sudah tercemar oleh rintitan-rintitan berbagai isu yang saya sebutkan tadi. Kredibiliti kepimpinan dan juga kerajaan seterusnya sudah terobek, terjejas dan ia tidak boleh diselesaikan sekadar menunjukkan alasan dan dalih. Untuk itu kerajaan negeri diseru untuk menunjukkan fokus dan berpegang teguh seterusnya kepada Teras Tadbir Urus di samping berpegang kepada janji-janji mereka sera menghindarkan penyalahgunaan kuasa yang bertentangan dengan nilai moral etika perjalanan tadbir urus kerajaan yang baik. Saya lihat kerajaan negeri mesti menjawab isu-isu yang dikemukakan dengan telus dan bertanggungjawab tetapi janganlah memesongkan isu-isu ini kepada menyalahkan Barisan Nasional ataupun Parti UMNO ataupun Parti Komponen-Komponen Barisan Nasional sebagaimana telah pun di sebutkan oleh Sdr. Zaid apabila beliau telah meletakkan jawatan untuk daripada jawatan PKR dan bertanding Naib Presiden, Timbalan Presiden maaf ya. Dan akhirnya saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas pelantikan saya pada mesyuarat Dewan lepas sebagai Ketua *Public Account Committee* ataupun Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri ataupun PAC Dewan Undangan Negeri. Tapi saya telah menolak jawatan tersebut atas prinsip yang telah disebutkan dan saya telah mengemukakan surat rasmi saya pada 28 Ogos 2010. Hari ini saya pulangkan kembali di Dewan yang mulai ini untuk membuat pelantikan mencadangkan pengerusi yang baru. Saya menyokong sekiranya Pengerusi yang lama di lantik semula kerana beliau YB telah menjalankan tugas dengan begitu baik sekali. Kalau nak lantik saya sebagai Ahli Jawatankuasa, saya akan memberikan kerjasama dan tugas yang terbaik demi memastikan pemantauan kepada kewangan negeri Selangor ini dapat berjalan dengan baik. Kalau tak dilantik pun tidak apa juga saya akan bertugas sebagai Ahli Dewan Negeri ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, YAB. Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati yang saya muliakan. Salam Sejahtera dan Salam Reformasi. Sekinchan ingin turut serta dalam

membahaskan bajet 2011 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada sidang ini dan kandungan bajet pada kali ini berimbang dan bertema Hasil Negeri untuk Rakyat berdasarkan butiran dan faktor-faktor serta angka-angka yang dibentangkan ia memang tepat pada sasarannya di samping skopnya yang luas merangkumi semua aspek sosial, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan. Memang selalunya kekayaan hasil negeri wajib diagih secara adil dan saksama kepada seluruh rakyat negeri Selangor kesemuanya ini adalah selaras dengan matlamat untuk merealisasikan Selangor negeri idaman maju sejahtera dan berkeadilan. Sebelum saya pergi kepada perkara-perkara yang ingin saya sentuh ingin saya membalas beberapa perbincangan daripada pihak pembangkang yang tidak berdasarkan faktor dan yang pertamanya saya ingin respons membalas perbincangan yang disampaikan oleh YB Kuang tadi yang menyentuh tentang mempertikaikan kos perubatan yang YB Damansara Utama yang dikatakan RM300,000 lebih. YB Damansara Utama telah mengalami untuk pengetahuan Dewan telah mengalami kemalangan dan sudah berubat di hospital dan kita sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor tidak kira sama ada daripada pihak Kerajaan ataupun pembangkang sewajar kita merakamkan simpati kita sesama wakil rakyat dan mendoakan agar cepat pulih, cepat sembuh daripada kecederaan yang berlaku dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, dan hak dan keistimewaan Ahli Dewan, kerajaan memang wajib memberi tanggungan kos perubatan. Kalau sekiranya hari ini perkara yang sama berlaku terhadap mana-mana wakil rakyat daripada pembangkang, MCA dan sebagainya Sg. Pelek seandainya janganlah, seandainya. Kerajaan pun wajib ya membayar kos perubatan. Jangan cakap RM300,000 , RM 500,000, RM 1 juta pun kita kena bayar sebab tanggungjawab kerajaan. Ini memang sepatutnya kerajaan yang bertanggungjawab.

TUAN SPEAKER : Bagaimana Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh, bagi...

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih, Tuan Speaker, terima kasih Sekinchan. Saya setuju dengan pendapat Sekinchan, semua kebajikan wakil rakyat DUN harus dipelihara. Tetapi saya pernah tanya, Pejabat DUN, apabila saya menjalani rawatan mata saya di Tun Husein Onn rupa-rupanya tak boleh, itu *private*, swasta kena bayar sendiri kalau pergi ke hospital kerajaan, boleh. Apa yang dibangkitkan oleh Sekinchan, rasa saya kita ambil *note* dan kajilah semula. Semualah rasa saya, saya semua Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor ini sepatutnya diberi perlindungan perubatan ini. Terima kasih.

YB TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS : Tuan Speaker, boleh. mohon penjelasan..

TUAN SPEAKER : Nanti dulu, sebab Sg. Pelek sebut aaa Pejabat DUN, DUN saya kena baritahulah kalau YB pergi Pejabat DUN, pejabat DUN memang jawab mengikut undang-undang, undang-undang memang tidak boleh, ya kos rawatan perubatan untuk ADUN hanya di hospital kerajaan tapi YB Damansara Utama dia mohon daripada EXCO, itu lain. EXCO lain, Pejabat Dewan lain, jadi itulah sebabnya jadi jangan melibatkan Pejabat Dewan. Setiausaha Dewan kita, dia ikut undang-undang. Undang-undang tak boleh, undang-undang ini diluluskan dari dulu sudah. Bila Barisan Nasional jadi kerajaan dahulu undang-undang hanya kos perubatan untuk ADUN hanya untuk kita kerajaan sahaja kalau nak swasta kena mohon permohonan kepada EXCO.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker, baru saya tahu boleh mohon, saya akan mohon lain kali.

TUAN SPEAKER: Banyak, YB tak tahu...jangan tuduh sembarangan. Aaa ok silakan ni .

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya harap, YB Sg. Pelek kita sama-sama mempertahankanlah mana pun kita ada capai kata sepakat memandangkan undang-undang yang di tetapkan oleh kerajaan yang lalu mengatakan wakil rakyat hanya dibenarkan menggunakan perubatan hospital kerajaan *first class* kecuali ada permohonan, ada surat doktor dan permohonan ke MMKN baru boleh dipertimbangkan. Ini kelazimannya saya harap Sg. Pelek maklum dan YB Damansara Utama ini memang dipohon permohonan dibuat MMKN luluskan dan saya harap YB Kuang dalam konteks ini kita wajib sama-sama pertahankan dan jangan kita mempertikaikan perkara tersebut.

YB TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS : Mohon laluan, untuk penjelasan. Jadi boleh ke kalau sekiranya YB Sg. Pelek dan saya pun baru buat rawatan untuk anak hantar klim kepda EXCO barangkali boleh.

YB TUAN NG SUEE LIM : Itu saya harap pihak EXCO nanti yang akan jawablah sebab saya belum taraf EXCO lagi ya. Harap maklum YB Kuang. Ok sebab isu yang saya

YB LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya kepada YB Sekinchan, adakah Sekinchan tahu bahawa kes yang dihadapi oleh YB Damansara Utama ini ada *special* kes iaitu kemalangan itu berlaku YB Damansara Utama menghadiri satu program kerajaan iaitu program Perasmian Pembersihan Sungai Klang. YB Damansara Utama merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa di dalam program pembaharuan semula Bandar dan juga program pembersihan Sg. Klang. Jadi kemalangan itu dialami oleh beliau semasa beliau bertolak dari Klang balik ke kawasan bukan hospital, ke tempat dia bekerja. Jadi adakah YB Sekinchan tahu tak ini adalah satu, mungkin ramai yang belum tahu lagi. Dia punya perbezaan

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Kampung Tunku atas ingatan dan harap kita Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dapat maklumlah perkara ini yang termasuk YB Kuang ni kita dapat maklum sebab kita sebagai bertugas sebagai seorang Dewan Negeri kita bertanggungjawab kepada rakyat dan apa-apa masalah yang kita hadapi pun sewajarnya kerajaan harus bertanggungjawab dan boleh dipohon sekiranya perlu dan apa yang hendak saya pertikaikan YB Kuang tadi, patut kita simpati seperti kes saya juga dipukul oleh samseng-samseng UMNO. Samseng-samseng UMNO yang diketuai oleh Setiausaha Politik

YB TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS : Saya mohon laluan, ada ke cop di dahinya orang UMNO, pukul YB, kalau YB masuk kawasan, kalau berniat baik, disambut baik, tapi YB masuk kawasan buat demonstrasi, mana mungkin Polis boleh ramai hari itu, YB, niat buruk mesti di balas buruk. Jangan YB fakir UMNO, ada ke tulis di dahinya UMNO. Ada ke tulis UMNO.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya semalam dalam perbahasan dalam usul berkembar, saya dah beritahu ada surat, laporan Polis mengatakan ahli-ahli UMNO yang jumpa saya, dan mengatakan saya adalah ahli, ahli kampung sawah sempadan selatan dan itu sudah cukup memadailah yang pentingnya keterlibatannya seorang Setiausaha Politik daripada YB Menteri Pertanian ada di situ dan mengarahkan kumpulan tersebut itu yang paling penting. Sampai hari ini Menteri Pertanian mengarah ada di situ dan mengarahkan kumpulan tersebut. Itu yang paling penting. Sampai hari ini Menteri Pertanian tidak menafikan perkara ini. Jadi Yang Berhormat Kuang tidak perlu nak cuba bodek tu tak perlulah. Yang pentingnya budaya ampurism dan bodekrism tidak perlu diperlebar dan diperluaskan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS : Yang Berhormat masuk kampung niat tak baik buat demonstrasi. Pasal apa sibuk kawasan orang lain. Jagalah Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya bagi peluang, cakaplah. Tengok mentaliti. Saya masih mempertikaikan daripada semalam hingga hari ini mentaliti daripada Sungai Panjang daripada Sungai Burong tak betul.

TUAN SPEAKER : Eh Yang Berhormat Kuang, dia dah bagi celah bagilah dia jawab.

YB TUAN NG SUEE LIM : Sabar-sabar saya bagi balik. Saya bukan malaikat, tidak sempurna semua tapi saya kenyataan, realiti.

TUAN SPEAKER : Bertenang, tenang, teruskan, teruskan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Bagi saya nak jelaskan di sini sampai hari ini pun Yang Berhormat Menteri tidak menafikan. Perkara yang macam ini yang kita sepatutnya sama-sama kita tegah. Kata niat saya datang nak buat demonstrasi itu, mana ada bukti, saya nak jumpa dengan petani di kedai kopi.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya boleh tunjuk bukti, mesej-mesej saya boleh tunjuk, saya boleh tunjuk. Niat buruk, bila niat baik masuk kampung orang baik, bila niat buruk orang buruk...

TUAN SPEAKER : Baik-baik duduk, duduk, sila duduk. Yang Berhormat Kuang. Yang Berhormat bangun ulang niat jahat-niat jahat buruk, tiada *point* baru ke. Ada *point* baru saya bagikan lagi. Janganlah kacau dengan cara itu. Yang Berhormat nanti saya cakap

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Yang tak baik semuanya UMNO. Yang buruk semua UMNO. Bagi rasuah UMNO.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat jangan kacau gini. Yang Berhormat tadi saya bagi peluang untuk Yang Berhormat berbahas. Dengarlah Yang Berhormat Kuang, saya bagi, saya tak had masa pun, tak had masa tapi tadi Yang Berhormat ambil dua puluh minit sahaja. Bagi peluang tak gunakan dengan sebaiknya. Orang cakap nak ganggu, ulang-ulang *point* yang sama. Yang Berhormat Kuang jangan, jangan cubalah, jangan. Dia buruk solah lain lah. Yang Berhormat kalau niat buruk gunalah peraturan ada peraturan di bekalkan seorang satu. Yang Berhormat janganlah jangan. Yang Berhormat saya tahu sekarang ini kita ada siaran secara langsung Yang Berhormat nak saya halau Yang Berhormat itu sahaja. Besok keluar surat khabar itu saja, itu taktik lamalah tu. Cuba lah taktik baru ya. Ya, Yang Berhormat cukup ya. Yang Berhormat Batang Kali pun bangun cakap saya tak nampak. Bangun tanya soalan pun saya tak nampak, bangun kacau orang saya nampak. Yang Berhormat, Yang Berhormat Batang Kali jangan, itu perangai bukan baik punya. Ini siaran langsung orang tak tengok. Yang Berhormat soalan tak tanya, berbahas tidak mahu, bila orang cakap UMNO tidak boleh. Tadi orang marah DAP, marah PKR sama, sama-sama. Kalau dia, kalau-kalau orang Barisan boleh marah orang PKR, OPR, OPR boleh marah balik. Itu saja sama. Jadi saya mintalah Kuang tengok ni, tengok perangai menteri macam mana. Kita semua-semua ADUN. Kita dalam dewan ini kalau nak sindir orang kenalah orang sindir kita terimalah itu hakikatnya. Saya pun pernah jadi pembangkang, itulah nasibnya. Saya simpati dengan Yang Berhormat. Ya terimalah ya itu takdir kita. Takdir kita kadang-kadang kita terima ya kalau tuhan kata kita pembangkang, kita pembangkanglah. Kalau tuhan kata kita kerajaan, kita kerajaanlah kita serah kepada tuhan. Hari-hari kita sembahnya buat apa. Kalau perangai tak macam itu. Aah baik lah saya minta Yang Berhormat Sekinchan teruskan ya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Jadi dalam insiden yang berlaku terhadap saya ini memang kenyataan itu tidaklah dapat di sangkal. Walau bagaimana pun Kuang dia marah tak pa lah bagi dia marah ya. Tapi yang pentingnya kita sama-sama sebagai ADUN, mana-mana ADUN kalau dipukul oleh samseng kita kena rakamkan simpati. Ha ini lah sepatutnya. Satu semangat antara ADUN pembangkang dan kerajaan seharusnya ada tapi bukanlah macam perangai seorang menteri tu kata padan muka. Ha itu lah perangai menteri yang saya kata yang tiada sedikit langsung ruang simpati dan taraf kekampungan, itu yang saya kata. Yang saya nak tegaskan....

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Sebenarnya apa yang berlaku ini semalam kita ada satu usul kalau Kuang nak bercakap tentang hal ini boleh mengambil bahagian dalam perbahasan semalam.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Tak payahlah, tak payah nak ulang lagi. Ni,ni Damansara tak payah ulang, tak payah nak ulang naik darah saya. Tak payah nak ulang. Tak payah saya, sengaja nak naik darah saya.

TUAN SPEAKER : Duduk, duduk, cukup lah. Seluruh dunia tengok. Kalau Yang Berhormat tak malu, saya malu. Sila ya Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ini lah sebab kita nak tenangkan kembali keadaan saya cuma saya nak nyatakan tadi ya semua kena ada simpati bukan cara yang dalam bahasa cina "*leng sing tong*" tak ada langsung rasa simpati dalam kes Yang Berhormat Damansara Utama kita juga ada harusnya ada satu pendekatan yang sama. Dan seterusnya Tuan Speaker ingin juga saya membalas sedikit tentang yang elaun yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang elaun-elaun ahli majlis sudah dinaikkan di zaman Pakatan Rakyat sudah tinggi dulu waktu zaman Barisan Nasional elaunnya setakat lebih kurang lima ratus ringgit sekarang sudah naik bergandalah kononnya begitu. Bagi saya ini bukan soal untuk memberatkan, membebankan kewangan kerana kerajaan Pakatan Rakyat kita pentingnya ketelusan ya, kebertanggungjawaban, keupayaan, makna nya kita mencegah elemen-elemen yang tidak baik, maka tetapi pada dulu saya tahu yang saya tahu kerajaan Barisan Nasional dulu walaupun elaun lima ratus tapi mereka campur dengan apa, projek-projek. Projek-projek campur dengan projek-projek semua yang kita tak nampak, itu bukan lima ratus itu hanya simbolik, simbolik lima ratus. Ha ini masalahnya. Ha.. semua orang tahu perkara ini. Dan ini juga saya nak balas kepada Sungai Panjang, tapi saya cuma saya hairan saya kesal sebagai ketua pembangkang yang seharusnya menjalankan tanggungjawabnya dengan baik, amanah, bertanggung jawab. Saya tak bagi laluan dulu sebab saya nak marah, nak bagi tahu Sungai Panjang ini. Saya tak bagi laluan, patut hadir ke dalam sidang dewan. Semalam waktu berucap kita bagi ruang seluas-luasnya. Mana ada pembangkang dulu zaman-zaman saya pembangkang, ditakdirkan pembangkang dengan Yang Berhormat Speaker dulu mana ada masa sampai bagi tanpa had. Dulu lima belas minit duduk habis masa. Lebih-lebih setengah jam itu ketua pembangkang kapasitinya. Sekarang kita bagi satu jam setengah, dua jam tapi apabila habis dia cakap, cabut. "*melayu maringdi emboh*" pergi mana tak tahu. Tak berani menghadapi. *Wrong time* kan cabut. Saya bagi Sungai Pelek sebab kawan saya Sungai Pelek ini.

YB TUAN YAP EE WAH : Saya cuma nak maklumkan di dalam dewan ini Yang Berhormat Sungai Panjang *admitted* di hospital kena denggi bukan sengaja tak nak datang. Jadi janganlah ada tafsiran yang tidak baik.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ok. Kalau Sungai Pelek beritahu kita Yang Berhormat terima kasih atas maklumat Yang Berhormat Sungai Panjang ada masalah kesihatan dan sebagainya kita minta dia cepat sembuh boleh datang ke mari doakan, kita doakan ayat lebih sempurna, kita doakan dia cepat sembuhlah. Tapi semalam sebelah petang tu saya nampak dia terus hilang. Kalau ada masalah kesihatan saya rasa selepas cakap pun dia tak boleh cakap. Ini masalahnya. Tak apa. Yang pentingnya saya nak bagi tahu Yang Berhormat Ketua Pembangkang mempertikaikan bajet Negeri Selangor memperuntukkan lima puluh lapan peratus untuk pengurusanlah dan sebagainya. Tapi kita nampak bajet, bajet yang dibentangkan di Parlimen berapa peratus pengurusan. Tujuh puluh, tujuh puluh lima, bagaimana cuba cerminkan dulu. Bajet mana yang lebih. Stabil dan seimbang yang ini yang perlu ini renung balik sendiri perkara ini. Dan sampai hari inilah saya nak bagi tahu walau pun kita dalam surat khabar kita nampak dalam ucapan ini mengatakan dulu Selangor sewaktu Pakatan Rakyat mengambil alih kita di sinis, disindir, dipandang remeh kononnya kita bagi air percuma.

Tuan Speaker tiga bulan bankrap, tiga bulan bankrap, bankrap "*wong jowo ngomong*" dengan izin. Tapi hari ini dekat tiga tahun dah kita masih komited, konsisten bagi air percuma. Inilah janji Pakatan Rakyat untuk rakyat. Dan sekarang timbul pula isu daripada Ketua Pembangkang, Selangor bakal bankrap. Sebelum pilihanraya inilah antara tuduhan-tuduhan yang tidak berasas daripada Sungai Panjang. Tetapi Sungai Panjang tidak nampak sampai hari ini tidak menjawab bagaimana beliau waktu menguruskan negeri Selangor memperuntukkan tanah kepada Talam Corporation dan sebagainya dan akhirnya menggunakan wang dalam laporan SELCAT menyatakan PNSB dan sebagainya satu perpuluhan sembilan juta wang rakyat diperuntukkan digunakan untuk pergi lawatan teknikal Disneyland, Miami, Orlando, Monoco tidak cukup dengan seorang diri bersama anak, bini bersama lagi pembantu rumah "*ser one ler*" apakah jenis ini.

Kita gulung balik bagaimana Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Menteri Besar kita Yang Berhormat Ijok, beliau mengamalkan pentadbiran tadbir urus yang baik berhemah, cekap dan beliau bukan sahaja mementingkan wang rakyat untuk *value for money* dibelanjakan, beliau mengasak bagaimana akaun-akaun dulu yang ditinggalkan dan menemui beberapa syarikat kawan baik Sungai Panjang Talam Corporation, Tan Sri Tan Ah Chai yang hutang kepada kerajaan lebih daripada enam ratus juta lebih lah angka tersebut tidak ada dalam akaun jumlah tersebut tidak bercatit. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita berusaha bertungkus lumus kembalikan semua ini memperbetulkan kepincangan ini akhirnya berjaya mengutip, meminta mengarahkan Talam Corporation bayar balik hutang-hutangnya yang telah lesap entah ke mana. Tiga ratus sembilan puluh dua juta untuk kita gunakan kebajikan kepada rakyat. Inilah bukti keikhlasan kerajaan Pakatan Rakyat. Seterusnya saya juga ingin nak menjawab sedikit tentang apa yang berlaku dalam insiden saya sebelum saya pergi mengupas isu-isu yang lain di mana saya dikatakan saya pergi untuk berdemonstrasi dan sebagainya. Sebenarnya saya nak bagi tahu dewan yang mulia ini, saya pentingkan tentang masalah petani, masalah petani wajar kita, wajib kita pertahankan hak mereka. Setahun hanya dua kali musim menuai setiap enam bulan dua kali sahaja musim menuai. Mereka menanti masa ini untuk mendapatkan hasil untuk menjaga keluarga anak bini mereka dengan hasil menuai tersebut dan sebagai seorang Menteri Pertanian wajib bertanggungjawab mempertahankan hak petani. Rungutan daripada petani tidak kiralah Sawah Sempadan ke, Sekinchan ke, Sungai Panjang ke, Sungai Besar ke, wajar kita ambil penyelesaian walaupun ada banyak dialog-dialog yang sudah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri. Tapi dialog sahaja makan lebih, tapi penyelesaian tu. Tak ada. Pokok pangkalnya di mana Tuan Speaker, pokok pangkalnya kita dah siasat kerana kroni-kroni dipentingkan. Saya boleh nyatakan dengan fakta. Saya bagi Sungai Burong lah.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : saya nak minta penjelasan, apa sal sangat nak marah dengan Menteri Pertanian ni. Baja dapat, bajak dapat subsidi ni, racun dapat masalah siput kundang bila datang suruh kutip, jual akan dibeli oleh Exco ya... itu negeri bantulah. Racun bila kena Bena Perang dapat subsidi ya.... atas itu

YB TUAN NG SUEE LIM : itu saya tak layan kalau nak

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : saya nak dapat penjelasan

YB TUAN NG SUEE LIM : menteri pertanian itu di Parlimen boleh diterangkan dasar dia, bagaimana subsidi dan sebagainya. Saya nak pertikaikan perkara lain, jadi tak bagi laluan macam itulah

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : ialah

YB TUAN NG SUEE LIM : jadi saya tak bagi laluan macam itulah, tanya jawapan begini sana... ..

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : tak bagi laluan.....

YB TUAN NG SUEE LIM : tak bagi

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : tak bagi tak apa

YB TUAN NG SUEE LIM : terima kasih Sungai Burung kerana telah memberi kerjasama. Jadi saya, kita mintalah Yang Berhormat Menteri Pertanian tolonglah, kita kekalkan satu mekanisme jangan setiap musim ada masalah, kononnya saya nak jadi jaguh, nak jadi hero, kalau masalah petani ini diselesaikan secara holistik, secara satu, gunakan satu karisma untuk menang-menang untuk dua pihak, saya rasa petani tidak akan merungut, tidak akan kompelin terhadap saya, tak ada tak mungkin, sekarang petani mengeluh, harga padi 1150 satu tan, satu tan di Sawah Sempadan, sewajarnya 1300 musim lepas pun 1250 sewajarnya dan potongan, baru hari ini saya tahu, berita yang saya dapat hari itu saya nak berdialog tak sempat, berita yang saya dapat lebih 17, ada 25 tetapi Yang Berhormat Menteri jawab dalam Malaysia Kini dalam sidang media di Parlimen semalam, beliau jawab potongan 20, 25 dan ada dua orang 30%, masya-Allah tingginya. Kalau begitu 17 dengan 30 kalau ilmu hisab cuba kita kira, berapa lebihnya maknanya hasil petani pasti akan berkurangan dan pendapatan mereka akan berkurangan, bagaimana kita nak membela nasib mereka. Tak mungkin pihak BERNAS akan salahkan, oh kononnya padi tersebut kurang masak dan sebagainya, mutu tidak baik, pokok pangkalnya di mana, puncanya di mana, puncanya saya dah selidik dah padi angin yang berleluasa, masalah padi angin, dari mana padi angin itu datang, padi angin itu datang daripada bukan daripada langit, padi angin itu datang angkara, angkara apa? Angkara padi benih yang tidak berkualiti, yang tidak berkualiti.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat nak tanya sikit kita.... memandangkan masa sudah 4.30 kita perlukan wakil daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul melanjutkan masa.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan 26 (4) dalam

Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah melanjutkan sehingga selesai perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan 2011 – 2010 atau selewat-lewatnya pada jam 7.00 malam.

YB TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “tidak”. Dipersetujui. Ya, Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : terima kasih Tuan Speaker. Masalahnya benih padi yang tidak berkualiti, padi benih tu, yang disalurkan, yang dibekalkan kepada petani, akhirnya padi angin melambak dan hasil kurang menggalakkan. Puncanya di mana, puncanya kita bagi, Dasar Kementerian, bukannya saya nak marah dengan menteri pertanian, tidak saya tidak ada dendam kesumat dengan menteri pertanian. Saya nak tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, tak ada saya cuma nak beritahu kenapa kita jaga suku sakat kita, kroni kita, bagi subsidi, subsidi benih padi, padi benih 17,000 tan bagi satu Syarikat Haji Mohd Nor, Parit 8, Taliair 8, walhal beliau tidak mempunyai kemampuan sebegitu besar untuk menerima kapasiti yang besar itu dan lepas dapat 17,000 tan subsidi tiba-tiba kereta besar pula keluar, ini bukan saya nak tuduh, tapi inilah masalahnya. Akhirnya kualiti tidak dijaga, padi benih tidak dijaga, kroni yang dijaga....

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker boleh mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya.

YB TUAN NG SUEE LIM : ini yang menjadi masalah

TUAN SPEAKER : Permatang macam mana.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : terima kasih Sekinchan sebab kita pun berjiran juga, sama jaga kawasan padi. Tuan Speaker saya mohon penjelasan sedikit daripada Sekinchan. Sebenarnya isu mengenai padi angin ini sama ada 17, 18, 19, 20 dan sebagainya itu bukan ada satu ketetapan, dia bergantung pada gred yang dibuat di kilang. Kalau seorang pesawah grednya 17, 17lah, kalau 20, 20, kalau 30, 30, dia bergantung kepada kualiti yang ada pada pesawah berkenaan kalau padinya, padi tak elok sudah tentulah gred pemotongannya tinggi, ini tidak boleh disalahkan, ini tidak ada purata kepada semua pesawah akan mendapat gred yang sama 30 ataupun 25. Saya ingat ini Sekinchan kena betulkan, yang dibuat gred ini di pintu kilang, kalau kebetulan dia 17, 17 kalau 18, 18.

Yang kedua mengenai harga padi sebenarnya sebagaimana semalam Sungai Burung telah terangkan mengenai harga padi dia bergantung kepada pasaran, permintaan dan penawaran, tidak ada halangan tetapi Kementerian sudah tentukan harga minima mesti lebih daripada RM700.00 itu yang ditentukan oleh Kementerian tak ada salah dengan Dasar, RM750.00 itu harga minima tidak boleh dibeli di bawah harga RM750.00. Soalnya sama ada RM1,100.00, RM1,150.00, RM1,250.00 bergantung kepada pasaran dan ini sebenarnya Sekinchan kena jelas dan tidak boleh buat manipulasi kepada Dewan ini. Ini kena terang kena jelas dan gred ditentukan gred sewaktu di pintu kilang bukan secara purata semua orang di Sawah Sempadan akan dapat gred 23 semua, dapat 23 tidak hanya di gred apabila sampai di kilang.

Yang ketiga mengenai isu, saya pun nak bertanya mengenai HSM yang disebut tadi mendapat 17,000 dalam sidang yang lepas saya ada kemukakan pandangan mengenai kekuatan sebuah syarikat untuk buat ataupun dapatkan, membekalkan padi sah, tak ada masalah, siapa pun boleh dapat, Sekinchan pun kalau ada modal yang besar nak buat, nak bekalkan padi benih, tak ada masalah, tak isu sebenarnya dan kualiti benih yang dihantar sebenarnya dikawal oleh Kawal Selia Kementerian MOE, tak timbul isu sebenarnya. Saya minta penjelasan daripada Sekinchan tiga perkara ini.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih bagi Permatang. Permatang kalau nak dapat apa jawapan yang terperinci nanti suruhlah Kementerian Pertanian bagi jawapan yang terperinci yang saya nak bagi tahu kepada Permatang tentang soal harga, kenapa harga dikatakan ikut pasaran, itu satu perkara saya nak tahu kenapa sekarang ini Kementerian hanya bagi satu syarikat untuk mengimport, mengimport beras dari luar negeri satu syarikat sahaja, satu syarikat. Petani sampai hari ini mereka pertikaikan dasar penswastan bagi kepada satu syarikat. Syarikat itu tidak lain tidak bukan BERNAS, lain syarikat tak ada kemampuan ke. Kenapa kita pilih satu *sici waye* , pasal apa, inilah yang menyebabkan implikasinya itu satu. Yang keduanya saya nak bagi tahu Permatang, untuk dewan yang mulia ini, dulu sebelum tahun 1996, sebelum penswastan dijalankan kepada BERNAS, Lembaga Padi dan Beras Negara pernah potong, potongan 12%, 12 sekarang selepas penswastan satu syarikat monopoli, akhirnya 17, 20, 25, 30 bagaimana kita nak menjamin dan mempertahankan hak, dengan rakyat kita kira sangat, dengan rakyat 5 sen pun minyak kita naik, kira, kroni masya-Allah.....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker.

YB TUAN NG SUEE LIM : nanti saya akan tunjukkan bukti, kroni, kroni dah cukuplah.....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: saya nak minta penjelasan logik, pertanyaan kalau boleh

YB TUAN NG SUEE LIM : cukup....cukup...dulu sebab saya banyak

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : satu benih satu lagi

YB TUAN NG SUEE LIM : itu kemudian, itu kemudian.....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : kalau nak bagi supaya ahli-ahli dewan ini jelas

YB TUAN NG SUEE LIM : kemudian dulu, saya kena pergi

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : bagilah peluang, jadi supaya kita boleh fikir penjelasan tu

YB TUAN NG SUEE LIM : cukup.....cukup....saya tak bagi.....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Penjelasan dulu.....

YB TUAN NG SUEE LIM : saya tak bagi, ini ruang saya, jadi masalahnya satu penyelesaian, jangan setiap musim timbul masalah ini yang saya pertikaikan dari dulu hingga sekarang. Biar mana-mana syarikat nak masuk menawarkan harga yang tinggi biar mereka tawarkan, kalau petani boleh dapat harga yang lebih tinggi kenapa kita cemburu sangat, kenapa ada kawal, kawal sampai mereka tak boleh jual pada certent-certent jual pada syarikat ini akhirnya yang jadi mangsa petani, petani ini yang menjadi masalah, jadi saya tidak mahulah panjangkan perkara tersebut, saya minta saya pohon Yang Berhormat Menteri dan bersama dengan kawan-kawannya di sini, tolong ambil perhatian selesaikan masalah supaya tidak timbul masalah ini pada masa akan datang dan seterusnya saya juga ingin bagi tahu mengatakan bahawa saya cuba nak pergi demonstrasi dan sebagainya ini tidak, saya nak pergi untuk dengar pandangan dan rintihan utusan, saya nak bagi tahu Utusan Malaysia ini ye, satu utusan loya satu surat khabar yang saya katakan dalam Bahasa Cina utusan, utusan ada lima racun dalam surat khabar ini, lima racun bukan satu, lima. Racun yang pertama saya nak bagi tahu, dia bukan surat khabar, surat khabar minda rakyat, yang pertama menghasut sentimen perkauman, menghasut sentimen perkauman surat khabar ini, Yang keduanya menyebarkan berita palsu dan fitnah, itu yang kedua, racun yang kedua, yang ketiga menghasut sentimen kebencian di antara kaum, mereka cerita melaga-lagakan sentimen di antara kaum. Inilah satu surat khabar yang bertanggungjawab. Yang keempat ialah memecahbelahkan integrasi perpaduan kaum, yang kelima memporak-perandakan ketenteraman awam. Inilah utusan, lima daripada racun yang saya nampak daripada sini. Ini yang perkara yang surat khabar ini yang mengatakan kurang ajar dan sebagainya. Macam-macam tapi biarlah sepatutnya sebagai media kita mesti profesional, adil, terbuka untuk mana-mana pihak. Laporan kena seimbang daripada pihak kerajaan dan pihak pembangkang pun wajar dititikberatkan, inilah sepatutnya ada pada media, ya.... sepatutnya pegangan pada media, tapi media ini lain daripada media yang lain.....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat berbalik daripada

YB TUAN NG SUEE LIM : ya... baliklah , saya balik, sekarang. Jadi Tuan Speaker saya minta masalah petani disegerakan dengan secepat mungkin dan seterusnya, kita sedia maklum dalam keadaan pertumbuhan ekonomi global yang agak perlahan dan sedang mengalami proses pemulihan. Bagaimanapun keadaan pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor tetap berkembang dengan lancar dan stabil, pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi Negeri Selangor tahun 2010 diunjurkan 6.1% berbanding penguncupan 1.2% pada tahun 2009. Bajet 2011 ini yang berjumlah RM1,430 juta iaitu bertambah 10% daripada bajet 2010. Pertambahan ini tidak akan, tidak akan membebankan kedudukan kewangan negeri kerana jumlah hasil yang disasarkan pada tahun 2011 akan juga bertambah sebanyak 15.42% ataupun paling kurang RM70,960 juta. Dalam konteks ini saya sangat yakin dan percaya langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri menerusi dengan berbagai kaedah dengan kutipan hasil termasuk melaksanakan insentif kutipan hasil yang mensasarkan setiap pejabat daerah dan tanah dapat mengutip 90% hasil cukai manakala mengutip 70% daripada tunggakan hasil. Saya yakin matlamat tersebut sekiranya dilaksanakan dengan betul hasil Kerajaan Negeri Selangor akan semakin bertambah.

Tuan Speaker,

Sejumlah RM830 juta diperuntukkan untuk belanja mengurus manakala sejumlah RM600 juta diperuntukkan untuk pembangunan. Apa yang ingin saya tekankan di dewan yang mulia ini walaupun di dalam keadaan Negeri Selangor diserang ditekan, disekat serta dinafikan dengan berbagai bantuan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan akan tetapi kita masih mampu meneruskan rekod kecemerlangan dengan membentangkan Bajet 2011 yang seimbang dan

tidak membebankan rakyat, ya... seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dengan menaikkan berbagai-bagai cukai, seperti cukai perkhidmatan dan sebagainya.

Tuan Speaker,

Bajet 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memang wajib diberi pujian kerana bukan sahaja tidak menaikkan cukai sebaliknya mengambil kira aspek keperluan yang tinggi terhadap masalah rakyat yang di bawah ini dibebani dengan kos saraan hidup yang melampau ini. Sehubungan itu empat strategi utama iaitu mengurus sumber yang bijaksana memantau urusan perbelanjaan yang cekap mendorong pembangunan modal insan dan melestarikan pembangunan negeri yang dirangka mesti disokong oleh semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan hasrat hasil negeri untuk rakyat. Sementara itu Kerajaan Negeri Selangor terus komited memaju pembangunan ekonomi yang mampan dan merakyatkan ekonomi Negeri Selangor dengan berbagai dasar yang berteraskan kebajikan telah berjaya dilaksanakan seperti Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, Tuisyen rakyat dan yang paling pentingnya pemberian air percuma 20 meter padu dan lain-lain lagi. Sejumlah RM42.5 juta bakal disalurkan pada tahun 2011 untuk program air percuma. Jika di campur dengan jumlah keseluruhan program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor iaitu Program MES lebih kurang lebih 79 juta akan disalurkan pada Bajet 2011.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah Program MES yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri semakin hari semakin mendapat sokongan dan sambutan oleh rakyat jelata di Negeri Selangor ini. Tuan Speaker yang satu lagi yang terbaru bantuan dari Kerajaan Negeri Selangor seperti yang disebutkan, ditekankan oleh rakan-rakan saya yang mengambil perbincangan iaitu Skim Mikro Kredit Skim CEL yang dikendalikan oleh Yayasan KADO Hassan di mana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 50 juta untuk mikro kredit luar Bandar dan 20 juta untuk mikro kredit Bandar. Matlamat skim ini ditubuhkan adalah untuk membantu golongan pengusaha kecil-kecilan khususnya kaum wanita, kaum ibu, ibu tunggal yang ketandusan modal bakal menerima pinjaman perniagaan untuk memajukan perniagaan atau memulakan perniagaan mereka.

Kita sedia maklum ramai di kalangan rakyat kita rakyat di Negeri Selangor ini menceburi perniagaan kecil-kecilan tetapi mereka menghadapi masalah modal. Kalau nak pinjam dengan institusi kewangan seperti bank mereka perlu bukan dokumen-dokumen tetapi sering kali mereka gagal mendapat dokumen tersebut. Dengan adanya Skim CEL ini dengan Mikro Kredit ini saya yakin dan percaya ramai pengusaha-pengusaha kecil-kecilan ini akan dapat dibantu oleh Kerajaan Pakatan Rakyat..Insya-Allah. Tuan Speaker, dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009 yang dibentangkan di dalam Persidangan Bajet Dewan Negeri Selangor pada kali ini telah menyatakan bahawa kedudukan Kerajaan kewangan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor sepanjang tahun 2009 adalah memuaskan bukan seperti apa yang dituduh oleh pihak pembangkang. Berbagai usaha bagi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, menambah hasil kutipan dan seterusnya berbelanja berhemat tanpa menjelaskan kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian awam yang diamalkan oleh Yang Amat terhormat Tan Sri Dato' Seri Khalid Ibrahim pasti akan dapat membantu mempertingkatkan lagi kedudukan kewangan Negeri Selangor. Kita sedia maklum pihak pembangkang akan cuba, saya tahu mereka akan cuba sedaya upaya memainkan isu penurunan seperti yang disebutkan oleh Sungai Panjang, rizab Kumpulan Wang Disatukan Negeri sebanyak 104.69 juta ataupun 7.3% pada tahun 2009 mereka mengembar-gemburkan melalui media, ceramah di kampung-kampung kononnya kita tidak pandai mengurus kewangan negeri dan macam-macam lagi sehingga ada suara-suara desakan. Ya, yang saya baca dalam surat khabar di mana Yang Berhormat daripada Kuang telah mendesak Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya letak jawatan kononnya gagal

mengurus tadbir Negeri Selangor dengan baik atas alasan penurunan rizab tersebut. Tuan Speaker, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin nyatakan dengan tegas kalau perkara tersebut penurunan rizab tersebut boleh dijadikan asas dan indikator untuk letak jawatan maka saya mintak Yang Berhormat dari pembangkang tolong balik dan minta ketua mereka iaitu Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak supaya letak jawatan terlebih dahulu kerana kedudukan kewangan Negara bukan sahaja dalam keadaan kritikal dan amat membimbangkan, tambahan pula bajet Negara yang dibentangkan setiap tahun secara konsisten daripada tahun 1998 hingga sekarang tekan 14 tahun berturut-turut turut turut tak berhenti mengalami bajet defisit. 14 tahun ini yang menjadi masalah dan sehingga Yang Berhormat Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri secara terbuka mengumumkan Malaysia akan bankrap atau bankrap pada tahun 2019 sebelum mencapai Wawasan 2020 satu tahun awal kita bankrap sebelum Wawasan 2020. Ini yang jadi masalah.

Oleh yang demikian siapakah wajib letak jawatan terlebih dahulu? Jawapannya sudah jelas tertera di hati rakyat tanpa menggunakan talian hayat. Tuan Speaker, walau bagaimanapun masih wujud kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki seperti di dalam bidang pelaburan yang dikendalikan oleh anak syarikat dan Badan Berkanun yang akhirnya telah menyebabkan pulangan dividen yang sangat rendah sementara itu pengurusan pinjaman kewangan negeri kepada anak syarikat dan Badan Berkanun serta agensi Kerajaan tidak diurus dengan baik dan teratur. Oleh sebab itu satu tindakan yang menyeluruh harus diambil untuk menambah baik kelemahan tersebut selaras dengan prinsip keupayaan ketelusan dan pertanggungjawaban. Tuan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas terhadap Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar kerana dalam tempoh yang singkat telah berjaya menyelesaikan masalah penempatan Bukit Botak. Nampaknya Templer tak datang ya. Bukit Botak yang menempatkan 2,300 keluarga mereka sudah menunggu saat dan ketika 25 tahun 25 tahun penempatan itu gagal diselesaikan dan ingin saya nyatakan dalam sidang Dewan ini masalah ini gagal diselesaikan oleh 4, 4 Menteri Besar daripada Barisan Nasional sampailah ke tangan Menteri Besar daripada Yang Amat Berhormat Pakatan Rakyat Tan Sri Khalid Ibrahim, bisa beres hanya dalam tempoh 2 tahun lebih kerana apa?

Kerana dasar kepedulian, keprihatinan dan keikhlasan Yang Amat Berhormat jauh lebih daripada Menteri Besar yang lalu. Tidak lupa juga dalam konteks ini peranan anak syarikat PKNS wajar diberi pujian kerana membantu menyelesaikan masalah ini. Sesungguhnya saya sangat yakin melalui pentadbiran dan pengurusan yang berteraskan keupayaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban tahap pengurusan Kerajaan negeri Selangor akan semakin bertambah baik di samping itu peranan pemantauan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kerajaan Negeri Selangor khususnya SELCAT yang mengendalikan Pendengaran Awam, JPK Padat, JPK PBT, JPK ABAS juga akan dapat merealisasikan ke arah pencapaian matlamat tersebut. Justeru itu masalah ketirisan dan kebocoran penyelewengan dan salah guna kuasa semakin bukan tak ada tapi semakin berkurangan dan rakyat dapat merasai sendiri perbezaan Kerajaan baru Pakatan Rakyat dan kerajaan dulu BN serta dapat membuat penilaian perbandingan antara satu sama lain. Sebagai contoh ya, sebagai contoh ya kalau dulu kekayaan dari hasil mahsul Kerajaan Negeri adalah gagal dimanfaatkan dan disalurkan kepada rakyat untuk sama-sama dinikmati tetapi sebaliknya kekayaan banyak diagihkan kepada suku sakat kroni mereka yang berkuasa. Rakyat hanya berputih mata memandang dan seterusnya dibebani bermacam-macam cukai tanggungan dan bayaran yang tidak munasabah. Tuan Speaker, mungkinkah pihak pembangkang akan melenting, mungkin pihak pembangkang akan melenting tentang apa yang saya nyatakan namun begitu ia adalah kenyataan yang sahih. Saya ingin lontarkan satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang berapakah jumlah gajah putih, projek gajah putih yang ditinggalkan oleh beliau sepanjang 8 tahun memerintah Negeri Selangor selaku Menteri Besar? Belum cukup dengan siri-siri projek gajah

putih yang pernah disebut oleh Yang Berhormat Kajang, pernah disebut oleh saya sendiri iaitu saya bagi contoh sepintas lalu jalan cepak kaya cepat mati cepat maut di *cross-ban* 4 hingga ke Sungai Haji Dorani 20.5 kilometer jalan asas telah ada cuma dibesarkan 20.5km kosnya anggaran asalnya 60 juta tapi apabila dipelopori oleh Sungai Panjang jadi 118 juta, 118 juta sampai hari ini kalau kita duduk 3 minit hingga 5 minit kadang-kadang tidak dilanggar oleh kereta sebab kereta tidak banyak menggunakan kawasan tersebut.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh mintak penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh hendak. Tadi saya dah janji, kita pegang pada janji.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak tanya apa makna gajah putih tu. Saya nak tanya, kalau macam tu saya nak tanya apakah sebab dinyatakan bahawa projek gajah putih itu jalan *cross-ban* tu. Saya tengok jalan *cross-ban* tu telah menjana pertumbuhan ekonomi yang cukup baik. Jalan itu digunakan dengan begitu baik sebagai bukan sahaja jalan yang selalu digunakan tapi digunakan sebagai jalan pintas apabila berlaku kesesakan ya di kawasan dan ini sebenarnya satu usaha yang telah berjaya menaikkan taraf kemudahan di kawasan luar Bandar. Hari ini saya boleh beritahu la kalau saya ada 3 alternatif jalan untuk daripada tempat saya di Kuala Selangor ke di Tanjung Karang ke Sabak Bernam boleh gunakan jalan utama jalan *Route 52* atau *55* saya tak berapa ingat iaitu jalan utama sekarang ini yang ada 4 *lane* yang telah dinaiktarafkan. Kalau dulu saya sebagai pernah jadi Pegawai Kerajaan tu mengambil masa 3 jam daripada Sabak Bernam – Kuala Lumpur, hari ini dalam masa 1 jam setengah boleh sampai ke Sungai Besar. Yang kedua kalau sesak masa cuti sekolah dan sebagainya ada laluan yang digunakan untuk jalan tepi terusan dan ada juga laluan yang boleh digunakan sehingga sampai Batu 23 Sungai Burong ke Jalan Kerang Sabak Bernam. Kemudian dengan adanya jalan-jalan ini bukan sahaja ia meningkatkan kemudahan untuk penduduk-penduduk setempat digunakan orang untuk melintas jalan itu tapi jalan ini juga telah menaikkan nilai *property* kawasan situ. Terdapat juga gerai-gerai dan kedai-kedai, ada kedai-kedai istimewa contohnya kalau nak makan selera ikan-ikan darat, pergilah ke tempat Parit 7, kalau nak makan udang besar pergilah ke Batu 23 Sungai Nibong. Saya rasa ini projek-projek yang baik dan bukan projek gajah putih seperti yang dinyatakan Sekinchan. Itulah pertanyaan saya tadi lah dan ulasan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ok, terima kasih Sungai Burong. Yang pentingnya perkara ini saya nyatakan tentang soal gajah putih, ia tidak mendatangkan impak ekonomi yang banyak kepada masyarakat setempat. Yang pentingnya jalan ini sekarang dijadikan jalan Formula 1 untuk Mat Rempit pada sebelah petang. Ramai yang maut di kawasan tersebut. Ini kenyataan tidak dapat disangkal, ini kenyataan realiti yang sebenar. Tuan Speaker, seterusnya.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh tanya pasal kematian ini.

YB TUAN NG SUEE LIM : Cukup, itu memang sudah cukup. Sudah cukup.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak tahu berapa ramai yang dah mati di jalan *Route 52* dibandingkan dengan jalan tu. Rekod ini ada di..

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Cukup, cukup. Saya dah bagi ruang tadi untuk cakap, untuk mempromosikan udang dan sebagainya cukup, ha nanti kita sama-sama makan udang di situ. Terima kasih Sungai Burong, dan yang keduanya, projek Sungai *Haji Dorani Marine Park* yang asalnya 10 juta kemudiannya jadi 20.98 juta dan Sungai Burong pun dah terbang, tak apa la bagi dia terbang. 29.89 juta itu projek yang kedua gajah putih sebab

tidak mendatangkan impak ekonomi yang banyak kepada kawasan setempat dan kepada negeri. Itu yang saya buatkan gajah putih '*white elephant project*' dan seterusnya belum cukup dengan itu baru-baru ini saya dikejutkan, saya baca laporan audit di Parlimen dan dibentangkan di sidang-sidang Dewan Negeri Selangor kita nampak satu lagi tinggalan yang saya mungkin dulu saya lepas pandang bangunan Teater Diraja, Teater Diraja Shah Alam yang menelan belanja sebanyak lebih 43.84 juta, siap pada bulan pada tahun 2008 sehingga hari ini, sehingga hari ini masih tidak dapat digunakan. Ini lah antara contoh-contoh gajah putih jadi dalam konteks ini saya huraikan siap yang lebih cekap melakukan kepincangan-kepincangan, siapa saya ingin, oleh yang demikian saya ingin cadangkan sekarang Yang Berhormat Sungai Panjang sibuk menjalankan pergi ke Sekinchan buat program juara rakyat. Saya nak bagi satu cadangan supaya Juara Rakyat Program Juara Rakyat ini dijadikan Program Juara Gajah Putih. Lebih sesuai, ini perkataan yang saya bagi. Tapi lebih baiklah Yang Berhormat Sungai Panjang di juara Projek Gajah Putih, lebih baik daripada Menteri Pertanian, dia Juara Samseng. Tuan Speaker, tempias dan implikasi urus tadbir yang lemah dari Kerajaan lalu sampai saat ini masih dirasai dan memberi kesan yang mendalam kepada rakyat Negeri Selangor. Antara kesan yang paling dirasai hingga hari ini ialah perjanjian penswastaaan Bekalan Air Negeri Selangor, ya dengan Konsesi Syabas Sdn. Bhd., Puncak Niaga SPLASH, Konsortium ABBAS.

Kalau ikut perjanjian awal kita rakyat Negeri Selangor akan dibebani dengan kenaikan harga tarif harga air yang begitu tinggi. Sehingga tahun 2003 kalau ikut kenaikan dengan kenaikan-kenaikan 37,25,15 ia air semeter padu pada tahun 2030 mencecah lebih RM3.00 satu meter padu. Pada ketika itu rakyat Negeri Selangor sekiranya mereka tidak menukar kerajaan kepada pilihan raya yang lalu rakyat kita, anak kita pasti akan menerima sengsara di mana waktu itu anak kita, cucu kita, adik kita, emak kita seluruhnya rakyat negeri Selangor kalau minum petrol lebih murah daripada minum air. Di mana harga petrol sekarang ini 95 RM1.80. inilah permasalahan yang berlaku dan belum cukup dengan itu, belum cukup dengan tempias ketinggalan YB Sg. Panjang baru-baru ini syarikat SYABAS telah mengemukakan tuntutan, tuntutan apa RM380 juta kepada kerajaan negeri. Meminta kerajaan negeri membayar kerugian mereka angkara siapa kerana di bawah pentadbiran kerajaan baru Dato' Menteri Besar yang baru kita tidak izinkan kenaikan tersebut. Malah kita meminta penyusunan semula perjanjian air di Negeri Selangor.

Kita mempertahankan rakyat ini janji Pakatan Rakyat bukan seperti apa yang dilakukan Sg. Panjang dan konco-konconya bukan mempertahankan rakyat sebaliknya memperkayakan suku sakat mereka. Bezanya Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional rakyat sudah faham permasalahan ini dan tuntutan tersebut RM380 juta kita layan tuntutan tersebut. Kita serius YB telah memberitahu ke muka pengadilan ke mahkamah untuk berjumpa di situ untuk mempertahankan hak rakyat. Ini dia RM380 juta kita tidak akan bayar. Dan seterusnya bukan sahaja itu kita bagi air percuma tanah air kita bagi air percuma dulu bagi air percuma meter individu. Sekarang bagi air percuma RM8 juta lagi kepada meter pukal kita bagi kupon. Ini dia keikhlasan kepedulian Pakatan Kerajaan Rakyat ini yang penting. Sesungguhnya saya hendak bagi tahu di sini belum cukup dengan rundingan yang kita lakukan menemui berbagai-bagai halangan, rintangan. Walaupun YB janji kalau boleh tahun ini akhir tahun ini kita selesaikan masalah penstrukturan semula air ini.

Tetapi oleh kerana satu tangan gat tangan hitam di belakang tidak lain tidak bukan tangan kerajaan persekutuan. Dan saya dimaklumkan hutang-hutang oleh Puncak Niaga Sdn. Bhd sendiri Puncak Niaga Sdn. Bhd hutang dia bon dia ditanggung bon dia tangguh berapa 1.3 bilion. Syarikat SYABAS Sdn Bhd 2.9 bilion, SPLASH 1.6 bilion, Konsortium Abas 640 juta keseluruhannya 6.4 bilion. Ini tanggungan boh oleh syarikat-syarikat konsesi tersebut dan sehingga ke hari ini mereka ada masalah syarikat SYABAS masalah membuat

penyelenggaraan *maintenance* besar mereka tidak dapat melakukan kerana apa ketandusan kewangan mereka menghadapi masalah teruk syarikat-syarikat ini ada yang hampir bankrap, tetapi pada tahun yang lalu rekod yang lalu kerajaan persekutuan telah murah hati dengan syarikat kroni mereka murah hati bagi pinjaman softloan untuk masa 20 tahun. Tuan Speaker 20 tahun lagi 320 juta bagi bayaran balik bagaimana syarat-syarat dia 5 tahun yang pertama tidak perlu membayar apa-apa pun, 10 tahun yang kemudian bayar 5 juta tiap-tiap tahun, dan bakinya 5 tahun yang ke belakang baru dilangsaikan 220 juta. Itu cara *soft loan*. Kalaulah kerajaan macam itu bermurah hati kepada syarikat konsesi bagaikan ini syarikat konsesi bukan orang kata anak angkat lagi bukan anak kandung anak apa ini anak emas sayang dia manja dia masya-Allah boleh pinjaman tanpa *interest* kerajaan sendiri kena tanggung *interest* kalau saya sebagai Ahli Dewan Negeri saya pinjam dengan kerajaan untuk beli rumah kita bayar kepada kakitangan kerajaan pada hari ini pinjam perumahan 40% *interest* kita kena bayar dan kerajaan tanggung sendiri *interest-interest* itu kerana manja sayang terhadap anak emas syarikat konsesi tersebut. Inilah antara contoh-contoh syarikat kroni dijaga. Dan seterusnya saya ingin sampaikan untuk maklumkan kepada dewan ini baru-baru ini saya menerima laporan bahawa Kerajaan Persekutuan cuba sekali lagi bersedia untuk memberi pinjaman melalui bon untuk menjelaskan tanggung bon yang akan tarik luput 2 syarikat bon mereka akan sampai pada tahun ini mereka gagal mereka tidak mampu untuk bayar Puncak Niaga dan SYABAS mereka tidak mampu akan bayar 6. termasuk SPLASH, dan Konsortium Abas 6.4 bilion kerajaan bersedia untuk Persekutuan untuk bayar untuk tanggung bon ini. Ini dengan kata lain ini satubahasa Inggeris untuk kroni-kroni. Guna wang rakyat bukan sahaja di Negeri Selangor di seluruh Malaysia Sabah Sarawak tujuan apa menyelamatkan syarikat-syarikat kroni suku sakt mereka apakah ini juara rakyat juara mempertahankan kroni lebih sesuai diberikan sehingga ke hari ini kenapa rundingan tersebut belum tercapai kata sepakat kerana tangan hitam kerajaan Persekutuan dan rakyat wajib bangkit mempersoalkan kenapa kerajaan persekutuan sanggup sayang anak emak mereka sebegitu rupa sehingga tanpa batasannya. Dengan rakyat tepung naik 20 sen, gula 20 sen naik, minyak 5 sen semua dikira dengan rakyat terlalu berkira-kira dengan kroni masya-Allah berguni-guni dia bagi dan ini kita perlu mempersoalkan. Dalam konteks ini apakah ada sesuatu yang berlaku di sebalik pertolongan bantuan ini, apakah ini ada kepincangan rasuah berlaku di kebelakangan ini. Ini satu pertanyaan yang wajib diperjelaskan pihak yang terlibat dan apakah ini satu rancangan Barisan Nasional transformasi Barisan Nasional. Transformasi memberi pinjaman, menanggung pinjaman hutang-hutang syarikat kroni dan menganiaya rakyat dan inilah satu lagi rancangan transformasi Barisan Nasional. Tuan Speaker saya ingin menarik perhatian dewan ini tentang satu program sumbangan komputer. Komputer riba *laptop* 1 Malaysia yang baru-baru ini dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia SKMM.

Saya telah dimaklumkan program ini adalah bertujuan untuk merapatkan perbezaan jurang digital antara bandar dan luar bandar. Saya menyambut baik program ini walaupun dia satu program dari Kerajaan Persekutuan di mana dana disalurkan juga wang rakyat dan pembayaran cukai. Memandangkan hasratnya bunyi dan tepat pada masanya kerana ramai lagi pelajar-pelajar dan luar bandar yang dari keluarga miskin memang tidak mempunyai kemampuan. Memberi komputer riba saya diberitahu setiap DUN diagihkan 500 komputer riba 1 Malaysia untuk fasa yang pertama. Setelah saya teliti kategori yang berikut saya bawah dengan bukti-bukti saya cakap dengan tanpa asas itu bukan kerja saya. Satu ini borangnya program pemberian *notebook* percuma untuk golongan pendapatan rendah luar bandar. Antara kategori dan syarat-syarat yang ditetapkan Tuan Speaker satu pendapatan keluarga adalah kurang daripada RM3,000. syarat yang ke2 keluarga tidak mempunyai komputer apa pun *laptop*. Syarat yang ke3 mempunyai ahli yang bersekolah di Tingkatan 1 hingga 5, maknanya umur 12 hingga 16 bagaimanapun akhir-akhir ini saya telah menerima banyak aduan tentang berlakunya kepincangan semasa berlaku proses pengagihan seperti kepincangan berlaku pilih

kasih, tumpu kepada kroni-kroni, menerimanya bukan daripada kalangan pelajar Tingkatan 1 dan 5 iaitu umur 12 hingga 16. tambahan pula berlaku kes-kes di mana satu keluarga dapat 3 komputer syaratnya satu keluarga satu komputer tapi dia dapat 3. ada keluarga yang anaknya tiada belajar Tingkatan 1 dan 5 dapat juga. Setelah saya renung menghalusi rupa-rupanya prasyarat yang utama, prasyarat utamanya apa saya ada senarai Y.A.M Dato' Seri dan Tuan Speaker ini senarai saya. Saya hendak beritahu prasyarat program yang dianjurkan oleh Barisan Nasional saya tidak menafikan Barisan Nasional selama ini ada program-program rakyat. Tetapi saya sedih banyak program untuk rakyat itu tidak berjaya gagal wang dihapuskan yang diberi manfaat semua siapa ahli-ahli mereka. Prasyarat adalah ahli-ahli mereka kalau bukan ahli agak susahlah tapi saya bagi contoh di sini saya hendak tuduh tolong jawab boleh sangkal di sini. Di sini banyak sangat masya-Allah ada Sg. Panjangnya ada Sekincannya saya cuba satu dua Abdul Majid bin Kadir umur 45 tarikh lahir 1965. No, 48, Lorong 4 Kg Penerangan Sekinchan Ketua Cawangan Kg Penerangan masya-Allah banyak sangat. Amir Hamzah bin Hashim umur 50 tarikh lahir 1960. Kategori umur 12/16 Tingkatan 1 Tingkatan 5 tapi ini 1960 baru lepas 30 tahun merdeka umur dia sudah 50 lebih ini juga dapat siapa dia Amir Hamzah bin Hashim Ketua Cawangan Sekinchan Jaya Ketua UMNO Cawangan Sekinchan Jaya ini di antaranya. Dan seterusnya saya bagilah tahu kalau tidak dikatakan Sekinchan tuduh melulu saya tak nak. Tadi saya ada dengar cerita Sg Pelik hasil negeri untuk rakyat mesti disampaikan kepada rakyat ini yang disampaikan Barisan Nasional sampai-sampai ini siapa mereka ini siapa mereka ini Abdul Halim bin Shamsudin lahir 1970 sama saya 40 syarat dia 12/16 tapi 1970 siapa dia AJK Pemuda Bahagian Sg. Besar AJK Pemuda Bahagian UMNO Sg. Besar. Seterusnya Abdul Rahman bin Shamsudin lahir 1966 lebih 40 umurnya Ketua Pemuda Bahagian terlalu banyak. Dan satu lagi yang pentingnya di sini banyak sangat dengan ketua Cawangan AJK Bahagian kalau hendak nanti saya bagi. Saya tidak mahu banyak membuang masa untuk baca semua.

Tapi hakikat sebenarnya belum cukup dengan itu Tuan Timbalan Speaker saya hendak bagi satu lebih mengemparkan, mengemparkan ini Haji Mardi bin Sukir...aa ...tentu Y.B. Permatang...la...Masya-Allah...lari pula...mana Sungai Panjang...Sungai Panjang okaylah....hospital...Sg. Burong...saya ni nak bagi tau mereka ni kenal.....kenal...kenal...Haji Mardi bin Sukir, lahir tahun 1963, empat puluh tujuh tahun, bakal calon UMNO untuk Sg. Panjang....aaa...tolong nafikan. Mardi...Haji Mardi bin Sukir, apakah ini menepati kriteria umur dua belas, enam belas tahun tingkatan satu tingkatan lima, satu tak menepati. Okay, pendapatan kurang tiga ribu, tanyalah pendapatan Haji Sukir berapa. Tidak mengikut spec....tak apalagiseterusnya...seterusnya. Yang kedua, Hajah Aminah binti Naim, lahir tahun 1949. I/C nombor saya tak perlulah penuh, 1949, enam puluh satu tahun Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Sungai Besar. Ini dua, tiga lagi, saya pilih banyak sangatTiga, Zulkifli bin Mohd Masroro...aaa.....Sabak kenal...kalau tak kenal saya tak percaya.....ya...Zulkifli bin Mohd Masroro...Masroro ni Pembantu Khas Sg. Panjang, Dato' Masroro,...aaa....Pembantu Khas kepada Ketua Pembangkang Sg. Panjang, Dato' Masroro...ini anak dia, nama dia Zulkifli bin Mohd Masroro, tarikh lahir 1973, umur 37, tingkatan satu tingkatan lima lepas, dia dapat. Apa jawatan dia, AJK Pemuda Bahagian. AJK Pemuda Bahagian Sungai Besar. Seterusnya...aa...ini lagi mengemparkan. SPRM tolong catit, mana SPRM, tak pa....Dato'...ha..ha..Dato', ini berat ni ...berat..saya nak sebut pun berat tapi terpaksa walaupun sama "*surname*" dengan saya, saya terpaksa sebut, demi keadilan, Dato' Ng Lian Hin, Dato' Hong Lian Sin, 54, 1954, umur dia lima puluh enam tahun. Apa jawatan dia, Ketua Bahagian Gerakan Sungai Besar, Dato' Hong Lian Sin (berbahasa cina) Dato' Hong Lian Sin, dengan izin....ngomong Cina pula...Dato' Ng Lian Hin, ini pun dia bagi. Ini program tolong rakyat *to apo* (bahasa Jawa). Lagi seterusnya....seterusnya..Ker Sin Hui....Ker Sin Hui. Kuor Cheng Hui, dengan izin, 1963, umur dia empat puluh tujuh tahun, Ketua Bahagian MCA Sungai Besar. Konon, mungkin bakal calon untuk Sekinchan, bakal calon untuk

Sekinchan. Kuor Cheg Hui...uh...ini pun dapat. Umur empat puluh tujuh, criteria dua belas hingga enam belas tahun, tingkatan satu, tingkatan lima, okay tak pa. Seterusnya, Ng Ah Tee, Ng Ah Tee lagi, *Surname* saya pula. "Huang lia cher" dengan izin, lima puluh sembilan tahun, Ketua Cawangan MCA Taman Sekinchan.....ha ni lagi macam mana pula ini.....nak jawab...jawab la....aduh...Masya-Allah....seterusnya...

Tujuh, Ng Eng, Ng Eng nama dia....Ng Eng....umur dia, 1940, Kalau kira-kira umur dia tujuh puluh, boleh "sign" borang warga emas, skim mesra usia emas. Nama dia Ng Eng. Ng Eng ni siapa? U Hai Fack....U Hai Fack dengan izin. Ketua JKKKP Sibi Sekinchan merangkap Ketua Cawangan Sekinchan Jaya....la...Sabak pun pergi, tak boleh nak jawab saya lah...Sabak pun keluar...aduh....ini antara program sumbangan komputer satu Malaysia riba, saya bukan ada cemburu, saya tak ada cemburu. Nak bagi kepada orang-orang UMNO ke MCA ke GERAKAN ke bagi tapi menepati kriteria, bukan bagi Dato' Ng Lian Hin. Setuju tak Batang Kali. Saya tahu Batang Kali angguk di bagus...

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya nak mencelah....

YB TUAN NG SUEE LIM : Aaa...celah...celah...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan...

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya, sebab ini program untuk rakyat mereka juga rakyat kita, mereka layak menerima. Di kawasan saya, saya bagi kepada Pengerusi JKK daripada PKR, PAS dan nazir-nazir PAS juga saya bagi. Saya tak ada masalah sebab dia rakyat Malaysia. Terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Batang Kali. Dia bagi PKR, bagi PAS, satu pujian kepada Batang Kali. Tapi kita bukan cemburu tapi kena ikut. Kalau kriteria boleh bagi rakyat biasa, siapa-siapa pun boleh, tulis kriteria dia. Tapi kriteria ini lain. Aa...ini yang permasalahan ini yang berlaku. Bagi suku sakat Kroni.....

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Minta penjelasan Puan Speaker....

YB TUAN NG SUEE LIM : Aa...bagi..bagi...bagi...lagi...

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Bukan saya nak...Cuma saya nak jelaskan sedikit, dari makluman Y.B Sekinchan pemilihan dibuat oleh pihak sekolah dan juga pihak pusat Jalur Lebar Kebangsaan di kawasan ADUN masing-masing. Pihak ADUN tidak terlibat, untuk makluman. Terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Batang Kali. Itu untuk Batang Kali, pihak ADUN tidak terlibat. Tadi saya lupa *point* ini, dia bangkitkan terima kasih Batang Kali ya. Rupa-rupanya di Batang Kali lain. Di Sekinchan, Sg. Panjang ADUN dengan Ahli Parlimen yang membuat keputusan. Sebelum ini satu senarai panjang lebar, nama pemohon yang diluluskan oleh Pusat Jalur Lebar, penuh lebar. Ada pakatan ada UMNO, ada MCA...semua, tetapi ditolak oleh Timbalan Menteri Tenaga Hijau dan air, Ahli Parlimen Sungai Besar, Puan Noriah binti Kasrun. Aa..itu dia. Aa...itu ada campur tangan tetapi di Batang Kali tak ada. Itu dia masalah yang berlaku. Di Sungai Panjang orang yang *genuine*, orang yang betul-betul tepati syarat, tak ada komputer tidak dibagi, bagi Dato' Ng Lian Hin, Ker Sing Hui, Sukir bin Madi, AJK, Ketua Cawangan, Ketua Bahagian. Saya tak tau la apa lagi saya nak sebut untuk perkara-perkara ini. Ha...biarlah..

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM : ..oo..minta penjelasan..

YB TUAN LAU WENG SAN : Sebenarnya apa Komputer Satu Malaysia ini, diberi kepada budak-budak sekolah, betul tak. Kalau ikut syarat kita bukankah betul kalau ikut syarat Kerajaan Persekutuan bukankah betul bahawa Komputer Riba ini hanya boleh diberi kepada mereka yang berkelayakan sedangkan kalau tadi Y.B Batang Kali dia bagi komputer kepada JKKK dari PAS, KEADILAN, DAP dan sebagainya padahalnya itu pun tidak betul sebenarnya kerana ia tidak menepati syarat yang ditetapkan oleh Kementerian. Setujukah Sekinchan dengan saya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Kalau ketat macam tu memang ...prosedur memang begitu, tapi tak apa lah kalau daripada yang seburuk-buruknya yang Sg. Panjang yang Sungai Besar, lebih eloklah Batang Kali..haa....itulah....

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Pengerusi....pengerusi.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Dah cukup...cukup.....cukup...cukuplah...cukup Batang Kali...cukup. Seterusnya saya nak bagi tahu Barisan Nasional walaupun sudah hilang kuasa di Negeri Selangor mereka masih tidak berubah. Walaupun dalam slogan baru-baru ini mereka mampu berubah tapi tidak berubah. Dengan izin dalam perkataan Cina(berucap menggunakan bahasa Cina)mungkin dia kata dia salah mengaku tapi sorry dia tak akan ubah. Maknanya Barisan Nasional tak akan ubah. Itulah rumusan yang saya bagi. Pada masa yang sama saya ingin mendedahkan lagi satu contoh salah guna kuasa dan kepincangan yang berlaku semasa zaman Barisan Nasional. Ahli-ahli Dewan, bagi kes ini ahli-ahli Dewan Negeri Pakatan Rakyat agak barulah kerana Ahli-ahli Dewan Negeri Barisan Nasional merupakan bagi mereka ini perkara enteng dan amalan biasa. Kes yang ingin saya sebut ini yang ingin saya maksudkan ialah Kelulusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di atas Lot 18908 seluas 7.08 ekar di Seksyen 25, Taman Sri Muda, Bukit Kemuning. Pada asalnya tanah ini adalah milik Tetuan New Ecost Sdn Bhd dan Bumi Sdn Bhd tetapi oleh kerana gagal menjelaskan tunggakan cukai tanah maka tanah tersebut sudah dirampas oleh Kerajaan, dilucut hak dan menjadi tanah kerajaan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Mencilah Puan Speaker....I

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya..ya..

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Saya nak membetulkan Seksyen 25 tu bukan Bukit Kemuning, Seksyen 25 Taman Sri Muda.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Diperbetulkan oleh Sri Muda sebab orangnya pun nampak muda, terima kasih. Aaa....dan kes ini Pejabat Daerah Dan Tanah Klang telah menerima dua belas(12) permohonan untuk Pemberimilikan tetapi dari kelulusan tu yang dilakukan, yang lain ditolak. Yang diluluskan siapa? Siapa yang duduk di dalam. Ha..ini pertikaianya. Yang duduk dalam Jawatankuasa Tanah Daerah pada ketika itu adalah sepuluh(10) ADUN daripada Barisan Nasional. Dato' Teh Kim Poh, Pandamaran, Kota Kemuning- Dato' Hamzah Omar, DUN Sri Muda, lagi bekas ADUN, banyak sepuluh oranglah semuanya nak saya peringatkan satu per satu kembali , Dato' Nawawi – Batu Tiga, Dato' Nawawi Batu Tiga, Kamala – Andalas, bekas, bekas ADUN. Lagi siapa, Kota Alam Syah, Chong See Chok...bukan Chan Tong Ing, lagi satu Salamon....semuanya lah sepuluh(10) orang ADUN di dalam Jawatankuasa Tanah bersama Pegawai Daerah. Kita maklum tahulah

Pegawai Daerah Seorang tapi ADUN dia sepuluh. Akhirnya kelulusan diluluskan kepada siapaaaa...ini penting. Diluluskan kepada ni saya kena check betul-betul. Empat (4) ekar kepada Majlis Bandaraya Shah Alam, itu biasa tak apa sebab MBSA Kerajaan, empat(4) ekar kepada Majlis Bandaraya Shah Alam. Tiga (3) ekar kepada UMNO bahagian Kota Raja, UMNO Bahagian Kota Raja tiga(3) ekar. Dan cadangan tersebut premium waktu tu satu kaki RM1, RM2. Selepas itu telah dipanjangkan kepada MMKN di bawah Y.B. Sg. Panjang. MMKN untuk kelulusan EXCO, malangnya pada 31 Januari, 2007 Mesyuarat MMKN telah memutuskan : asalnya MBSA dapat 4 ekar, UMNO Kota Raja 3 ekar lepas pergi MMKN terbalik pula berlaku. MBSA dapat 3, UMNO dapat 4. Wah..saya pun tak tahulah bagaimana keputusan seperti ini dan premium yang dibayar lagi dahsyat. Kalau 1 kaki RM1, ini bukan satu kaki, ini satu ribu dominan. Premium satu ribu dominan...dominan...ada ke perkara macam ini. Ini berlaku...zamn...zaman siapa...Sg. Panjang.....

YB TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker.....minta laluan...

PUAN TIMABALAN SPEAKER : Ya Kajang.....

YB TUAN LEE KIM SIN : Ya, selepas mendengar Sekinchan menceritakan kisah sebegini teringat pula saya kes di Kajang di mana tanah juga diluluskan oleh MMKN pada tahun 2005 untuk diberikan pada MCA di tempat 'reserve' sungai dan dikenakan RM1. Mungkin ada, kemungkinan ada memang berlaku di semua kawasan-kawasan sebegini.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Kajang. Kalau masalah tanah kita teliti waktu zaman kegelapan yang dibawa Sg. Panjang zaman Jahiliah tu memang begitulah amalan biasa. Tapi tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh rakyat Negeri Selangor kerana telah terkeluar daripada zaman Jahiliah memilih Pakatan Rakyat, terima kasih. Dan seterusnya Puan Timbalan Speaker ingin saya sentuh lah beberapa perkara...a.aa....perkara yang saya sentuh tadi tentang tanah tersebut. Empat MBSA jadi tiga selepas masuk MMKN dan kemudiannya telah dibangunkan dan sebagainya. Inilah ...tetapi zaman Pakatan Rakyat sekarang ini YAB Dato' Menteri Besar telah membuat arahan tiada lagi kelulusan untuk tanah ADUN-ADUN dan sebagainya. Dan tak ada kita bagi pun satu ekar kepada mana-mana parti.....ada ke....tak ada. Ini ketelusan. Kita tak boleh buat kerja macam tu lagi. Tapi zaman....Jahiliah tu lahdan seterusnya saya mintalah perkara iniyakita akan buat siasatan seterusnya, dan seterusnya saya nak bagi tahu satu perkara yang agak mustahak untuk di...aa...saya utarakan iaitu status kelulusan tanah kuarters JKR di Sekinchan. Di Sekinchan sekarang ada satu pembangunan yang tempoh hari saya banyak kali saya bangkitkan di Dalam Dewan Negeri ini bahawa di DUN Sekinchan ini oleh kerana banyak bendang-bendang tidak boleh di"convert" dan sebagainya tetapi permintaan pembeli-pembeli rumah semakin hari semakin ramai. Anak-anak muda yang baru berkahwin tidak ada tempat mereka terpaksa keluar daripada Sekinchan. Maka oleh yang demikian saya telah mencadangkan kepada YAB satu keping tanah milik kerajaan yang masih ada yang masih ada di sebelah Balai Polis Sekinchan di Kuarters JKR. Dan sekarang telah diluluskan. Terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri kerana telah luluskan di bawah PKNS untuk dimajukan dan projek ini sekarang untuk dibangunkan pangsapuri sederhana lapan belas tingkat dan enam belas tingkat. Tetapi persoalannya sekarang kelulusan untuk Geran 5A, hak milik 5A sampai hari ini naik turun Sabak Bernam ke PTG turun balik Sabak Bernam PTD, naik lagi PTG naik lagi turun lagi PTD ngak ada penyelesaian.

Saya minta Dato' PTG kita tolong pantau perkara ini supaya perkara kelulusan ini ada masalah kononnya diwartakan sedikit stor milik Veterinar. Perkara yang sikit teknikal.....saya mintalah kalau teknikal pun tolonglah YB Exco, Dato' Menteri Besar selesaikan, jangan naik turun naik turun. Ini birokrasi, naik turun, naik turun, selesaikan. Kalau boleh bagi *timeframe* dua minggu

ini untuk selesai. Kalau tidak kita akan bangkitkan semula. Kena ada *timeframe*, kalau tidak tak boleh selesai. Tindakan dia seperti di "*treat*" di *low cost* Sepang, ada tindakan dan *timeframe* dia. Dua minggu kita bagi Kerajaan Negeri untuk selesaikan isu pemilikan 5A ini.

Dan seterusnya dalam masa saya kritik, saya tegur pembangkang melakukan kepincangan dalam agihan satu Malaysia ini, pada masa yang sama saya juga ingin nak bangkitkan tentang bagaimana PKPS menjual tadi soalan yang dijawab soalan pertanyaan mulut saya yang dijawab oleh Y.B Exco Pertanian dua ladang besar kita milik PKPS, satu di Maran satu di Miri. Beribu hektar apabila dijual biasanya kalau saya tahulah Sekinchan tak ada tanah, tak ada tanah, tapi tak tau lain orang ada tanah lah. Biasa kita jual tanah jarang ada kerugian, betul tak, jual tanah mana ada kerugian, jarang. Tapi kita jual, PKPS, dua ladang besar ini, Maran, Miri : di Maran kita rugi 16.7 juta, Miri 26.3 juta. Zaman bila ini, Sg. Panjang....bagaimana perkara ini berlaku.....bagaimana? Jual ladang Kelapa Sawit sekarang harga tinggi, tapi rugi dua lebih kurang 40 juta lebih. Saya minta penjelasan sewajar dari pihak kerajaan walaupun zaman dulu tapi kita kena bagi tahu kenapa apa permasalahan sebenar ini tentang PKPS. Dan seterusnya sebelum saya menggulung ucapan saya, saya juga nak bagi tahu semalam saya terkejut, bukan kena pukul, semalam saya terkejut dalam Dewan Negeri ini ucapan perbahasan daripada Y.B Ulu Klang mengatakan PKNS, PKNS – Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sekarang ini menaja, menaja apa, Angkasawan, Angkasawan Dr. Syeikh Muzaffar meraikan perkahwinan, betul, Y.B Ulu Klang. Belanja dia berapa, RM520,000.00...Masya-Allah....Apa kena-mengena angkasawan Astronaut ini dengan PKNS memajukan rumah-rumah. Angkasa, di bulan, di bintang, di Maya, saya pun hairan pula....aa...(cakap cina)....kita nak dirikan rumah di bulan ke, saya tahu ini satu projek pembaziran di mana dulu Angkasawan ini dihantar pergi angkasa bukan betul-betul dia pandai angkasa, dia buat teh tarik, roti canai, habis berapa, hamper 100 juta. Sekarang kita nak taja makan malam, jamuan makan malam, 520,000.00...Aaa....ini YAB Dato' Menteri Besar kena bagi satu penjelasan. Dan seterusnya, ada lagi, bawa konsultan ramai-ramai sedangkan pegawai-pegawai PKNS yang ramai yang senior pun ada boleh menguruskan, ambil dari luar ramai-ramai gaji puluh ribu, dua belas, lapan belas, dua puluh empat, apa ni, kerja walhal mereka boleh....*staff* yang ada pun boleh lakukan. Saya difahamkan sumber yang saya dapat daripada Ulu Klang dan sebagainya, daripada kawan ramai daripada konsultan ini dulu adalah bekas ketua-ketua daripada DRB HICOM. DRB HICOM...saya minta perkara ini wajib diperjelaskan. Sekiranya ada masalah ini betul, perkara ini berlaku, saya minta susun semula pengurusan PKNS. Jangan lagi kita tolak ansur dalam perkara ini, kalau tidak "*integriti pack*" kita macam mana. Bagaimana "*integriti pack*", bagaimana dengan belanja, belanjawan yang cekap, ini harus menepati. Jadi dalam konteks ini kita tidak akan tolak ansur walaupun kita kerajaan, pembangkang gagal menjalankan tugas sebagai BVC, *Back venture* kita juga akan teguh, mana kerajaan yang salah, ini prinsip daripada Pakatan Rakyat. Setuju..

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Setuju, saya pun setuju. Minta penjelasan sikit...saya cuma nak tanya speaker, masa dia ni berapa lama ni?

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Tiada had

YB TUAN NG SUEE LIM : Jadi, perkara-perkara yang berbangkit seperti PKNS ini wajar diberi perhatian dan siasatan untuk memperbetulkan. Kalau ada salah kita perbetulkan. Kalau ada sesuatu yang tak betul kita perbetulkan dan dengan ini saya menyokong penuh Bajet 2011 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali nak ambil bahagian?

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Ya

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.....

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : *Assalamualaikum waramatullahi taalawabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Terima kasih Puan Timbalan Speaker memberi laluan kepada saya untuk bersama-sama mengambil perbahasan dalam Bajet 2011 Negeri Selangor yang dibentangkan oleh YAB Tan Sri Menteri Besar pada beberapa hari yang lalu. Pertamanya saya ingin menyatakan setuju saya terhadap pendapat YB Tan Sri Menteri Besar di atas urusan beliau untuk memuktamadkan perjanjian konsesi air dengan pihak Kementerian dan juga pihak SYABAS. Dan bagi saya juga amat bersetuju di atas pandangan beliau bahawa beliau tidak bersetuju kerana kenaikan air yang begitu tinggi dan bagi pihak rakan-rakan dalam Barisan Nasional juga kami juga akan memastikan bahawa jika berlaku pun konsesi ini, perjanjian baru ini kita harap juga Menteri Besar memastikan tidak ada kenaikan harga air yang melambung yang boleh menyusahkan rakyat. Mutakhir ini saya lihat isu berhubung dengan penstrukturan industri perkhidmatan air Negeri Selangor semakin meruncing, berlaku perang mulut antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan juga operator air swasta iaitu Syarikat Bekalan Air Selangor. Saya difahamkan SYABAS telah membawa kes keengganan Kerajaan Negeri menaikkan tarif air ke mahkamah. Manakala pihak KETTA pula bersedia mengheret Kerajaan Negeri ke mahkamah jika belum ada kata putus tentang industri bekalan air ini pada akhir tahun ini. Namun episod saman-menyaman ataupun urusan perundangan di mahkamah ini seharusnya tidak menghakis perhatian kita pada isu pokok.

- 1) Isu jangkaan bekalan air bersih di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putera Jaya yang tidak dapat memenuhi keperluan dan pertumbuhan ke kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Bermakna akan berlaku krisis bekalan air kerana permintaan melebihi kapasiti pengeluaran air menjelang tahun 2012.
- 2) Isu ke dua ialah dari segi Tadbir Urusnya di mana Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat hari ini gagal memberikan kerjasama yang diperlukan pada Kerajaan Persekutuan yang membiayai insentif projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Negeri Selangor dan pembinaan empangan takungan.

Inilah isu besar yang harus kita tangani bersama tetapi perhatian kita boleh terjejas kerana kerumitan yang timbul akibat tindak-tanduk Kerajaan Negeri yang dilihat tidak bekerjasama dan melengah-lengahkan proses penstrukturan ini. Akhirnya meletakkan satu risiko besar krisis bekalan air pada kesejahteraan rakyat Selangor dan kawasan-kawasan yang terbabit. Kita perlu ingat bahawa air adalah sumber kehidupan dan pembangunan. Di era ini bukan sahaja minyak menjadi komoditi rebutan, malah ada pemikir dunia mengatakan peperangan akan datang bukan kerana minyak tetapi kerana perebutan sumber-sumber air. Untuk itu kita pastikan sumber-sumber air kita bukan sahaja bersih tetapi mencukupi walaupun di waktu musim hujan yang kurang. Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli YB yang masih setia di dalam dewan, pada hemat saya isu industri air ini begitu kritikal dan amat berkepentingan awam dan perlu disegerakan penyelesaiannya. Ia berkepentingan awam kerana melibatkan kepentingan bekalan air bersih Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putera Jaya. Pada masa yang sama ia penyelesaian perlu disegerakan kerana isu penstrukturan ini telah lama tertangguh. Lebih menakutkan sebarang kelewatan memuktamadkan perkara-perkara yang berkaitan industri ini akan menyebabkan krisis bekalan air di kawasan tersebut. Mungkin Selangor yang sedia maju akan terbantut dan mundur kerana pembangunan sosioekonomi yang terjejas teruk. Kerajaan negeri Barisan Nasional dahulu bersama pihak persekutuan peka dengan keperluan rakyat.

Kita sentiasa pantau isu-isu berhubung bekalan air yang bersih mencukupi dan selamat untuk rakyat. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Tenaga dan Teknologi Hijau dan air didapati kapasiti bekalan air sedia ada di kawasan terbabit telah sampai ke tahap maksima 4326 juta liter sehari namun unjuran keperluan pula meningkat kepada 4625 juta sehari, 2012 iaitu kurang 299 juta. 4798 juta akan berkurangan untuk 2013, seterusnya 4907 akan berkurangan iaitu -581 juta sehari. Krisis bekalan air bermula tahun 2012 dan semakin kronik dijangkakan pada 2014. Cuba kita lihat tahun-tahun sebelum ini pun telah berlaku kemelut krisis bekalan air apabila kemarau agak panjang berlaku juga ada muka sauk ditutup kerana pencemaran air sungai seperti kes di Sungai Gombak dan di Sungai Langat. Ini bermakna masalah bekalan air adalah nyata dan benar. Selangor dan kawasan yang berhampiran memerlukan bekalan yang mencukupi dan konsisten sepanjang musim.

Untuk itu kerajaan memikirkan sumber luar dari Selangor dan Pahang yang paling sesuai. Maka inisiatif projek penyaluran air mentah Pahang - Selangor PPAMPS dan loji Rawatan Air Langat II (LRAL II) yang bernilai berbilion ringgit bermula. Kerajaan Persekutuan bersetuju membiayai projek ini melalui terbitan bon, maka kita tidak boleh melengah-lengahkan proses ini kerana turut boleh menjejaskan pasaran bon di masa hadapan. Puan Timbalan Speaker, kita harus faham dalam urusan bekalan air ini dua pihak iaitu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan harus bertindak segandingan dan seiringan. Keduanya saling memerlukan bagi memastikan bekalan air tidak terjejas untuk kepentingan rakyat kita. Ini kerana pengurusan air terletak dalam Perlembagaan Persekutuan perkara senarai 3 iaitu senarai bersama di mana 9D bekalan dan perkhidmatan air dalam bidang kuasa negeri secara bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Maka ada perkara yang menjadi tanggungjawab Persekutuan dan ada peranan yang dimainkan oleh Negeri. Perkara-perkara ini terangkum di dalam 2 akta penting yang mengawal selia Industri Perkhidmatan air iaitu Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006. Misalnya Kerajaan Negeri bertanggungjawab menjaga Lembangan Sungai termasuk kawasan empangan dan hutan tadahan. Maknanya Kerajaan Negeri bertanggungjawab memastikan sumber air yang cukup berkualiti dan selamat sebelum diambil untuk diproses rawatan di loji-loji. Tanggungjawab Kerajaan Persekutuan pula bermula dari muka sauk loji di mana sumber air diambil dan mula dirawat dan kemudiannya disalurkan kepada pengguna dan rakyat. Secara tepat peranan Kerajaan Negeri ialah pertamanya bertanggungjawab untuk memuktamadkan penstrukturan industri perkhidmatan air di Selangor. Penstrukturan yang dimaksudkan meliputi memuktamadkan struktur pegangan ekuiti dan hal ehwal korporat syarikat-syarikat operator perkhidmatan air yang beroperasi seperti SYABAS dan sebagainya. Untuk itu Kerajaan Negeri perlu segera bersetuju perubahan ekuiti penjualan aset dan pemilihan opsyen dalam penstrukturan. Segera memuktamadkan perjanjian air dengan pihak-pihak yang berkaitan berhubung soal penstrukturan industri air ini. Keduanya, oleh sebab tanah dan kawasan hutan adalah hak kuasa Negeri, maka Kerajaan Persekutuan tidak mengganggu. Maka Kerajaan Negeri perlu memberikan kerjasama bagi membolehkan kerja-kerja inisiatif penyaluran air mentah Pahang Selangor dan loji rawatan Langat dilaksanakan termasuklah segera meluluskan aset-aset sebagaimana yang telah dipersetujui. Saya berharap Kerajaan Negeri juga tidak berpolitik dalam isu bekalan air di Lembah Klang. Tindakan Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar mengaitkan isu pembinaan loji di Hulu Langat dengan penstrukturan semula pengendali bekalan air bersih di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah tidak masuk akal dan boleh menjejaskan bekalan air bersih pada masa akan datang. Memang Kerajaan Negeri berhak untuk membantah kenaikan air yang dicadangkan oleh SYABAS dan saya ingin menyatakan sokongan penuh terhadap bantahan tersebut. Namun kenapa harus dikaitkan dengan pembinaan loji yang merupakan projek masa depan untuk rakyat. Juga harus diingat di

dalam untuk menaikkan kenaikan air ini ada terma-terma yang harus dipatuhi oleh SYABAS dan kuasa sepenuhnya terletak kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Puan Timbalan Speaker, saya kesal kerana Kerajaan Negeri tidak berperanan dan bersikap acuh tidak acuh untuk memuktamadkan penstrukturan air ini. Isu air yang berkepentingan awam telah dipolitikkan seperti papar media dan saya difahamkan oleh pihak Kementerian pimpinan Negeri yang sering berdolok dalik bersetuju ketika berbincang di Kementerian tetapi keputusan bila kembali balik ke Negeri. Banyak persoalan yang bermain di fikiran saya apakah pemimpin yang berunding dengan Kementerian tidak layak dan tidak cukup kompeten untuk membuat keputusan bagi pihak Kerajaan Negeri atau adakah pemimpin tersebut hanya boneka oleh kumpulan parti tertentu dalam kepimpinan negeri. Dan apakah Kerajaan mendahulukan rakyat tau mengutamakan kepentingan politik sempit mereka. Kemudian Kerajaan Negeri mendakwa bahawa data permintaan bekalan air di kawasan berkenaan tidak tepat berdasarkan kajian perundingan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bekalan air mencukupi hingga tahun 2019. sehingga kini Kerajaan Negeri tidak pula mendedahkan nama pihak-pihak yang mengkaji sebagai tanda ketelusan dan kebertanggungjawaban. Silalah kemukakan senarai-senarai konsultan ataupun agensi yang membuat andaian-andaian yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kajian yang tiba-tiba hadir ini nampak sangat satu alasan atau dalih untuk menidakkan inisiatif penstrukturan industri air ini yang telah lama tertangguh. Adakah wajar alasan *simplistic* ini dikemukakan ketika inisiatif telah lama bermula dan kesejahteraan rakyat dan ibu kota negara jadi taruhan. Kesan daripada sikap berdolok dalik serta data yang mengatakan bekalan air mencukupi ini membuatkan rakyat keliru dan rasa resah. Malah para pelabur, pelancong, peniaga dan profesional asing boleh tergugat keyakinan mereka dengan perkembangan dan peluang yang ada di Negeri Selangor. Saya hairan dan kesal bagaimana mungkin Kerajaan Negeri boleh bermain-main dengan isu yang sebegini besar dari segi kos ringgithnya dan implikasi dari segi sosioekonomi. Lebih memelikkan Kerajaan Negeri turu mencanangkan menggantikan bekalan air dari Pahang dengan bekalan air dari Sungai Klang hasil pembersihan projek sungai tersebut. Saya lihat ini satu jawapan yang amat lucu kerana kita tahu Sungai Klang bukan mudah dibersihkan bagi airnya dijadikan sumber minuman. Malah sehingga ini masih belum melihat projek pembesaran Sungai Klang ini berlaku bagaimana air Sungai Klang ini dijanjikan sebagai bekalan dalam dua, tiga tahun ini sebagai air minuman kita.

Malah ketika isu pasir melanda Kerajaan Negeri dengan lubang-lubang pasir bak kawah gunung berapi seperti di Olak Lempit, timbul pula idea untuk menjadikan kolam takungan air sedangkan saya difahamkan oleh mantan Menteri Besar bahawa kajian tahun 2007 Kerajaan terdahulu mendapati bahawa 80% air lombong kita tercemar dengan bahan kimia termasuk *arsenik* yang berkos tinggi dan sukar untuk dibersihkan. Saya bagi pihak rakan-rakan ADUN Barisan Nasional dan rakyat Selangor sekalian menyanjung tinggi keprihatinan yang ditunjukkan oleh kepimpinan kita masa hadapan sumber air di Selangor. Saya lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Teknologi Hijau dan Air dan juga Yang Berhormat Menteri Pertanian telah memberikan teguran-teguran. Ini menunjukkan Barisan Nasional prihatin dan konsisten dalam tekad untuk memastikan kesejahteraan rakyat berterusan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada sahabat Barisan Nasional di Negeri Pahang yang masih komited dan sanggup bekerjasama sejak dari mula hingga sehingga timbul cadangan untuk membina empangan di Negeri Pahang jika Selangor gagal memberikan kerjasama. Saya lihat Kerajaan Negeri lebih banyak berpolitik untuk kepentingan mereka berbanding mahu membela dan memastikan kesejahteraan rakyat. Negeri tidak fokus dengan isu pokok dalam industri air ini malah cuba memesongkannya.

Pasang jerat di hujung tanjung
Terkena landak sedang berlari
Kerajaan Pakatan Rakyat janganlah sombong
Hasil air nak bagi pada kroni

Ahli-Ahli

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini kita dilontarkan lagi dengan hasil negeri untuk rakyat. Ada program Kerajaan Pakatan bercakap merakyatkan ekonomi Selangor tapi yang berlaku merompak hasil mahsul bumi rakyat sendiri. Bercakap soal hasil negeri untuk rakyat, tapi hasilnya, hasil negeri untuk kroninya. Bercakap soal kebajikan negeri, kebajikan tetapi kebajikan hanya diberi untuk Ahli-Ahli Pakatan sahaja. Inilah Kerajaan Pakatan sekarang yang diterajui oleh PKR, parti yang hampir karam sekarang ini dan disokong oleh DAP, parti yang merosakkan agama Islam dan dengki dengan kejayaan orang Melayu dan Raja-raja Melayu.

YB TUAN LAU WENG SAN : Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat 36 (6).

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : yang mula sesat dengan

YB TUAN LAU WENG SAN : Peraturan Mesyuarat, ini Peraturan Mesyuarat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali sila duduk dulu.

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat Batang Kali, 36 (6). Jadi yang Berhormat tadi menyebut bahawa DAP ini merosakkan Islam dan anggota DAP, Wakil Rakyat DAP merosakkan Islam. Jadi ini adalah satu sangkaan jahat. Saya minta

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bacakan Peraturan mana.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tarik balik. 36 (6) sangkaan jahat.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya tak ada kata dia jahat. Saya mengatakan DAP

YB TUAN LAU WENG SAN : Kalau ini bukan sangkaan jahat buat apa? DAP dan Wakil Rakyat DAP anti Islam dan merosakkan Islam. Jadi ini adalah tidak benar. Padahalnya di dalam parti DAP pun ada Wakil Rakyat dan pemimpin daripada kalangan

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Itu masalah DAP bukan masalah saya.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Minta maaf

YB TUAN LAU WENG SAN : Tapi masalahnya kamu yang melempar

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya cakap dasar. Saya tak kata ahli DAP.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali sila duduk dulu. Bacakan Peraturan mana yang dia langgar tadi.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Peraturan 36(6).

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kenyataan dia

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain. Jadi oleh di dalam Dewan yang mulia ini ada ahli ataupun Ahli Dewan yang daripada parti DAP. Jadi apabila Yang Berhormat Batang Kali mengatakan bahawa DAP ini merosakkan Islam. Maksudnya, maksudnya ialah anggota Ahli Dewan Negeri dari DAP pun sebahagian daripada mereka yang merosakkan Islam. Ini adalah tidak benar. Saya rasa ini adalah satu sangkaan jahat dan tidak benar. Saya minta Batang Kali menarik balik kenyataan itu. Begitu juga dengan lemparan tuduhan jahat jadi dilemparkan ke atas PKR.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali adakah betul kenyataan itu dikeluarkan?

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Masalah kita inilah. Bila dia menuduh UMNO samseng, UMNO itu kita tak bantah pun

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Gunakan peraturan, gunakan peraturan.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Bila kita cakap ni, takut ke? Apa nak takut. Tak ada apa-apa makna dengan perkataan ni. Dahlah duduk, duduk.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Kalau begitu okey. Kalau Yang Berhormat

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Kalau *you* tak buat salah, jangan takut. Kalau *you* baik, *you* jangan takut.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Saya terima.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Kalau *you* baik, *you* jangan takut. *You* duduk. Speaker suruh dia duduk. Ini soal saya Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Okey saya bertanya dengan Batang Kali adakah Batang Kali mengeluarkan kenyataan seperti mana yang dibangkitkan oleh Kg. Tunku.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Tak ada, saya tak ada maksud apa-apa. Saya hendak beritahu itu dasar DAP. Macam mana mereka mengatakan dasar UMNO, dasar Barisan Nasional

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Kita tak ada masalah, kita terima.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan saya Batang Kali, adakah Batang Kali mengeluarkan kenyataan seperti mana yang disebutkan

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya baca sekali lagi kalau Speaker hendak dengar apa saya cakap. Saya tak takut langsung. Inilah Kerajaan Pakatan sekarang yang diterajui PKR, parti yang dah nak karam dan DAP, parti yang merosakkan agama Islam, dengki Bangsa Melayu

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya, Peraturan Mesyuarat. Saya hendak tanya

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Itu sudah menyalahi. Itu sangkaan jahat.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Itu persepsi. Saya kata ini dasar mereka.

YB TUAN LAU WENG SAN : Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa saya rosak Islam?

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya hendak minta

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tarik balik.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya, saya minta penjelasan. Saya minta penjelasan ini sekarang. Saya minta penjelasan. Saya minta penjelasan. Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker, saya minta penjelasan. Ini bukan Peraturan mesyuarat. Saya minta penjelasan. Okey, terima kasih. Saya hendak tanya, saya hendak tanya adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa saya sebagai Wakil Rakyat DAP merosakkan Islam?

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Ia. Nak cakap apa?

YB TUAN LAU WENG SAN : Dan saya merosakkan Islam. Oleh itu saya minta Yang Berhormat, saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat 36(6) bahawa kenyataan Yang Berhormat itu adalah satu sangkaan jahat dan saya minta Yang Berhormat Batang Kali tarik balik.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Okey. Kalau itu anggapan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tarik balik.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Y.B. Bukit Tunku, Kampung Tunku, okey saya tarik balik kenyataan itu tetapi dasar itulah dasar DAP dan akhirnya, dan akhirnya saya

YB PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali, Batang Kali awak tak boleh membuat kenyataan yang bercanggah.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya tak cakap pun. Saya dah tarik balik apa lagi?

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Biar saya habis cakap dulu. Sabar. Awak bercakap, bercanggah dengan kenyataan awak sendiri ia Yang Berhormat. Kalau dah Yang Berhormat telah membuatkan satu kenyataan tadi dan mengaku menarik balik kemudian Yang Berhormat kata cakap semula. Jadi itu bercanggah. Yang mana satu ni?

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Rupanya

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang mana satu?

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Ramai pula yang terasa sindiran saya tadi ya? Minta maafah kepada Kg. Tunku. Saya tarik baliklah perkataan itu tetapi saya hendak beritahu

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik teruskan Batang Kali.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya hendak beritahu Kerajaan Pakatan

YB TUAN LAU WENG SAN : Diucapkan Terima kasihlah Batang Kali kerana menarik balik

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Teruskan Batang Kali

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya hendak beritahu Kerajaan Pakatan sekarang ini yang di bawah teraju oleh PKR dan juga DAP yang tidak setuju dengan kejayaan orang Melayu yang tidak puas hati dengan kejayaan Barisan Nasional juga yang didokongi oleh PAS yang mula sesat dan tidak boleh, telah mula ditolak

YB MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Puan Speaker, peraturan tetap 36 tarik balik, dia kata PAS sesat..

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Ok. ok. PAS sesat, PAS tak sesat, PAS tak sesat.

YB MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Puan Speaker, Peraturan Tetap 36(6) jelas mengatakan tadi, di sebut oleh Kampung Tunku pun iaitu seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan kenyataan ataupun sangkaan jahat ke atas mana-mana ahli yang lain ini sudah 3 kali mencabar dewan tak boleh mana boleh ahli dewan bersikap macam ini, kita dah bacakan Peraturan Tetap kena ikut.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya bukan tuju kepada Ahli Dewan, saya tuju pada parti, itu sahaja...

YB MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Ahli Dewan ini mewakili parti

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Itu masalah tuan bukan masalah saya

YB MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Tak boleh kita kenyataan seperti itu adalah kenyataan jahat.. kena tarik balik..

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Puan Timbalan Speaker..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik saya duduk, semua Ahli Dewan duduk, saya minta Batang Kali teruskan perbincangan tanpa membuat tuduhan ataupun mengeluarkan apa-apa kenyataan berbentuk sangkaan jahat.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker dia telah keluarkan kenyataan PAS sesat, PAS sesat..

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Puan Timbalan Speaker saya nak mengucapkan terima kasih dan dengan itu saya mengucapkan *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

YB MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Puan Speaker, itu tadi tak tarik balik kenyataan PAS sesat, itu tidak boleh kena tarik balik, tak boleh takut, nampak hei pengecut ke.. (dewan riuh.....) penakut tak boleh kena rekodkan balik... Saya minta Puan Speaker untuk membatalkan itu sebab kenyataan itu.. kenyataan jahat...(dewan riuh...)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : minta duduk semua. Batang Kali telah menunjukkan sikapnya jadi saya tidak perlu mengulas seluruh dunia memerhati. Jadi kita teruskan perbahasan. Sabak.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Ya.. boleh..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. Teruskan...*Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh..* salam sejahtera, selamat petang dan salam satu Malaysia. Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker, kerana memberi saya peluang untuk perbahasan bajet 2011 Negeri Selangor, yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Puan Timbalan Speaker, saya menyambut baik komitmen Kerajaan Negeri yang mahu meningkatkan hasil padi, dan pendapatan pesawah melalui pakej rangsangan ekonomi iaitu melalui projek peningkatan hasil tanaman padi dengan pelan 5 tahun, dari tahun 2009 sehingga 2013 oleh kerana saya juga adalah merupakan anak petani. Tetapi malangnya apa yang mendukacitakan ialah Kerajaan Negeri telah bertindak sebaliknya, ini merujuk kepada tindakan dan keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memberhentikan kerja-kerja kontrak dan juga menyita jentera-jentera bagi projek menaik taraf kawasan sawah di Tanjong Karang, Barat Laut Selangor, projek tergendala sejak 27 Julai selepas Jabatan Hutan Negeri Selangor menyita 15 jentera pengorek, oleh kerana melakukan kerja-kerja di kawasan hutan simpan tersebut.

Ini membuktikan 2 projek iaitu pertama menaik taraf terusan *fider* kawasan pengairan Tanjong Karang yang bernilai 5.42 juta yang bertujuan untuk menaik taraf sistem terusan pengairan untuk skim pengairan Tanjong Karang untuk meningkatkan keupayaan bekalan di samping meningkatkan tahap kualiti sumber air, pengairan serta mengekalkan dan ke Lestari alam sekitar untuk membolehkan *ekosistem* semula jadi di hutan simpan Raja Muda.

Dan yang keduanya projek membina dan menyiapkan kolam takungan di skim pengairan Tanjong Karang yang bernilai 25.75 juta di Sungai Kajang, projek ini juga bertujuan untuk menambah sumber air pengairan melalui takungan air sementara yang diambil dari terusan utama dan dibekalkan ke kawasan-kawasan yang menghadapi masalah kekurangan air terutamanya di musim kemarau, tapak projek pelan takungan ini terletak di Parit 4, Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam.

Di ketika ini status projek terusan ini telah pun 85% hampir siap dan dijangka selesai dalam waktu yang terdekat, manakala projek kolam takungan itu yang 5% siap dijangka dapat digunakan pada tahun 2012. Manfaat kolam takungan ini kelak dapat menampung 1.5 juta meter padu air bagi memastikan bekalan air yang mencukupi di 3 kawasan parlimen, iaitu di Tanjong Karang, Sungai Besar dan Sabak Bernam. Terutamanya 918 pesawat di Panchang Bedena dan di Bagan Terap yang sering mengalami masalah kekurangan air.

Namun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 18 Ogos 2010 yang lalu telah meminta pihak AIDA ataupun kontraktor yang membayar yang pertama wang sebanyak 150 ribu, bagi mendapatkan 15 mesin jentera yang telah disita.

Dan yang ke-2, wang sebanyak 690 ribu bagi kompaun untuk gantian wang ganti rugi. Dan yang ketiga, mengenakan permit penggunaan kawasan hutan yang digunakan dengan kadar sebanyak 800 setahun setiap hektar.

Dan yang ke empat mengenakan wang cagaran sebanyak 500 ribu untuk pemeliharaan kawasan yang terbabit dengan projek tersebut. Keputusan yang dibuat jelas membuktikan kerajaan negeri telah menghalang projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sikap tidak mesra dan tidak mahu bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, tindakan saman dan caj yang dikenakan adalah keterlaluan dan tidak adil dan tidak masuk akal. Misalnya kadar sewa penggunaan tanah hutan simpan yang digunakan dengan kadar 800 ringgit sehektar setahun untuk kedua-dua projek ini boleh dikenakan bayaran sekali sahaja bukannya setiap tahun.

Bukankah? Projek ini untuk kepentingan rakyat khususnya bagi menambah pendapatan petani dan meningkatkan kewangan negeri dengan caj yang tidak wajar yang dikenakan caj kepada Kerajaan Pusat dan juga kementerian. Sewajarnya kerjasama yang penuh diberikan dan tiada caj yang bukan-bukan memandangkan projek ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak persekutuan manakala kerajaan negeri dan rakyat Selangor menerima manfaatnya.

Sepatutnya Kerajaan negeri bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan projek ini bukan mengenakan pelbagai syarat dan juga bayaran ke atas kementerian dan Kerajaan Pusat.

Yang kedua ianya juga menjejaskan prestasi kerja projek seterusnya akan membawa implikasi yang besar kepada kemajuan dan juga pembangunan sawah padi di kawasan Barat Laut Selangor dan yang Ketiga ia nya juga menjejaskan potensi dan mengancam pendapatan para pesawah pada jangka panjang dan yang keempat paling utama akan menjejaskan industri padi negeri dan negara keseluruhannya, dan hasrat menjadikan jelapang padi kita terjejas sebagai antara pusat simpanan negara.

Saya difahamkan pihak AIDA ataupun Barat Laut telah berhubung dengan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan memohon untuk memasuki kawasan hutan simpanan berkenaan sebelum projek itu dijalankan, tetapi oleh kerana tiada sebarang jawapan daripada pihak perhutanan AIDA terpaksa meneruskan projek tersebut sebagaimana yang telah dirancang. Ini menunjukkan kelemahan pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Puan Timbalan Speaker, saya juga meletakkan satu harapan yang besar agar Jabatan Hutan dan Kerajaan Negeri peka terhadap kedua-dua projek ini demi masa depan pembangunan pesawah padi di Negeri ini khususnya di Sabak Bernam. Mereka akan dapat menyejatkan kelulusan dan memberikan kerjasama dan tidak mengenakan sebarang syarat yang tidak sewajarnya. Projek ini perlu diberi keutamaan dan disegerakan memandangkan projek ini telah dipohon sejak tahun 2005 apabila bajet sudah ada maka ia perlu di bereskan sebelum Oktober ini jika tidak peruntukan bagi projek ini terpaksa dipulangkan kembali kepada Perbendaharaan. Ini amat merugikan masa, tenaga masa hadapan pesawah-pesawah di Negeri Selangor memandangkan bajet terpaksa dipohon semula untuk kelulusan.

Kita mempersoalkan tindakan kerajaan negeri yang saya lihat hendak mempolitikkan atau menggagalkan pelaksanaan projek ini sedangkan hutan ditebang bagi pelaksanaan projek itu

bukan untuk kepentingan mana-mana individu atau syarikat tetapi untuk kepentingan para pesawah dan juga industri padi di negeri keseluruhannya.

Timbalan Puan Speaker, isu ini sekadar memesongkan kita dari fokus utama iaitu bagi meningkatkan hasil padi para pesawah pada hal keadaan makin mencemaskan apabila musim lepas ramai daripada pesawah-pesawah di kawasan Sabak Bernam yang menghasilkan pengeluaran padi yang begitu merosot yang difahamkan ada yang penghasilannya tidak sampai 1 tan dalam 1 lot, yang mana setiap musim petani-petani kawasan Sabak Bernam mengalami masalah kekurangan air oleh sebab pesawah-pesawah di sana memerlukan air untuk menjayakan ataupun mendapatkan pengeluaran padi yang terbaik dan sekiranya kekurangan air adalah menjadi satu perkara yang mustahil untuk mempertingkatkan hasil pertanian di kawasan Sabak Bernam. Sedangkan mereka terpaksa menanggung kos membajak, upah penuai dan skim pinjaman kredit padi dari Bank, terdapat juga mereka yang tidak mendapat hasil langsung kerana pihak bank terus memotong pinjaman dan segelintir masih lagi berhutang dengan bank.

Sementara saya memohon pada pihak bank dan kementerian agar memikirkan kaedah yang dapat membantu mereka, jadi saya ingin bertanya apakah? tindakan kerajaan negeri dalam hal ini bukannya? Industri padi ini termasuk salah satu projek pakej rangsangan ekonomi negeri, bagaimanakah? Pesawah-pesawah ini dapat dibantu inilah sepatutnya yang dapat membantu kerajaan negeri bukan menunjukkan sikap tidak mahu bekerjasama dan menyusahkan pihak Kerajaan Persekutuan apabila cuba mahu membantu pesawah-pesawah di negeri kita.

Imej dan prestasi industri pertanian Selangor yang telah dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu adalah satu kejayaan dan warisan yang perlu diberi perhatian serius, imej dan wajah pertanian Selangor adalah moden, berteknologi tinggi, berinovasi, berdaya saing dan berdaya maju, oleh sebab itu kita beri nama pemodenan sektor pertanian. Dan dalam bajet dinyatakan sumbangan pertanian dan perlombongan kepada keluaran dalam negeri kasar KDNK pada tahun 2009 ialah 1.3%, dan dijangka menguncup 1% pada tahun 2010.

Hanya 3 bidang yang diberi perhatian dan disebut penanaman padi, perikanan dan juga ternakan, jadi saya merasa amat gusar melihat senario ini kerana sumbangan pertanian semakin kecil dan kurang relevan dan kurang impaknya kepada petani-petani. Kita sewajarnya bukan lagi bercakap atau merancang atau membuat andaian untuk membuat pembangunan pertanian, ataupun sekadar menghasilkan hasil pertanian yang banyak tetapi kita sudah melangkaui fasa pertanian yang maju, moden berteknologi tinggi ataupun teknologi yang mana menumpukan pada dua konsep berikut :-

Yang pertama pendekatan pertanian hari ini harus berasaskan produk bermakna kita menghasilkan produk hasil pertanian yang menepati cita rasa pengguna atau mencipta pasaran baru yang belum diterokai. Ini akan merangsang pengoptimuman pengeluaran bahan-bahan mentah dan mengembangkan industri asas tani yang melibatkan pemprosesan, pembungkusan, pengeluaran dan yang paling utama ialah pemasaran produk-produk tersebut.

Sebagai contoh Negeri Selangor dikenali sebagai produk-produk industri kecil dan sederhana. Usahawan kita giat mengeluarkan produk-produk makanan ringan seperti kerepek ubi, dan makanan sejuk beku. Pemasaran produk ini bukan setakat di pasar-pasar raya besar seperti GIANT atau TESCO tetapi juga telah menjangkau ke pasaran global ke Timur Tengah, Amerika Syarikat, Eropah dan lain-lain negara. Kita pernah melahirkan 12 orang usahawan, produk kerepek yang jualanannya setahun dari RM200 ribu hingga RM5 juta. Ini termasuk 36 orang usahawan yang menghasilkan produk makanan ringan sejuk beku dan kuih muih yang bernilai

jualannya terkumpul dengan nilai RM23.5 juta setahun. Jadi strategi haluan untuk memastikan bekalan kayu, pisang mentah mencukupi manakala strategi hiliran ialah memastikan pasaran produk ini terus diperkukuhkan dan diluaskan ke tempat-tempat baru atau menambah nilai produk tersebut maka pencapaian lalu hasil pendekatan berasaskan produk yang wajar disambung dan diberi nilai tambah baru oleh Kerajaan hari ini. (Batuk). Sehubungan dengan itu, setelah Kerajaan Negeri bertukar pentadbiran mengambil alih Kerajaan Negeri bagaimanakah prestasi dan perkembangan para usahawan yang disebutkan di atas tadi? Di manakah mereka ini? Adakah mereka masih mengekalkan prestasi ataupun sudah merudum kerana tidak ada pihak yang ambil peduli.

Saya juga difahamkan, usahawan produk IKS terutamanya pengeluar makanan ringan, kerepek yang berasaskan ubi dan pisang menghadapi masalah dari segi bekalan mentah. Ini menyebabkan pengeluaran dan pemasaran produk mereka tidak konsisten dan menjejaskan perniagaan mereka. Saya berharap usahawan yang ini dikesan semula dipantau perkembangan mereka dan dibantu terutamanya dari segi penyediaan tanah bagi penanaman pokok-pokok pisang dan juga ubi untuk bekalan mereka. Misalnya jika hari ini kita masih disajikan dengan sasaran pengeluaran padi 10 tan perhektar maka sudah ketinggalan. Ini bukan cerita baru malah sebenarnya penerusan dari asas yang telah dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Pertanian moden fasa kini bukan setakat penghasilan padi yang berkualiti dalam kuantiti yang banyak tetapi bagaimanakah kita mesti mempelbagaikan hasil pertanian, mengolah dalam pelbagai bentuk produk makanan yang sedia untuk di saji, memasarkan produk tersebut dan mempromosikannya. Apakah inovasi atau cabang baru dalam industri pertanian dan apakah persepsi sektor pertanian yang kita sebenarnya ketika ini secara makro dan juga mikro dan apakah inovasi terkini dalam sektor pertanian yang membolehkan ia benar-benar tumbuh dan bergerak sebagai enjin ketiga penjana ekonomi negeri dan baru-baru ini saya juga ada terbaca satu berita di dalam sebuah surat khabar yang mana Sabak Bernam akan dijadikan Pusat Ternakan Itik Telor, jadi saya mengharap agar projek ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera dan saya tidak mahu apa yang telah disebutkan oleh EXCO Pertanian cuma menjadi sekadar impian kepada penduduk Sabak Bernam dan selain daripada itu juga kita sedia maklum apa yang telah diwar-warkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat hari ini dengan dasar Kerajaan Berkeadilan tetapi ianya belum diterjemahkan dengan sebenar-benarnya dan petang semalam kita juga mendengar yang mana PAS pula berbangga dengan Pemuda unit amal yang kononnya melaksanakan kerja-kerja amal tetapi saya hairan apa yang dilakukan oleh kerja-kerja unit amal Pemuda PAS ini yang akhirnya tidak tahu buat kerja di kawasan DUN Sabak yang akhirnya kerja mereka mencuri bendera-bendera BN dan juga membakar bendera-bendera UMNO dan apa yang menyedihkan di kawasan pembakaran bendera UMNO dan juga Barisan Nasional terlonggok botol-botol bir di kawasan tersebut. Ini yang menghairankan, oleh kerana hasrat PAS ingin menutup kilang arak pada pilihan raya tetapi ianya masih belum ditutup sehingga ke hari ini. Mungkin unit amal PAS ini ingin merasa bagaimanakah rasa bir yang telah dikeluarkan oleh kilang arak di kawasan Petaling Jaya. Jadi oleh itu, saya memohon agar kepada Yang Di Pertua PAS agar memohon memberi tarbiah kepada Pemuda unit amal PAS di kawasan Selangor ini. Sekian, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, selamat petang. Terima kasih Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang setia, sidang pemerhati, pegawai-pegawai kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Pertamanya Batu Caves, mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan dan masa yang telah diberikan untuk bersama-sama membahas Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2011 atau pun lebih mudah kita sebut

sebagai Belanjawan Tahun 2011. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Puan Timbalan Speaker kita menyambut ataupun membentangkan Belanjawan kali ini dalam suasana selepas masyarakat kaum India dan juga Hindu meraikan Deepavali dan juga sama-sama selepas ini selepas habis sesi ini kita akan sama-sama menyambut perayaan Aidiladha bagi orang yang beragama ataupun penganut-penganut beragama Islam dalam sambutan Deepavali yang juga dipanggil sebagai sambutan cahaya oleh masyarakat Hindu mereka mengambil kira kepada kejayaan Rama menghancurkan Ravana yang telah menculik Sita dengan cara yang jahat. Ravana diberikan kuasa dan keistimewaan, Ravana juga yang dipanggil sebagai Damasuka mempunyai kekuatan sehingga menguasai tiga jenis dunia. Dunia di daratan, dunia di alam ghaib dan juga dunia-dunia di alam lain berada dalam keadaan sombong dan kerana kesombongan, ketamakan atas kekuatan yang dianugerahkan ke atas Ravana ini. Ravana berkepala 10 dan disebabkan 10 kepala itu dia menjadi jahat dan kerana 10 kepala itu dia menjadi pintar dan kerana kepintaran itu dia menggunakan kepintaran itu untuk kejahatan.

Puan Timbalan Speaker, makna daripada kejayaan Rama menghancurkan Ravana ini sudah pasti harus kita ambil dari sifat yang konklusif dan holistik yang merentasi semua kaum dan agama agar kita sama-sama faham bahawa Deepavali perayaannya yang bukan disambut dengan hanya cahaya ataupun sekarang sudah ada mercun ditembak ke sana ke mari tetapi kejayaan menghancurkan kesombongan dan menghancurkan kebatilan dan kejahatan sebagaimana yang ditampilkan daripada kejayaan Rama tersebut. Bila Rama turun kembali ke Ayudia sambutan itu dinamakan sebagai sambutan Deepavali. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian dalam pada itu juga orang beragama Islam akan menyambut Aidil Adha. Saya rasa sebahagian besar daripada Ahli-Ahli Dewan yang beragama Islam tahu latar belakang dan juga cerita yang melatari serta pengajaran yang tertakluk dalam kisah Aidil Adha. Aidiladha memberikan keinginan dan keingatan kepada kita agar patuh kepada suruhan dan perintah Allah walaupun kadang kala suruhan itu menakutkan, mengerikan serta melampaui kepada batas-batas yang telah ditetapkan. Dalam kisah Aidiladha itu, kisah Nabi Ismail dan sebagainya menceritakan kepada kita bagaimana kita diberikan suruhan dan arahan serta unjuran daripada Allah SWT untuk berkorban. Untuk menyampaikan khidmat kita, membantu sesama manusia, membantu sesama umat dan membantu antara satu sama lain agar kekayaan dan juga hasil dan juga kejayaan kita bersama-sama itu dapat dinikmati bersama. Tidak tenang iman dan tidak diiktiraf iman seseorang Muslim itu bila dia bersenang lenang tinggal di rumah yang besar, ada mahligai ala Bali tetapi dalam masa yang sama ada lagi orang yang susah dan sukar. Malahan dalam konteks sedara dalam konteks masyarakat Islam, Nabi Muhammad SAW ataupun yang sebenarnya Sayidina Ali menegaskan ada penjelasan yang cukup jelas mengenai persaudaraan (ayat Quran) atau pun persaudaraan kepada sesama Islam dan persaudaraan sesama insan. Kata akar kepada kata-kata Ali itu, mengingatkan kepada kita bahawa persaudaraan itu merentasi agama, merentasi agama, merentasi kaum, merentasi kepercayaan malahan merentasi kepada perkara-perkara kepercayaan politik malahan ikutan persatuan atau pun sebagainya.

Saya kira atas dasar itu, kita harus melihat bagaimana iktikad politik yang telah ditonjolkan oleh YAB. Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar dalam membentangkan belanjawan ini yang mengingatkan kepada kita ataupun iktikad Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah Parti Keadilan, PAS dan DAP untuk menyebarkan hasil negeri kepada rakyat khususnya untuk membantu masyarakat-masyarakat dan juga mereka-mereka yang tertinggal dengan 4 strategi yang kalau boleh saya ulang untuk ambil masa sedikit iaitu menguruskan sumber negeri secara bijaksana, memantau pengurusan perbelanjaan yang cekap, mendorong pembangunan modal insan dan melestarikan pembangunan negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Puan Timbalan Speaker serta sekalian Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, namun begitu apa yang saya agak kesali apa yang ditonjolkan oleh Barisan Nasional sepanjang dalam sidang kali ini tidak menunjukkan ciri-ciri untuk membantu mempertingkatkan usaha-usaha ini selain daripada menuduh, mencerca, mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bagi saya tadi disebut Batang Kali yang tidak bertanggungjawab. Bagi saya ini adalah salah satu daripada ciri dan juga pengajaran penting kepada rakyat yang mengikuti siaran ini secara langsung bagaimana sikap sebenar pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional dalam menanggapi dan memahami isu rakyat selain membangkitkan isu-isu yang kadang-kadang *half true* dengan izin ataupun separuh benar.

Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian belanjawan kali ini kita tetapkan ataupun Kerajaan Negeri tetapkan daripada kaedah berimbang di mana kadar pendapatan negeri akan disesuaikan dengan perbelanjaan yang diuruskan negeri dengan sekitar RM1.43 Bilion dengan strategi-strategi yang telah saya sebutkan tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian sesungguhnya Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat telah berusaha sedari daripada hari awal kita memerintah untuk memastikan pengurusan sumber negeri dan juga pengurusan hasil-hasil negeri ini diuruskan secara bijaksana. Kita tidak mahu lagi mendengar rentetan dan peristiwa serta isu yang melingkari Kerajaan Barisan Nasional lepas, tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan oleh mereka sepanjang sidang Dewan hari ini tidak mencerminkan wajah dan muka mereka yang sebenar kita tak nak dengar kisah bagaimana membawa anak dan isteri ke Disyneland untuk lawatan teknikal, kita tak nak dengar diberikan RM 9 juta untuk isteri-isteri wakil rakyat bila kalah bungkus persatuan dan alihkan wang itu kepada orang lain. Kita juga tak dengar daripada pembentangan bajet YAB. Menteri Besar menganugerahkan sejumlah wang yang besar untuk isteri beliau dan PEKAWANIS walaupun ia dilakukan oleh Najib dalam pembentangan belanjawan memberikan RM111 juta kepada PERMATA walaupun Rosmah Mansor bukan seorang Menteri tetapi mempunyai kuasa untuk *delegate* wang itu, memberikan wang itu kepada kroni dan juga sahabat handai mereka.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya tertarik tadi bila disebut soal pemberian pasir yang dianggap sebagai wang atau pun harta rampasan perah. Inilah sikap UMNO dan Barisan Nasional melihat harta kekayaan hasil masuk serta kejayaan negeri Selangor sebagai harta rampasan perang yang halal dibahagikan di antara satu sama lain. Kita tak buat Sungai Burong dah terbang, Sungai Panjang dah pendek dah tak ada. Saya tak tahu media tolong *report* inilah sikap UMNO dan Barisan Nasional dilantik menjadi Ahli Dewan datang dengar, sidang, bahas dan bergaduh suka hati kita boleh lakukan tetapi dilantik menjadi Ahli Dewan datang mengeluarkan kenyataan mencecar, menghina, mengeluarkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab. Selepas itu keluar dan tidak mampu berdepan dengan hujah yang didirikan oleh mereka sendiri. Bagi saya ini salah satu daripada kegagalan UMNO selebih 50 tahun memerintah Negara dan juga negeri kita, negeri Selangor Darul Ehsan ini memisahkan kotak fikiran mereka dan cara minda mereka berfikir bagaimana seorang Ahli Dewan berfungsi. Apa fungsi seorang Wakil Rakyat? Apa fungsi seorang Menteri? Apa fungsi seorang EXCO? Apa fungsi seorang Majlis sehingga berlaku kecelaruan. Ahli Majlis adalah Wakil Rakyat.. Wakil Rakyat menguasai Majlis Tempatan. Ketua Kampung mewakili dan memenuhi keperluan surau dan iman. Inilah yang berlaku kepada kecelaruan mereka sehingga apa yang ditunjukkan dan rasa simpati kepada sahabat saya Ng Suee Lim atau pun Ahli Yang Berhormat Sekinchan. Yang mendapat kesan daripada kebodohan yang ditanam oleh pimpinan-pimpinan UMNO kepada pengikut-pengikut mereka. Saya nak sentuh hal ini, saya tak sempat ambil masa Ahli Dewan kita dipanggil Ahli Dewan Negeri Selangor. Kita membahaskan dasar dan Belanjawan Negeri tidak terkurung dan terbatas ke kawasan kita. Kita sentuh hal PKNS, kita sentuh hal PKPS, kita sentuh tentang Perbandaran keseluruhannya. Itu pun kalau fikiran yang pendek secara sederhana dapat melihat bagaimana fungsi seorang Ahli Dewan

merentasi sempadan-sempadan kawasan. Merentasi sempadan-sempadan lokaliti Pilihanraya yang telah ditetapkan oleh SPR oleh kerana kita adalah Ahli Dewan Negeri Selangor. Sebab itu saya lihat pada hari ini mereka tidak faham, masih tidak faham dan mungkin tidak akan faham kecuali mereka bertaubat masuk Pakatan Rakyat, PAS, Keadilan dan DAP untuk bersama-sama kita membantu dan menyelamatkan rakyat secara keseluruhannya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Saya nak sentuh hal pertama bila kita bentangkan bajet secara berimbang kali pertama 2008, 2009. Apa yang disentuh oleh Ketua Pembangkang, Sungai Panjang dan sahabat-sahabatnya seolah-olah kita ingin mencari populariti. Kita tidak ada perancangan, kita tidak berani merancang kewangan kita lebih dan berusaha untuk mendapatkan dengan cara yang lebih. Ini yang dibangkitkan oleh mereka sedari daripada 2008 tetapi bila kita buat belanjawan dengan cara berhempah ini secara berimbang ini secara berturut-turut tiga tahun. Walaupun pada tahun 2009 Laporan Audit menunjukkan bahawa kita berada pada keadaan defisit sebanyak RM65 juta tetapi UMNO dan Barisan Nasional kena sedar terutama Sungai Panjang kerana selepas beberapa tahun beliau memerintah sejak tahun 1999, 2000, 2001, 2002, 2003, 2004, 2006 selepas enam (6) tahun beliau memerintah Kerajaan Negeri bajet dan belanjawan Kerajaan Negeri atau pun urusan Rang Undang-Undang Perbekalan Kerajaan Negeri selepas tambahan pada tahun 2005 juga mencatat defisit sebanyak RM66.74 juta. Jumlah itu menunjukkan kadar RM1 juta lebih tinggi daripada Belanjawan atau pun defisit perbelanjaan yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009 pun begitu kita memberikan teguran ini dan melihat bahawa perkara ini harus diambil perhatian dan saya nak ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor dan tak payah dengar nasihat Khir Toyo dan Sungai Panjang dan kunci-kuncunya. Kerajaan Negeri telah berusaha di bawah kebenaran Kerajaan Negeri urus tadbir Kerajaan Negeri menjimatkan yang mana perlu, memperkemas sistem urus tadbir kita. Sebagaimana yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri, Rizab Hasil Disatukan atau pun jumlah wang yang ada pada Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2010 sebenarnya mencatatkan lebihan atau pun surplus lebih kurang RM268.2 juta tertinggi dalam sejarah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sepanjang pemerintahan kita dan juga yang lain-lain. RM268.2 juta sebab itu Sungai Panjang bagi saya tidak memberikan contoh, tidak memberikan fakta yang jelas dan memberikan fakta yang separuh benar dalam membahaskan Ucapan Belanjawan ini dengan melupakan pertambahan 66.74% defisit pada tahun 2005. Beliau menghurai tentang beberapa banyak perbelanjaan tambahan yang kita uruskan termasuk Insha-Allah RM8 juta nanti yang akan mencecar RM100 juta lebih pada tahun ini atau pun pada tahun RM 200 juta. Tetapi beliau lupa pada tahun 2007 dalam Sidang Dewan lepas, saya dah sebutkan 2007 Pentadbiran Barisan Nasional di bawah Sungai Panjang mencatatkan kadar perbelanjaan tambahan sebanyak RM 202 juta lebih. Lebih tinggi walau pun dia buat sekali. Ini dia bising kita buat 3 kali tetapi dia tak tengok jumlah sebenar yang mewakili dan melebihi lebih kurang 14% atau 15% daripada RM 111 bilion atau pun RM 111.5 bilion yang telah menjadi belanjawan awal dibentangkan pada tahun 2006 atau pun 2007.

Justeru Ahli-Ahli Dewan Yang Saya Kasihi Sekalian dakwaan tentang negeri akan bankrap, negeri akan berada dalam keadaan mufliis atau pun akan tergolong dalam Negara-negara PIGS, Portugal, Iceland, Greece dan juga Sepanyol adalah satu tuduhan yang melampau-lampau *exaggerating* dengan izin yang cuba untuk mengapi-apikan serta meragui pemikiran rakyat daripada apa yang sebenar yang telah kita lakukan sepanjang pemerintahan kita walaupun kita lebih tiga (3) tahun Perintah hampir tiga (3) tahun ini negeri di Perintah oleh Pakatan Rakyat dan juga pimpinan YAB Dato' Menteri Besar. Namun begitu apa yang harus kita ingatkan, ya bukan harus jadi satu keselesaan kepada Pakatan Rakyat dan EXCO-EXCO Kerajaan Negeri. Dalam sesi-sesi Dewan yang lepas Ahli-Ahli Dewan termasuk Ketua

Penyokong dan wakil-wakil kita yang lain membangkitkan bagaimana usaha penting untuk fokus peningkatan hasil negeri. Alhamdulillah, tahun ini atau pun dalam pembentangan belanjawan ini Kerajaan membuktikan bahawa peningkatan hasil negeri berlaku pada tahun lepas atau pun pada tahun 2009 dan ini adalah sebagai satu tanda yang cukup jelas bahawa kepimpinan Pakatan Rakyat bersifat responsif dan terbuka dengan kritikan langsung mengendalikan serta menguruskan negeri kita untuk kebaikan serta kesejahteraan, kesejahteraan rakyat bersama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Sebab itu dalam pengurusan ini saya juga ingin melihatkan dan ingin memberikan ingatan kepada Kerajaan Negeri agar tidak mengulangi perbelanjaan secara defisit ini kerana akhirnya defisit akan jadi barah bisul yang besar yang akhirnya akan menjadi bengkak dan akan menyebabkan krisis serta bermasalah kewangan jika berlaku masalah-masalah yang tidak terduga. Sebagaimana yang diamalkan sebutkan oleh Sekinchan tadi bahawa selebih daripada 12 tahun atau lebih daripada 12 tahun lebih Kerajaan Barisan Nasional di Peringkat Federal telah mengumumkan defisit bajet atau pun bajet berlebihan yang telah membengkak dan akhirnya boleh menyebabkan keadaan berlaku ekonomi kita yang kurang stabil. Silakan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih, Batu Caves. Saya ingin bertanya kepada Batu Caves berkenaan dengan defisit belanjawan di Peringkat Federal yang mana lebih daripada RM20 bilion. Kalau disebutkan oleh Sungai Panjang dengan defisit baru kali pertama di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat dekat RM20 juta dia sudah kategorikan negeri kita bakal termasuk dalam Negara-negara yang disebutkan dalam PIGS itu apakah dengan defisit RM20 bilion. Jadi mana negeri kah sama ada Selangor atau pun Kerajaan Malaysia itu yang akan bankrap?

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih sahabat saya Sri Muda. Yang nyata maklumat serta rahsia risiko kebangkrapan ini keluar daripada mulut pemimpin UMNO dan Barisan Nasional Datuk Idris Jala, Menteri yang menguruskan pemandu dan menguruskan Hal Ehwal di Jabatan Perdana Menteri. Beliauah orang pertama yang menyebut tentang Malaysia berhadapan dengan bankrap. Kalau tidak membuang serta mengikis beberapa subsidi-subsidi yang menguntungkan rakyat tetapi apa yang nyata daripada bentuk belanjawan urusan Kerajaan Barisan Nasional. Saya nak sebut tentang Sungai Panjang tunjuklah kerusi orangnya tak ada, cakap macam cakap dengan kerusi. Dia sebut bahawa corak pentadbiran Najib dalam pembentangan belanjawan lepas menunjukkan bahawa mereka lebih merakyatkan ekonomi berbandingkan Kerajaan Negeri. Satu kenyataan yang mereng, yang juling dan tidak menunjukkan apa realiti sebenar.

Yang dinaikkan apa elaun JKKP sebahagian besar daripada JKKP ini adalah Pengerusi atau cawangan UMNO di seluruh Negara. Mana nikmat rakyat secara keseluruhannya adalah iman naik gaji sedikit, guru KAFKA naik sedikit tak ada pelambang jelas dalam masa yang sama Kerajaan Barisan Nasional naikkan perkhidmatan cukai daripada 5% kepada 6%. Ini tidak disebutkan dalam belanjawan Najib walaupun tertulis dalam buku belanjawan mereka. Daripada situ sahaja Kerajaan nak mengutip hampir 100% juta lebih termasuk pengguna-pengguna ASTRO yang berjumlah lebih kurang 3 juta orang secara keseluruhannya. Dulu tidak dikenakan cukai perkhidmatan sekarang dalam belanjawan yang dianggap merakyatkan Ekonomi Negara oleh Sungai Panjang. Satu kenyataan yang tidak jelas yang *mereng* dan juling bagi saya terpaksa membayar cukai perkhidmatan 6% bagi pengguna-pengguna ASTRO dalam belanjawan yang diumumkan oleh Najib Tun Razak.

Apa yang merakyatkan dan apa yang membantu masyarakat keseluruhannya. Ini berbeza daripada apa yang dipamerkan oleh pendekatan Pakatan Rakyat dengan meneruskan usaha-usaha kita yang lebih bersepadu. Meneruskan jalan-jalan kerja kita yang membentuk rakyat ekonomi negeri Selangor dengan ditukarkan tema maksud yang lebih *direct* dan lebih jelas iaitu hasil negeri untuk rakyat. Kita teruskan program-program merakyatkan ekonomi di samping menampilkan Fasal Ketiga Mikro Kredit dan sebagainya itu yang sudah pasti menunjukkan bagaimana hasil yang kita kutip dengan jelas diumumkan di dalam Dewan Undangan Negeri. Disebutkan dalam jawapan-jawapan dibangkitkan oleh semua Ahli Dewan bagaimana kita kutip hutang itu dan kita salurkan balik kepada rakyat melalui Skim Mikro Kredit atau Skim Cell dan Nimbar yang akan dilakukan pada bulan tiga. Namun, begitu bagi saya daripada pembentangan belanjawan ini bagi pihak Pentadbiran Eksekutif Kerajaan Negeri harus memastikan agar strategik kedua pemantauan yang cekap ini benar-benar dapat dilaksanakan. Kita dengar daripada Kerajaan Negeri di saat kita menyambut dua (2) tahun pemerintahan Pakatan Rakyat perubahan dan pencerahan rakyat Selangor memilih Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya yang lepas kita umumkan satu Skim Mikro Kredit yang menyeluruh kepada seluruh rakyat daripada kutipan talam ini. Rakyat sambut dengan cukup gembira. Namun pelaksanaan dan pengurusan itu bagi saya bukannya buruk tapi boleh diperbetulkan dan boleh dipercepatkan. Kita buah dua (2) pemisahan untuk di bandar dan luar bandar betul saya setuju kerana penempuhannya sangat berbeza dan mungkin berlainan tetapi kalau kita terpaksa tunggu sampai bulan tiga untuk melaksanakannya dan akan hanya akan dilaksanakan pada ulang tahun ketiga pemerintahan Pakatan Rakyat saya bimbang ia hanya dianggap sebagai gula-gula pilihanraya oleh rakyat yang sudah celik matanya dan tidak mudah tertipu sebagaimana dahulu. Justeru gesaan saya yang sangat mudah dan saya rasa sangat jelas kepada EXCO yang berkaitan khususnya untuk menangani masalah miskin bandar. Ini satu permasalahan yang saya rasa sangat *real* khususnya melibatkan golongan-golongan muda yang mencapai atau pun melingkungi lebih kurang 40% daripada 50 juta lebih atau pun daripada 5 juta lebih penduduk di negeri Selangor, maafkan saya. 5 juta lebih penduduk di negeri Selangor 40% adalah golongan muda yang bekerja dengan aktif sebahagian besarnya membantu meningkatkan sektor ekonomi negeri keadaan masyarakat dan secara keseluruhannya terutama di kawasan bandar. Mereka-mereka inilah yang terperangkap dalam masalah kemiskinan bandar. Nampak pendapatannya seperti tinggi, 1,200 tetapi tinggal di bandaraya Petaling Jaya *cost of living* dengan izin tahap hidup dan kos hidup mereka sangat tinggi. Apatah lagi bila cukai perkhidmatan naik. 1% yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat. Justeru bagi saya adalah sangat perlu dan sangat penting untuk kerajaan negeri khususnya EXCO yang berkenaan untuk mempercepatkan pengurusan. Mempercepatkan lantikan pegawai-pegawai yang berkaitan dan memastikan penyaluran bantuan 20 juta yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar dalam belanjawan kali ini dapat dilaksanakan dengan cepat. Kalau tidak kita akan meneruskan ... atau pun lingkaran jahat kemiskinan yang berlangsung di Bandar sebahagiannya mereka-mereka ini yang *trap* dengan izin terperangkap dan menjadi *survival of the middle class* namanya contohnya kedudukannya seperti *the middle class* tetapi mereka terperangkap dalam rangkaian kemiskinan.

Tak cukup hutang *credit card*, hutang kereta, tambah pula keluar universiti hutang PTPTN 21,000 macam saya dan yang lain-lain dan berhutang dengan ada pula bunga daripada PTPTN ini bijak sangatlah Barisan Nasional tambah lagi bunga. Sampai lima enam tahun atau pun sepuluh tahun mereka boleh berhutang hampir 20,000 lebih. Atau pun dua puluh tahun kalau mereka tidak mampu keluar daripada rangkaian kemiskinan ini dan mungkin boleh dibantu melalui SME atau pun ah! IKS Industri Kecil Sederhana yang mungkin boleh dilibatkan melalui industri-industri bandar, insya-Allah kita boleh mengeluarkan mereka daripada bencana *bankrap*.

Tuan Timbalan Speaker, perkara ini adalah satu perkara yang *real* dan perkara yang sangat penting untuk kita perhatikan kerana kalau tidak kita akan meletakkan beban yang besar kepada pewaris-pewaris Negara kita kepada satu bebanan hutang yang sangat besar. Sebenarnya kalau ikut rekod yang dikeluarkan oleh seluruh Malaysia yang saya rasa sebahagiannya mungkin 10 atau 20% ini berlangsung di negeri Selangor. Ramai orang-orang muda yang termasuk dalam koleksi orang-orang yang bankrap kerana tidak mampu untuk membayar kereta dan akibat bebanan hutang kereta yang berlipat-lipat kali ganda. Bertanggung-bertanggung selama beberapa bulan. Ini perkara *real* yang dilalui dan saya pernah lalui sebelum ini sebelum jadi ADUN. Saya lalui sedikit insya-Allah, alhamdulillah dapat melepasi dan mengawal tapi isunya dengan kadar inflasi yang besar, dengan kadar peningkatan cukai perkhidmatan kemudian cukai gula atau pun subsidi gula kurang 20 sen sebab pemimpin UMNO tak hendak kita kena penyakit kencing manis, dicukaikan subsidi gula kurang 20 sen ya.

Jadi, perkara-perkara ini, kemudian minyak lagi naik 5 sen perkara-perkara ini bagi saya menambahkan beban kepada golongan-golongan muda ini yang perlu diambilkan perhatian oleh kerajaan negeri sesuai dengan tema kita sebagai sebuah negeri yang sejahtera, sebuah negeri yang maju dan sebuah negeri yang berkebakjikan dalam erti kata membantu mereka-mereka yang perlu tongkat sedikit untuk melonjak dan menaikkan tahap dan kemampuan ekonomi mereka. Bagi saya apa yang telah kita laksanakan ini sudah boleh diberikan tahap jempul atau pun tahap yang baik. Perlaksanaan skim mesra usia emas, perlaksanaan air percuma 20 meter padu, termasuk juga perlaksanaan 8 juta yang kita umumkan untuk pemberian meter-meter pukal di rumah-rumah *apartment* atau pun rumah-rumah pangsapuri yang selamanya ini adalah golongan-golongan yang sangat memerlukan air percuma dan sangat dinantikan bagi saya kita harus mempertingkatkan usaha ini kepada usaha-usaha untuk memberikan ruang kepada golongan-golongan muda ini melalui skim sell atau pun yang dipanggil mimbar atau pun yang paling mudah *micro credit* daripada kerajaan negeri untuk mengelakkan putaran ganas kemiskinan ini berterusan dan menyebabkan masalah pada ekonomi kita secara berterusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Seperkara lagi yang saya rasa sangat penting untuk saya sebutkan di sini iaitu berkenaan dengan belia dan sukan yang sangat rapat dengan generasi muda. Alhamdulillah. Kerajaan Negeri mengumumkan belanjawan sebanyak 4 juta untuk membantu persiapan Sukan Malaysia. Kita merupakan di antara negeri-negeri yang disegani dan dalam Sukan Malaysia yang lepas kita sedikit malang, sekali lagi kita menduduki tempat kedua akibat kekurangan empat atau pun lima pingat emas daripada negeri Terengganu. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak negeri yang begitu prihatin untuk melihat bagaimana pencapaian dan kemajuan sukan ini harus dipertingkatkan. Justeru itu juga saya menyeru kepada kerajaan negeri untuk mempertingkatkan keterlibatan GLC atau pun syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan ini untuk membantu mempertingkatkan kemajuan sukan.

GLC-GLC tertentu sewajarnya diberikan bantuan dan sokongan memberikan bantuan sebagai CSR mereka untuk meningkatkan kualiti dan pembangunan sukan. Selama ini MBI di bawah KDEB atau pun sebelum ini KDEB dan sekarang ini MBI memberikan sokongan kepada skuad bola sepak negeri kita. Alhamdulillah kita masih lagi disegani walau pun gagal merebut Piala Malaysia tapi kekal sebagai juara Liga Super selama dua tahun berturut-turut. Alhamdulillah di bawah Pakatan Rakyat. Dan kali ini bagi saya satu fokus kerja sama yang menyeluruh melibatkan anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk menyangga dan menyokong dengan lebih kuat aktiviti pembangunan sukan. Kerana kalau diikuti aktiviti ini ia memerlukan satu dana

yang sangat besar. Penelitian yang sangat besar dan sebahagian besarnya pelaburan ini melibatkan satu pelaburan yang bersifat jangka panjang. Kita tidak boleh melabur kepada atlet dalam sifat satu tahun, dua tahun melihatnya menjadi juara dunia.

Tapi kita perlu melabur mereka daripada awal serendah darjah dua sepuluh tahun atau pun paling tidak ketika mereka berusia sepuluh tahun darjah empat, lapan tahun darjah dua untuk dibantu disemai dan diberikan sokongan di peringkat akar umbi yang saya perhatikan bila saya dapat lihat dan turun kebetulan membantu Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar dalam aktiviti-aktiviti perancangan sukan dan sebagainya kita mempunyai satu jumlah bakat-bakat atlet yang sangat ramai. Namun bakat-bakat ini banyak yang tercicir di peringkat pertengahan mahu pun di peringkat atas kerana kurangnya sokongan. Sokongan dalam erti kata mereka yang membantu dan juga sokongan industri bagaimana atlet kita, *Sport Science* kita, *Sport Scientist* kita dan juga sebagainya itu mampu untuk menolak dan mempertingkatkan lagi kemampuan sukan di negeri Selangor. Pun begitu dalam bidang belia juga ada sedikit pengurangan. Dan saya minta perkara ini kalau boleh dilihat dan insya-Allah saya akan bahas daripada sudut pengurusan atau pun ah! peringkat jawatankuasa nanti, bagaimana pencapaian kita melaburkan aktiviti baik pulih ya! Kemudahan-kemudahan sukan yang kecil. Semalam sahabat saya Yang Berhormat Sijangking menyebutkan tentang stadium Jugra yang saya rasa perlu diberikan perhatian. Dan kalau kita tidak *invest* kepada *infra* ini yang hanya dibuat tapi tidak dibuat *maintenancenya* atau pun penyelenggaraannya saya percaya ia akan menjadi satu gajah putih pembaziran dan akhirnya usaha kita untuk melahirkan juara dunia akan terbantut. Alhamdulillah. Di bawah STANCO Belia dan Sukan nampaknya kita teruskan usaha kita melalui PEBT. Ini saya nak tegur balik pada Sg. Panjang, yang tak ada, cakap dengan kerusi Sg. Panjanglah Bila kita sebut kita lahirkan PEBT beliau menyamakan PEBT ini seperti JKPP. Bunyi macam betul tapi jauh dia macam langit dengan bumi. Bila kita bantah JKK Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Persekutuan kerana jelas bahawa di pihak negeri kita ada JKPP. Ini memang kuasa negeri. Tapi bila samakan PEBT dengan Majlis Belia Daerah ini satu pandangan yang tidak jelas dan tidak layak menjadi Menteri Besar. Majlis Belia Daerah ini terdiri daripada NGO-NGO belia. Tak ada kaitan dengan kerajaan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Timbalan Speaker. Saya minta sedikit penjelasan, pandangan daripada Yang Berhormat Batu Caves yang menyentuh tentang JKPP di mana dalam bajet di peringkat Parlimen yang dibentangkan oleh Perdana Menteri satu penggal iaitu Dato' Seri Najib Tun Razak telah menaikkan elaun JKPP. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa di negeri Selangor ini di bawah perlembagaan negeri Selangor ini yang kita iktirafkan adalah JKPP di bawah kerajaan negeri yang dipilih oleh rakyat. Tetapi, memandangkan oleh kerana dendam kesumat dan tidak menghormati semangat demokrasi dan mewujudkan ketua kampung JKPP dan ini telah menyebabkan wang rakyat di negeri Selangor atau pun di peringkat pusat dibayar dua kali. Tetapi peranannya sama ketua kampung. Jadi, oleh itu saya minta Yang Berhormat Batu Caves bagi pandangan, wajarkah wang rakyat ini dibazirkan begitu rupa? Mana nilai tambah dia. Terima kasih.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Sekinchan. Sudah pasti saya setuju. Saya minta masa sedikit. Tak habis lagi, banyak. Sudah pasti saya setuju dengan pandangan Sekinchan agar JKPP ini segera dihapuskan. Kerana kuasa JKPP ini adalah kuasa negeri dan kita bayar kepada mereka gaji dan usaha mereka. Kalau selama ini UMNO dan Barisan Nasional membangkitkan perpecahan yang dibangkitkan oleh parti-parti Pakatan Rakyat, inilah perbuatan perpecahan yang dibuat oleh UMNO dan Barisan Nasional di peringkat akar umbi melalui kelahiran JKPP. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak sebut tadi PEBT tadi yang disebut oleh Sg. Panjang, apa bezanya ketika pentadbiran Sg. Panjang, dia buat JKB Jawatankuasa Belia di peringkat kampung. Kan dah ada Majlis Belia Daerah buat apa nak buat

JKB ketika itu. Bagi saya ini satu pandangan yang sengaja mencari pasal dan tidak jelas dan tidak layak disebutkan oleh Sg. Panjang. Sangat salah dan bagi saya adalah satu perkara yang tidak boleh kalau kita terima sebagai salah satu daripada strategi atau pun bagaimana pembangkang yang berkaliber mewarisi kerajaan negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Akhirnya, saya sebut tadi kemiskinan bandar dan sudah pastinya satu usaha yang sangat penting juga untuk melepasi dan memberikan nilai tambah kepada rakyat di peringkat pendalaman terutama peneroka-peneroka bandar dan juga orang-orang yang terlibat di kawasan-kawasan kampung yang melibatkan peneroka-peneroka tanah ini. Pada awal tahun ini kerajaan negeri mengumumkan di bawah Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar untuk memberikan tanah lebih kurang 100 ribu geran tanah. Dan perkara ini juga bukan perkara baru kerana seawal pemerintahan kita sebutkan mereka-mereka yang tinggal lebih dua puluh, tiga puluh tahun kita akan berikan geran tanah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Satu minit lagi

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita hanya benarkan sehingga pukul tujuh.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Sekejap, isu tanah tak habis. Biar saya habiskan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita sambung besok.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Besok tak boleh dah. Saya dah bajet dah. Besok nak gulung dah. Yang Berhormat saya minta sedikit, sebab saya nak minta *appeal* saya. Sebentar, kurang daripada dua minit. Janji Pakatan Rakyat. Bukan janji Barisan Nasional.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini ah!..

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Peraturan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini peraturan ya. Sebab usul tadi hanya mengehadkan hingga pukul jam tujuh malam.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Allah. Besok boleh ya. *Okey*.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Besok.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Besok BN dah ada, *okey*.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat jam sudah menunjukkan pukul tujuh ya. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi 11 November 2010. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 7.00 malam)

